

SULIT



**MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH
BIL 5/2021**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

MASA: 10.00 PAGI

TEMPAT : online meeting

<https://meet.google.com/hhg-rcjs-gwk>

SULIT

**AGENDA MESYUARAT MAJLIS PENUH
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
BIL 5/2021 PADA 4 OKTOBER 2021**

- 1.0 Ucapan Aluan Tuan Pengerusi**
- 2.0 Mengesah Minit Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 4/2021 bertarikh 23 Ogos 2021**
- 3.0 Perkara-perkara berbangkit**
- 4.0 Menerima Ketetapan Minit-minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap**
 - 4.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 5/2021 bertarikh 8 September 2021**
 - 4.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 5/2021 bertarikh 8 September 2021**
 - 4.3 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran & Pelancongan Bil 5/2020 bertarikh 8 September 2021**
 - 4.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 5/2020 bertarikh 8 September 2021**
- 5.0 Menerima ketetapan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)**
 - 5.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 6/2021 bertarikh 25 Ogos 2021**

6.0 Menimbang perkara-perkara baru

- 6.1 Cadangan melanjutkan Program Pemberian Insentif Ransangan Ekonomi Kali Ketujuh (7) Semasa Pandemik Covid 19**
- 6.2 Kertas Kerja Cadangan Draf Undang-undang Kecil Pelesenan Premis Tred (Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan) 2021**
- 6.3 Kertas Kerja Mengenai Kajian Penempatan Kuota Premis Peminjam Wang Berlesen di Sekitar Langkawi**
- 6.4 Pembentangan Draf Garis Panduan Lesen Perniagaan Sementara di atas Rezab Simpanan Pantai**
- 6.5 Kertas Kerja Memohon Kelulusan Lesen Perniagaan Sementara Aktiviti Pertunjukan Api di Pantai Chenang**
- 6.6 Kertas Kerja Memohon Kelulusan Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik) Aktiviti Perniagaan Alat Permainan Kanak-kanak di Kawasan Pantai Chenang**
- 6.7 Kertas Kerja Permohonan Mengadakan Karnival Jualan Tahun 2021 di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman**

7.0 Pembentangan Usul

8.0 Penangguhan Mesyuarat

Agenda 1.0

Ucapan Aluan Tuan Pengerusi

Agenda 2.0

Mengesahkan Minit Mesyuarat
Majlis Penuh Majlis Perbandaran
Langkawi Bandaraya Pelancongan
Bil 4/2021 bertarikh 23 Ogos 2021

SULIT

**MESYUARAT MAJLIS PENUH
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI
BANDARAYA PELANCONGAN
KEDAH DARUL AMAN
BIL 4/2021**

TARIKH: 23 Ogos 2021 (Isnin)

JAM : 10.00 pagi

TEMPAT: atas talian
<https://meet.google.com/aoz-exuh-dtx>

KEHADIRAN

1. Y. Bhg. En. Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
2. Tuan Pegawai Daerah Langkawi
(Tn. Hj. Saiful Anwar bin Azmi, AMK, BCK) - Ahli
3. Lembaga Pembangunan Langkawi
(En. Nasaruddin bin Abdul Muttalib) - Ahli
4. Ketua Polis Daerah Langkawi
(ACP Shariman bin Ashari) - Ahli
5. Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi
(Dr Mansor bin Ismail) - Ahli
6. PlanMalaysia@Kedah
(Tn. Hj. Mustafa Bakri bin Alias Sani) - Ahli
7. Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Daerah Langkawi
(Tn. Hj. Ahmad Lokman bin Saidin) - Ahli
8. Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan dan Saliran
(Tn. Hj. Norazidi bin Yunus) - Ahli
9. En. Zubir bin Ahmad, BKM - Ahli
Ahli Majlis

SULIT

SULIT

- | | | |
|-----|---|--------|
| 10. | En. Mazlan bin Ahmad, BKM
Ahli Majlis | - Ahli |
| 11. | En. Ahmad Nazri bin Ali
Ahli Majlis | - Ahli |
| 12. | Pn. Azlina bt. Azinan
Ahli Majlis | - Ahli |
| 13. | En. Amar Pared bin Mahamud
Ahli Majlis | - Ahli |
| 14. | En. Elias bin Othman, BKM, PJK, PPN
Ahli Majlis | - Ahli |
| 15. | Tn. Hj. Hasim bin M. Noh, AMK, BKM, PPN, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 16. | Tn. Hj. Kamarudzaman bin Mustafa
Ahli Majlis | - Ahli |
| 17. | En. Nor Saidi bin Nanyan, BCK, BKM, JP
Ahli Majlis | - Ahli |
| 18. | Pn. Hisham Suhaily bt. Othman, KMN, AMK, BKM
Ahli Majlis | - Ahli |
| 19. | En. Fazil bin Talib, AMK, BKM, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 20. | En. Look Sia Hing, AMK, BKM, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 21. | En. Dhurairaj a/l K. Ramasamy, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 22. | Tn. Hj. Nordin bin Ahli
Ahli Majlis | - Ahli |
| 23. | Pn. Noor Hashimah bt. Abu Hashim
Ahli Majlis | - Ahli |
| 24. | En. Selvakumar a/l G.Arpayya
Ahli Majlis | - Ahli |
| 25. | En. Safari bin Shaberi
Ahli Majlis | - Ahli |

SULIT

SULIT

26. Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK - Setiausaha
Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

TURUT HADIR SESI PEMBENTANGAN

1. Y. Bhg. Datin Seri Laila binti Garieb
Tenaga Nasional Berhad
2. En Elias bin Jailani
Tenaga Nasional Berhad

TURUT HADIR

1. En. Azli bin Abd. Rani
Pengarah
Jabatan Kesihatan Persekutaran
2. En. Fauzi bin Ahmad
Pengarah
Jabatan Kejuruteraan
3. Pn. Harzanin bt. Harun
Pengarah
Jabatan Perbendaharaan
4. En. Zulidzham bin Mohd. Ali
Pegawai Perancang
Unit OSC
5. En. Muhamad Hisham bin Zainal Aznam
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan
6. Pn. Anis Sallihah bt. Zabudin
Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan
7. Cik Siti Aisyah bt Mohd Taib
Pengarah
Jabatan Perancangan Pembangunan dan Lanskap
8. Pn. Harzanin bt. Harun
Akauntan
Jabatan Perbendaharaan

SULIT

SULIT

TIDAK HADIR

1. Pn. Rashila bt. Abdullah
Pengarah
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
2. En. Mohd. Fatkhy bin Mohd. Jamil
Pegawai Undang-undang
Unit Undang-undang

URUS SETIA

1. Pn. Manisah bt. Hj. Manap
Setiausaha Pejabat - Pencatit Minit

SULIT

SULIT

1.0 ALUAN PENERUS

Tuan Pengerusi memberi salam dan mengucapkan ribuan terima kasih di atas kehadiran Ahli-ahli Majlis yang meluangkan masa hadir ke Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi kali keempat secara atas talian. Beliau memaklumkan Mesyuarat atas talian perlu diteruskan bagi memastikan bahawa perkhidmatan kepada Majlis dapat diteruskan.

Dalam Ucapan Tuan Pengerusi, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:

1.1 Sumbangan dan Bantuan MPLBP ke Daerah Yan

Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah memberi sumbangan wang tunai sebanyak RM9,000.00 dan juga bantuan jentera serta petugas untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan akibat Bencana Kepala Air yang berlaku di Daerah Yan pada 18 Ogos 2021 yang lalu.

1.2 SOP Baru dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN)

Pihak MKN telahpun mengeluarkan SOP baru untuk Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara yang mana melibatkan kemudahan kepada penerima vaksinasi lengkap. Dalam SOP baru Fasa 1 tersebut, Pasar Malam, Pasar Minggu dan aktiviti *dine-in*, sukan dan riadah yang tidak bersentuhan fizikal serta aktiviti perkemahan dan perkhemahan adalah dibenarkan. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis akan membuat pelarasan dan menyusun semula pembukaan Pasar Malam di bawah seliaan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

1.3 Status Jangkitan Covid19 di Pejabat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Pejabat Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah ditutup pada 11 dan 12 Ogos 2021 selama dua hari bagi kerja-kerja sanitasi dan pengesanan kontak rapat. Sehingga kini 4 kes positif di kalangan warga kerja Majlis terlibat dan sebanyak 26 orang dalam tempoh kuarantin. Sebanyak 20 orang kakitangan Jabatan Penguatkuasa juga diarahkan kuarantin yang merupakan kontak rapat.

1.4 Program Recycle & Redeem Bersama E-Idaman

Pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bersama-sama dengan pihak e-Idaman telah menjalankan Program Recycle & Redeem di Pasar Awam Kelibang, Kuah, Langkawi pada setiap hari Sabtu. Orang ramai boleh menebus satu barangan keperluan asas apabila membawa 1kg barangan kitar semula. Inisiatif program ini diadakan adalah bagi membantu orang ramai mendapatkan barangan keperluan asas serta menggalakkan orang ramai melakukan kitar semula.

SULIT

1.5 Sambutan Hari Kemerdekaan ke 64

Sempena Bulan Kemerdekaan pada tahun 2021, pihak Kerajaan Negeri telah memohon agar semua premis di seluruh Negeri Kedah untuk memasang bendera Malaysia bagi memeriahkan lagi Sambutan Hari Kemerdekaan kali ke 64. Tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini adalah "Malaysia Prihatin". Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2021 Peringkat Negeri Kedah Darul Aman telah diadakan pada 16 Ogos 2021 oleh YAB Menteri Besar Kedah Darul Aman. Pihak Majlis juga telah memasang bendera-bendera di sekitar Daerah Langkawi bagi menyemarakkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan.

1.6 Isu Tangkapan Anjing Liar

Baru-baru ini telah diviralkan berkenaan isu tangkapan anjing liar di Kulim yang mana berikutan rakaman yang dirakamkan oleh orang awam. Isu tersebut mendapat perhatian KDYMM Tuanku Sultan dan Tuanku Sultanah dan satu perbincangan dan pemakluman berkaitan isu tersebut telahpun diadakan pada 22 Ogos 2021 oleh pihak PDRM. Semua Pihak Berkuasa Tempatan diminta untuk mengambil tindakan akan isu ini dan mengadakan operasi anjing liar mengikut tatacara dan prosedur yang telah ditetapkan.

1.7 Lawatan YAB Perdana Menteri Malaysia ke Kedah Darul Aman

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaacob, Perdana Menteri Malaysia ke 9 akan mengadakan lawatan kerja di Negeri Kedah Darul Aman pada 23 Ogos 2021. Ini merupakan lawatan turun padang pertama beliau setelah dilantik sebagai Perdana Menteri. YAB Perdana Menteri akan mengadakan lawatan bencana ke Daerah Kuala Muda dan Daerah Yan bagi melihat sendiri keadaan bencana banjir kilat yang berlaku baru-baru ini.

1.8 Pembukaan Sektor Pelancongan di Daerah Langkawi

Program vaksinasi Langkawi dijangka mencapai 80% populasi dewasa yang menerima suntikan lengkap vaksinasi. Selain itu, sektor pelancongan Langkawi dijangka akan dibuka pada bulan September 2021. Berikutan pembukaan sektor pelancongan tersebut, semua aktiviti ekonomi akan dibenarkan buka seperti biasa kecuali 3 aktiviti iaitu Kelab Malam, Pub dan MICE (*Meeting International Conference Exhibition*).

SULIT

Persiapan dan kesiapsiagaan semua sektor untuk menerima kedatangan pelancong perlu dibuat dengan lebih teliti memandangkan Covid19 masih lagi berada di dalam komuniti. Pihak Majlis juga perlu mengambil tindakan proaktif berkenaan perkara ini terutama melibatkan aktiviti-aktiviti di kawasan Pantai Chenang yang mana merupakan kawasan tumpuan pelancong. Aktiviti di atas pantai seperti jet ski, pertunjukan api dan payung rehat perlu diteliti agar SOP dipatuhi. Selain itu, pihak LADA juga telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan *My Safe Langkawi* yang mana merupakan satu program persijilan kepada premis-premis yang mengikut standard *My Safe Langkawi* dalam menyediakan perkhidmatan yang selamat Covid19.

Tindakan: Makluman

2.0 SESI PEMBENTANGAN

2.1 Taklimat Berkaitan Smart Meter di Kawasan Langkawi oleh Tenaga Nasional Berhad

Projek ini merupakan satu projek transformasi digital di Malaysia. Projek ini telahpun selesai dilaksanakan di Melaka dan sedang rancak dijalankan di Lembah Klang, Selangor dan Putrajaya.

Taklimat pada hari ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memohon kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan bagi pemasangan smart meter di Langkawi. Projek smart meter di Kedah ini dimulakan di Langkawi dan Kuala Nerang. Tujuan pemasangan smart meter ini adalah untuk mentransformasi teknologi digital yang lebih telus dan cepat ke arah pengguna menjadi *smart energy user*.

Taklimat diberikan oleh Y. Bhg. Datin Laila yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- i) Penukaran teknologi meter kepada digital (meter pintar) memudahkan pengguna melihat penggunaan harian bekalan elektrik di rumah
- ii) Contoh teknologi meter iaitu RF Meter dan Cellular Meter digunakan khusus pelanggan domestik dan komersial
- iii) Meter ini akan dibekalkan sebanyak 9.1 juta pelanggan TNB seluruh Malaysia
- iv) Menjelang Disember 35,000 akan dipasang di Langkawi untuk pengguna domestik dan komersial. Pemasangan ini telah dilaksanakan kepada 3.5 juta kepada pengguna Melaka, Selangor, Lembah Klang dan Putrajaya

SULIT

SULIT

- v) Bagaimana smart meter dapat memberi manfaat kepada pelanggan
 - a) Pengguna boleh melihat penggunaan data elektrik setiap hari termasuk jumlah kos yang digunakan
 - b) Pengguna akan dapat mengawal kos penggunaan tenaga
 - c) Urusan Khidmat Sambung Semula Mudah
Membolehkan penyambungan semula bekalan elektrik untuk akaun *move in* dan *move out* dibuat secara online sahaja
 - d) Amaran Bil Tinggi
 - e) *Outage Management*
Pelanggan terima info gangguan dan sasaran bekalan pulih tanpa perlu menghubungi TNB
 - f) *Prepaid*
Pelan pra-bayar muda secara online tanpa perlu ke kedai Tenaga an top-up
 - g) Pilihan Tarif
Pilihan untuk dapatkan *time of use* tariffs dan nikmat diskaun tarik elektrik apabila menggunakan elektrik di luar waktu bebanan tinggi.
- vi) Contoh *myTNB mobile app*
- viii) Perkhidmatan *auto billing and net energy metering scheme (NEMS)*
- ix) Pengkongsian TNB Meter Pintar mengurangkan kerisauan keupayan dalam pembacaan meter dengan lebih cepat dan telus

Bagaimana sistem meter ini dapat menolong dan dibangunkan di Pulau Langkawi dibentangkan oleh En Elias bin Jailani dari TNB yang merangkumi beberapa perkara berikut:

- i) Keperluan network untuk pemasangan met
- ii) Bentuk pemasangan di kawasan Pencawang TNB
Daerah Langkawi akan dipasang NAN Collector
- iii) Taburan Meter di Daerah Langkawi
 - RF Meter anggaran 37,000 meter
 - Cellular meter anggaran 2,000 meter

SULIT

SULIT

- iv) 65 NAN Collector akan dipasang di Langkawi
- v) Pengolehan pensijilan dari SIRIM
- vi) Kerjasama dengan pihak Berkuasa Tempatan untuk mendapat surat sokongan
- vii) Pembinaan network akan dimulakan pada bulan September 2021

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan taklimat yang disampaikan dan mengambil maklum beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Majlis antaranya:

- i) Mengemukakan pelan kepada PlanMalaysia dan sokongan daripada MCMC untuk tujuan penyelarasan bersama Pihak Berkuasa Tempatan yang lain di Negeri Kedah.
- ii) Kebaikan kepada pengguna yang tidak mempunyai *smart phone* dan bayaran letrik hanya RM20 ke bawah sahaja. Pelanggan tetap menerima bil seperti biasa dan tiada kenaikan tarif elektrik.
- iii) Mengambilkira pemasangan satu phase dan *three phase* di setengah-setengah kediaman yang mempunyai meter berbeza
- iv) Kemungkinan berlaku ketidakcukupan bekalan letrik menyebabkan pengguna menghadapi kerosakan barangan elektrik.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Meter pintar merekodkan kegagalan *over voltage* dan *lower voltage* bagi mengatasi masalah ini melalui data meter pintar. Pemasangan papan meter jika rosak akan ditukar dahulu sebelum pemasangan meter dan ditanggung sepenuhnya oleh TNB.

Pihak Tenaga Nasional Berhad juga memohon untuk mendapatkan surat sokongan daripada pihak Majlis bagi menjalankan projek ini yang dijangka akan bermula pada bulan September 2021.

Mesyuarat mengambil maklum taklimat yang dibentangkan dan meminta supaya pihak Tenaga Nasional Berhad mengambilkira beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Majlis.

Tindakan: Makluman

SULIT

SULIT

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PENUH MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN BIL 3/2021 BERTARIKH 7 JULAI 2021

Sebelum Minit Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 2/2021 bertarikh 27 Mei 2021 disahkan, Mesyuarat bersetuju beberapa pindaan iaitu di Perkara 9.6 dan dibaca seperti '*herd immunity*'

Setelah tiada pindaan lain, Minit Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Bil 3/2021 bertarikh 7 Julai 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Nor Saidi bin Nanyan dan disokong untuk diterima dengan cadangan Tn. Hj. Hasim bin M. Noh.

Tindakan: Makluman

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada.

5.0 MENERIMA KETETAPAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP

5.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 4/2021 bertarikh 2 Ogos 2021

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 4/2021 bertarikh 2 Ogos 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Elias bin Othman dan disokong untuk diterima dengan cadangan oleh En. Look Sia Hing.

Tindakan: Makluman

5.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 4/2021 bertarikh 2 Ogos 2021

Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil 4/2021 bertarikh 2 Ogos 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan Tn. Hj. Nordin bin Ali disokong untuk diterima dengan cadangan oleh En. Look Sia Hing.

Tindakan: Makluman

SULIT

SULIT

5.3 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan Bil 4/2020 bertarikh 2 Ogos 2021

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan Bil 4/2020 bertarikh 2 Ogos 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Elias bin Othman dan disokong untuk diterima dengan cadangan oleh En. Look Sia Hing.

Tindakan: Makluman

5.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 4/2020 bertarikh 2 Ogos 2021

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Bil 4/2021 bertarikh 2 Ogos 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan En. Nordin bin Ali dan disokong untuk diterima dengan cadangan Tn. Hj Hasim bin M. Noh.

Tindakan: Makluman

6.0 Menerima Ketetapan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

6.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 5/2021 bertarikh 29 Julai 2021

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil 5/2021 bertarikh 29 Julai 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima bagi pengesahan dan sokongan dengan sebulat suara.

Tindakan: Makluman

7.0 MENIMBANG PERKARA-PERKARA BARU

7.1 Kertas Rayuan Perlanjutan Tempoh Kenaan Caj Notis E Cukai Taksiran oleh Pemilik Pegangan Bercukai bagi Penggal Kedua Tahun 2021 semasa Tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Covid19

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh Pn Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

SULIT

SULIT

Setelah berbincang, Mesyuarat bersetuju dengan rayuan perlanjutan tempoh kenaaan Caj Notis E Cukai Taksiran oleh Pemilik Pegangan Bercukai bagi Penggal Kedua Tahun 2021 semasa Tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Covid19 dan akan dikenakan pada 1 Oktober 2021.

Tindakan: Jabatan Pengurusan dan Perkhidmatan Harta

- 7.2 Kertas Cadangan Perlantikan Panel Peguam bagi Mewakili Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi Kes Hafiz bin Kamaruddin Lawan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan di dalam Mahkamah Sesyen Shah Alam (Nombor Kes: BA-A51-2-07-2021)**

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh Pn Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Setelah berbincang, Mesyuarat bersetuju untuk melantik Tetuan Tawfeek Badjenid & Partners, Peguambela dan Penguamcara beralamat di Suite 40C, Tingkat 3, Bangunan Tabung Haji, No. 40, Jalan PSK 1, Simpang Kuala, Alor Setar, Kedah Darul Aman bagi mewakili Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan untuk Kes Hafiz bin Kamaruddin Lawan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan di dalam Mahkamah Sesyen Shah Alam (Nombor Kes: BA-A51-2-07/2021) berkuatkuasa pada 23 Ogos 2021 sehingga proses tindakan sibil tersebut selesai diputuskan oleh Mahkamah.

Tindakan: Unit Undang-undang

- 7.3 Cadangan Penambahbaikan Sistem Kutipan Sampah di Kampung Padang Lunas dan Kiosk-kiosk Niaga Baru Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan**

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh Pn Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Setelah berbincang, Mesyuarat bersetuju dengan cadangan penambahbaikan kutipan sampah di tapak tong sampah Kampung Padang Lunas yang terletak berhampiran Simpang Tiga Taman Rima Mas dan penyediaan kemudahan tong sampah dan perkhidmatan kutipan sampah bagi 48 kiosk Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan yang baru yang melibatkan pertambahan kos bayaran oleh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan kepada pihak SW Corp sebanyak RM2,363.52 setahun.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran SULIT

SULIT

7.4 Cadangan Melanjutkan Pemberian Insentif Pengecualian Caj Warisan (Cukai Pelancongan) Semasa Pendemik Covid19

Kertas Kerja tersebut dibentangkan oleh Pn Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Setelah berbincang, Mesyuarat bersetuju untuk memberi kelulusan lanjutan insentif pengecualian Caj Warisan semasa Pendemik Covid19 selama 5 (5) bulan iaitu pada bulan Mei 2021 sehingga September 2021 yang melibatkan anggaran kos pengecualian caj sebanyak RM1,333,333,33 iaitu 42% daripada anggaran kutipan bajet Caj Warisan 2021 dan Mesyuarat juga bersetuju supaya diberi kuasa kepada pihak pentadbiran Majlis untuk kutipan semula Caj Warisan bergantung kepada keadaan kedatangan pelancong.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

8.0 PEMBENTANGAN USUL

8.1 Pembukaan sektor pelancongan

Tuan Pegawai Daerah Langkawi memaklumkan gelumbang pelancongan akan dibuka mulai 16 September 2021. Beliau memaklumkan menerima banyak cadangan dan komen-komen dari orang awam berikutan pengumuman tersebut yang dibuat oleh YAB Perdana Menteri Malaysia baru-baru ini. Walaubagaimanapun, beliau menyarankan apa sahaja yang diputuskan sebagai penduduk Pulau Langkawi kita mesti mematuhi dan beliau menegaskan supaya SOP ketat dipatuhi sewaktu pembukaan sektor pelancongan di Pulau Langkawi.

Beliau juga memaklumkan bahawa pihak LADA, MKN dan KKM masih lagi berbincang untuk memutuskan SOP akhir sebelum pembukaan sektor pelancongan di Pulau Langkawi pada 16 September 2021.

Tindakan: Makluman

8.2 Satus semasa Covid19 di Daerah Langkawi

Dr Mansor bin Ismail, Pegawai Kesihatan Daerah Langkawi memaklumkan bahawa Daerah Langkawi telah berada di dalam Zon Merah dan setakat 23 Ogos 2021 sebanyak 1,290 kes aktif di Daerah Langkawi dan angka kes positif masih banyak setiap hari. Kes positif pada 22 Ogos 2021 adalah 70 kes.

SULIT

SULIT

Beliau juga memaklumkan bahawa masih ramai lagi penduduk Langkawi masih belum mengambil vaksin dan perkara ini terbukti apabila pengambilan vaksin dibuka secara walk in pada 19 Ogos 2021 yang lalu.

Beliau juga mencadangkan agar dimasukkan dalam syarat lesen untuk pemilik perniagaan lengkap vaksin dan mengalakkan premis menyertai '*MySafe Langkawi*'.

Beliau menyarankan supaya penguatkuasaan SOP diperketatkan sekiranya sektor pelancongan dibuka di Langkawi pada bulan September ini.

Tindakan: Makluman

8.3 *MySafe Langkawi*

Tuan Ketua Pegawai Eksekutif memaklumkan bahawa satu taklimat berkenaan kawalan di pintu masuk Langkawi akan diadakan pada petang ini kepada MKN untuk membuka sektor pelancongan di Langkawi. Antara yang akan dibincangkan adalah semakan oleh pengusaha feri kepada penumpang yang mempunyai dua dos sahaja dibenarkan masuk ke Langkawi.

Malaysia Airport Berhad akan menghadkan 12 trip penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Dua buah hotel akan disediakan sebagai hotel kuarantin kepada pelancong-pelancong yang dewan setibanya di Langkawi iaitu Hotel Eagle Bay di Kuah dan Hotel Adya di Chenang. Beliau berharap tempat-tempat pelancongan contohnya hotel penginapan mempunyai SOP yang ditetapkan. Hanya pekerja-pekerja yang lengkap vaksin dibenarkan bekerja.

Tindakan: Makluman

8.4 Keselamatan semasa Covid19 di Langkawi

Tuan Ketua Polis Daerah Langkawi memaklumkan pemeriksaan kemasukan pelancong di Jeti Kuah, Jeti Tanjung Lembung dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi diteruskan setiap hari. Pemeriksaan premis-premis perniagaan dijalankan dari masa ke semasa dengan mengadakan operasi bersama penguatkuasa Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Rela dan agensi lain dan ianya akan dibuat secara berterusan. Di bawah Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 (PPN) pihak Polis banyak memberi amaran dan nasihat. Tiga kompaun dikeluarkan pada minggu lepas iaitu di kawasan PKPD. Kawalan di kawasan PKPD Bukit Malut akan tamat pada malam ini manakala Taman Nilam sehingga 3 September 2021. Operasi kawalan PKPD dijalankan bersama TLDM, Rela dan APMM.

SULIT

SULIT

Pihaknya juga menjalankan operasi di kawasan penduduk yang diarahkan kuarantin di rumah supaya mereka tidak keluar.

Tindakan: Makluman

8.5 Pengambilan Vaksin Lengkap

Tuan Pegawai Daerah menyarankan setiap penduduk Langkawi yang bekerja di sektor penghotelan hendaklah mengambil vaksin lengkap bagi menghadapi kemasukan pelancong ke Langkawi.

Tindakan: Makluman

Mesyuarat memutuskan:

- i) Mengambil maklum usul-usul yang dibangkitkan
- ii) Merujuk kepada Mesyuarat Jawatankuasa Tetap yang berkenaan untuk tindakan lanjut.

9.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi menangguhkan mesyuarat dengan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli yang hadir.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.45 tengahari.

Disediakan oleh,



(MANISAH BT. HJ. MANAP)

**Pencatit Minit
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman**

Disemak oleh,



**(NOORUL AZYYATI BT AHMAD
SALMI., BCK)
Setiausaha
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman**

Disahkan oleh,



**(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman**

SULIT

Agenda 3.0

Perkara-perkara berbangkit

Agenda 4.0

Menerima Ketetapan Minit-minit
Mesyuarat Jawatankuasa Tetap

Agenda 4.0

4.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa
Tetap Kewangan bil 5/2021
bertarikh 8 September 2021

MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN BIL 05 / 2021

TARIKH : 08 September 2021 (Isnin)
MASA : 10.00 Pagi
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
PAUTAN : <https://meet.google.com/unw-ynag-avu>

KEHADIRAN

1. Tuan Radzuan Bin Osman, AMK., BCK.
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi - Pengerusi
2. Encik Saiful Anwar Bin Azmi
Pejabat Daerah Langkawi - Ahli
3. Encik Ibrahim Bin Jacob
Lembaga Pembangunan Langkawi - Wakil
4. Encik Zubir Bin Ahmad, BCK.
Ahli Majlis - Ahli
5. Encik Nor Saidi Bin Nanyan, BCK., BKM., JP
Ahli Majlis - Ahli
6. Encik Amar Pared Bin Mahamud
Ahli Majlis - Ahli
7. Encik Fazil bin Talib, AMK., BKM., PJK
Ahli Majlis - Ahli
8. Encik Ahmad Nadzri Bin Ali
Ahli Majlis - Ahli
9. Encik Kamarudzaman Bin Mustafa
Ahli Majlis - Ahli
10. Encik Elias bin Othman, BKM., PJK., PPN
Ahli Majlis - Ahli
11. Look Sia Hing, AMK., BKM., PJK
Ahli Majlis - Ahli

SULIT

- | | |
|---|--------------|
| 12. Puan Azlina bin Azinan
Ahli Majlis | - Ahli |
| 13. Puan Noor Hashimah binti Abu Hashim
Ahli Majlis | - Ahli |
| 14. Encik Dhurairaj A/L Ramasamy, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 15. Encik Nordin Bin Ali
Ahli Majlis | - Ahli |
| 16. Encik Mazlan bin Ahmad, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 17. Puan Hisham Suhaily binti Othman, KMN.,AMK.,BKM
Ahli Majlis | - Ahli |
| 18. Encik Hasim Bin M. Noh, AMK., BKM., PPN., PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 19. Encik Selvakumaran A/L G. Arpaya
Ahli Majlis | - Ahli |
| 20. Encik Safari bin Saberi
Ahli Majlis | - Ahli |
| 21. Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK.
Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi | - Setiausaha |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Puan Harzanin Bin Harun
Akauntan
Jabatan Perbendaharaan
2. Encik Mohamad Khairul Azmi Bin Ghazali
Penolong Pegawai Penguatkuasa
Jabatan Penguatkuasaan

TURUT HADIR

1. Cik Marina Binti Mohamad Dali
Penolong Akauntan
Jabatan Perbendaharaan

SULIT

2. Puan Rashila Binti Abdullah
Pengarah
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
3. Puan Anis Sallihah binti Zabudin
Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Encik Azli bin Abd. Rani, BCK
Pengarah
Jabatan Kesihatan Persekutaran
5. Encik Fauzi bin Ahmad, BCK
Pengarah
Jabatan Kejuruteraan
6. Encik Muhamad Hisham bin Zainal Aznam
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan
7. Cik Siti Aisyah Binti Mohd Taib
Pengarah
Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap
8. Puan Che Asma binti Che Azmi
Juruaudit
Unit Audit Dalam
9. Encik Mohd Fatkhy Bin Mohd Jamil
Pegawai Undang-Undang
Unit Undang-Undang
10. Encik Mohd Zulidzham Bin Mohd Ali
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
Unit OSC
11. Puan Manisah binti Hj. Manap, PCK.
Setiausaha Pejabat

URUS SETIA

1. Puan Aina Binti Yusof
Jabatan Perbendaharaan
- Pencatat Minit

1.0 ALUAN Pengerusi

- 1.1** Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 05/2021 pada pagi ini dimulakan dengan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat yang hadir. Mesyuarat yang diadakan pada hari ini adalah Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan yang diadakan secara atas talian.
- 1.2** Tuan Pengerusi memaklumkan mengenai pucuk pimpinan negara yang telah bertukar baru-baru ini. Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan yang baru dilantik ialah Yang Berhormat Dato' Sri Reezal Merican Bin Naina Merican. Tuan Pengerusi bercadang untuk membuat kunjungan ke kementerian bersama beberapa orang Ahli Majlis selepas selesai isu Covid-19.
- 1.3** Tuan Pengerusi memohon maaf kepada semua ahli mesyuarat di atas penundaan mesyuarat kerana operasi pejabat terpaksa ditutup 2 hari disebabkan beberapa orang kakitangan majlis positif Covid-19.
- 1.4** Tuan Pengerusi memaklumkan Pengauditan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2020 telah dijalankan pada 22 hingga 26 Ogos 2021 yang lalu dan berharap Majlis mendapat Sijil Bersih pada kali ini.
- 1.5** Mesyuarat diteruskan seperti agenda.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP KEWANGAN BIL 04/2021 BERTARIKH 02 OGOS 2021.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil 04/2021 bertarikh 02 Ogos 2021 dibentangkan. Encik Nor Saidi Bin Nanyan mencadangkan untuk disahkan Minit Mesyuarat Bil 04/2021 dengan pindaan di muka surat 8 dan disokong oleh Encik Amar Pared Bin Mahamud untuk disahkan oleh semua ahli mesyuarat .

Tindakan: Makluman

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Tuntutan Bayaran Pampasan Pengambilalihan Padang Golf Langkawi Oleh Kedah Corp. Berhad

Pihak MPLBP telah mengeluarkan surat tuntutan tunggakan kepada MBI pada 26 Ogos 2021 berjumlah RM 480,000.00 mulai April 2020 hingga Julai 2021.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.2 Tunggakan Kutipan Cukai Taksiran

Jumlah kutipan tunggakan Cukai Taksiran bagi bulan Julai 2021 **RM 52,109.49**. Jumlah keseluruhan kutipan tunggakan cukai taksiran sehingga Julai 2021 adalah **RM 599,452.16**.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

3.3 Prestasi Pengurusan Cukai Taksiran

Jumlah keseluruhan tunggakan cukai taksiran sehingga 31 Disember 2020 ialah **RM 7,301,589.49**. Sehingga 31 Julai 2021, kutipan tunggakan yang berjaya dikutip adalah sebanyak **RM 599,452.16**. Baki yang belum dikutip adalah sebanyak **RM 6,702,172.33**.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.0 MEMBENTANG LAPORAN KEWANGAN

Pembentangan Penyata Kewangan Penerimaan dan Perbelanjaan bagi bulan Julai 2021.

Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Kewangan Penerimaan dan Perbelanjaan bagi bulan Julai 2021 yang telah dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan. Keseluruhan kutipan hasil pada bulan Julai 2021 adalah berjumlah **RM 847,965.57**. Peratus kutipan hasil berbanding Bajet 2021 adalah sebanyak **51%**.

Laporan Perbelanjaan bagi Kumpulan Wang Majlis pada bulan Julai 2021 adalah sebanyak **RM 1,534,444.42**. Peratus perbelanjaan sebenar berbanding Bajet 2021 adalah **33%**.

Tindakan: Jabatan Perbendaharaan

4.1 Laporan Hasil Cukai Taksiran

Bagi laporan cukai taksiran bagi bulan Julai 2021, keseluruhan kutipan yang berjaya dikutip adalah sebanyak **RM 462,134.51** iaitu **RM 410,025.02** untuk kutipan cukai taksiran semasa manakala **RM 52,109.49** adalah hasil kutipan tunggakan cukai taksiran.

Kutipan cukai taksiran yang sepatutnya dikutip pada penggal kedua tahun 2021 adalah berjumlah **RM 14,668,568.45**. Sehingga 31 Julai 2021, jumlah kutipan adalah sebanyak **RM 7,602,016.74** (51.83%). Ini menunjukkan kutipan yang belum diterima bagi penggal pertama berjumlah **RM 7,066,551.71** (48.17 %).

Manakala bagi laporan tunggakan pada tahun 2020, jumlah tunggakan adalah sebanyak **RM 7,301,589.49**. Sehingga 31 Julai 2021 sebanyak **RM 599,452.16** (8.21%) yang telah berjaya dikutip menjadikan baki tunggakan adalah sebanyak **RM 6,702,172.33** (91.79 %).

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.2 Laporan Hasil Lesen dan Sewaan

Laporan kutipan sewaan (semasa) yang berjaya dikutip sehingga 31 Julai 2021 adalah berjumlah **RM 351,830.00** bersamaan dengan 63.70 % daripada jumlah bil yang dikeluarkan. Baki **RM 200,475.00** (36.30%) masih belum diterima.

Manakala tunggakan sewaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Julai 2021 berjumlah **RM 64,120.00** (18.20%) daripada jumlah tunggakan keseluruhan berjumlah **RM 288,133.61**.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

4.3 Pembentangan Mengikut Hasil Jabatan

4.3.1 Laporan Hasil Cukai Taksiran

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil sehingga 31 Julai 2021 yang dibentangkan oleh Puan Rashila Binti Abdullah, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Jumlah terimaan bagi hasil cukai sehingga 31 Julai 2021 adalah berjumlah **RM 11,027,419.23** manakala hasil bukan cukai sehingga 31 Julai 2021 adalah sebanyak **RM 31,685.30**. Terimaan bukan hasil sebanyak **RM 30,000.00**.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

4.3.2 Laporan Hasil Lesen dan Sewaan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Lesen dan Sewa sehingga 31 Julai 2021 yang dibentangkan oleh Encik Azli bin Abd. Rani, Pengarah Jabatan Kesihatan Persekutaran. Jumlah kutipan lesen keseluruhan adalah **RM 764,380.90** dan kutipan sewaan sehingga 31 Julai 2021 berjumlah **RM 527,398.00**. Manakala bagi kutipan Bayaran Perkhidmatan berjumlah **RM 185,052.60**.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekutaran

4.3.3 Laporan Hasil Penguatkuasaan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Penguatkuasaan berakhir 31 Julai 2021 yang dibentangkan oleh Puan Anis Sallihah binti Zabudin, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan. Terimaan yang berjaya dikutip untuk Jabatan Penguatkuasaan sehingga 31 Julai 2021 adalah berjumlah **RM 28,868.00** dari jumlah Bajet 2021 iaitu **RM 144,010.00**.

Tindakan: Jabatan Penguatkuasaan

4.3.4 Laporan Hasil Jabatan Kejuruteraan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Jabatan Kejuruteraan berakhir 31 Julai 2021 yang dibentangkan oleh Encik Fauzi bin Ahmad, Pengarah Jabatan Kejuruteraan. Sehingga 31 Julai 2021 terimaan hasil yang berjaya dikutip adalah sebanyak **RM 24,497.00**.

Tindakan: Jabatan Kejuruteraan

4.3.5 Laporan Hasil Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Lanskap

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap berakhir 31 Julai 2021 yang dibentangkan oleh Cik Siti Aisyah Binti Mohd Taib, Pengarah Jabatan Perancangan dan Lanskap. Terimaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Julai 2021 bagi Bahagian Perancangan berjumlah **RM 1,329,162.72** dan Bahagian Lanskap berjumlah **RM 66,820.00**.

Tindakan: Jabatan Perancangan Dan Lanskap

4.3.6 Laporan Hasil Unit Pusat Setempat (OSC)

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Unit Pusat Setempat (OSC) berakhir 31 Julai 2021 yang dibentangkan oleh Encik Mohd Zulidzham Bin Mohd Ali, Pegawai Perancang Bandar dan Desa Unit OSC. Terimaan keseluruhan yang berjaya dikutip sehingga 31 Julai 2021 berjumlah **RM 390,731.65** bersamaan dengan 39% dari Bajet 2021.

Tindakan: Unit OSC

4.3.7 Laporan Hasil Jabatan Kawalan Bangunan

Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Hasil Jabatan Kawalan Bangunan berakhir 31 Julai 2021 yang dibentangkan oleh Encik Muhamad Hisham bin Zainal Aznam, Arkitek Jabatan Kawalan Bangunan. Terimaan yang berjaya dikutip sehingga 31 Julai 2021 adalah **RM 435,672.61** bersamaan dengan 72% dari Bajet 2021.

Tindakan: Jabatan Kawalan Bangunan

5.0 MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BARU

5.1 Kertas Kerja Senarai Nilai Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Berkuatkuasa 01 Januari 2022

Kertas Kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memaklumkan dan mendapat kelulusan Ahli-ahli mesyuarat berhubung Kertas Kerja Senarai Nilai Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Berkuatkuasa 01 Januari 2022.

Mesyuarat **bersetuju** dengan Senarai Nilai Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan Berkuatkuasa 01 Januari 2022 yang melibatkan 90 pegangan dengan tambahan cukai tahunan sebanyak RM 251,009.80.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5.2 Kertas Kerja Bagi Maksud Pemansuhan/Hapuskira Cukai Taksiran Bagi Pegangan-Pegangan Berkadar Di Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Kertas Kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Ahli-ahli mesyuarat berhubung Pemansuhan/Hapuskira Cukai Taksiran Bagi Pegangan-Pegangan Berkadar Di Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat **bersetuju** dengan Cadangan Hapuskira Tunggakan Cukai Taksiran bagi kes runtuh / roboh dan terbakar sebanyak RM 109,057.96 yang melibatkan 14 pegangan.

Tindakan: Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

6.0 HAL-HAL LAIN

- 6.1 Ahli Majlis, Encik Nor Saidi Bin Nanyan mengutarakan isu operasi pengangkutan kargo di Terminal Jeti Kuala Kedah yang membawa barang keperluan asas tidak dibenarkan masuk ke Langkawi disebabkan PKPD di Kuala Kedah ketika ini. Tuan Pegawai Daerah telah mengambil maklum berkaitan isu ini.

Tindakan: Makluman

- 6.2 Ahli Majlis, Encik Nor Saidi Bin Nanyan, Puan Hisham Suhaily binti Othman dan Encik Kamarudzaman Bin Mustafa membincangkan isu pembukaan Langkawi pada 16 September 2021. Cadangan pembukaan secara berperingkat telah disuarakan oleh Tuan Pegawai Daerah kepada pihak atasan. Keputusan pembukaan Langkawi telah diputuskan oleh YAB Perdana Menteri. Pihak bertanggungjawab perlu memainkan peranan untuk memantau dan memastikan SOP yang ketat.

Tindakan: Makluman

- 6.3 Ahli Majlis, Encik Nor Saidi Bin Nanyan mencadangkan pemberian 'Tablet' kepada Ahli Majlis.


Tindakan: Jabatan Perbendaharaan

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas pandangan dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ahli-ahli mesyuarat sepanjang mesyuarat berlangsung.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.


Disediakan oleh,


(AINA BINTI YUSOF)
Pencatat Minit

Disemak oleh,


(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK.)
Setiausaha
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Disahkan oleh,


(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Agenda 4.0

4.2 Minit Mesyuarat Jawatankuasa
Tetap Perlesenan, Kesihatan dan
Kebersihan Bil 5/2021
bertarikh 8 September 2021

**MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP
PELESENAN, KESIHATAN DAN KEBERSIHAN
BIL. 5/2021**

TARIKH : 08 September 2021

MASA : 11.30 pagi

TEMPAT : Aplikasi Google Meet
Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

KEHADIRAN

- | | | |
|-----|---|-------------|
| 1. | Y. Bhg. Tuan Radzuan Bin Osman, AMK., BCK
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan | - Pengerusi |
| 2. | Dr. Mansor bin Ismail
Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Langkawi | - Ahli |
| 3. | Mohd Noorazidi Bin Yunus
Jurutera Daerah
Jabatan Pengairan dan Saliran Langkawi | - Ahli |
| 4. | Pegawai Daerah Langkawi
Pejabat Daerah Langkawi
(Tuan Haji Zulkifli Bin Abdullah, BCK) | - Wakil |
| 5. | Pengarah
PlanMalaysia@Kedah
(Hj Mustafa Bakri b Alias Sani) | - Wakil |
| 6. | Ketua Polis Daerah Langkawi
Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi
(Insp. Mohd Helmi Zakaria) | - Wakil |
| 7. | Penolong Penguasa Bomba
Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi
(Encik Jasni Bin Khairuddin) | - Wakil |
| 8. | Jurutera
Jabatan Kerja Raya
(Khairul Anwar bin Mohd Nor) | - Wakil |
| 9. | Encik Dhurairaj a/l Ramasamy, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 10. | Puan Azlina bt Azinan
Ahli Majlis | - Ahli |
| 11. | Encik Zubir bin Ahmad, BKM
Ahli Majlis | - Ahli |

SULIT

- | | | |
|-----|---|--------------|
| 12. | Encik Elias bin Othman
Ahli Majlis | - Ahli |
| 13. | Encik Look Sia Hing, AMK, BKM, PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 14. | Encik Kamarudzaman bin Mustafa
Ahli Majlis | - Ahli |
| 15. | Encik Safari bin Shaberi
Ahli Majlis | - Ahli |
| 16. | Encik Nordin bin Ali
Ahli Majlis | - Ahli |
| 17. | Puan Hisham Suhaily binti Othman, KMN, AMK, BKM
Ahli Majlis | - Ahli |
| 18. | Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK
Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan | - Setiausaha |

TURUT HADIR

- | | |
|----|--|
| 1. | Encik Azli bin Abd Rani, BCK
Pengarah
Jabatan Kesihatan Persekutaran |
| 2. | Encik Fauzi bin Ahmad, BCK
Pengarah
Jabatan Kejuruteraan |
| 3. | Puan Anis Salihah bt. Zabudin
Pegawai Tadbir
Jabatan Khidmat Pengurusan |
| 4. | Encik Mohd Zulidzham Bin Mohd Ali
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Unit OSC |
| 5. | Cik Siti Aisyah Binti Mohd Taib
Pegawai Perancang Bandar dan Desa
Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap |
| 6. | Encik Fatkhy bin Mohd Jamil
Pegawai Undang-Undang
Unit Undang-Undang |
| 7. | Encik Muhamad Hisham b. Zainal Aznam
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan |

SULIT

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Pengurus Cawangan
SWCorp Cawangan Langkawi

SULIT

URUS SETIA

1. Nurul Syafawani bt Hailan
Pembantu Tadbir
2. Puan Shafina binti Othman
Pembantu Kesihatan Awam

- Urus setia

- Pencatat Minit

1.0 ALUAN Pengerusi

Tuan Pengerusi memberi salam dan mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan & Kebersihan Bil 5/2021.

Tuan Pengerusi memaklumkan mengenai pengumuman peralihan ke Fasa 1 bagi negeri Kedah bermula 10 Ogos 2021 dan memberi kelonggaran dan keistimewaan kepada penerima lengkap vaksin dan pembukaan pasar malam mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh MKN.

Tuan Pengerusi turut memaklumkan satu perbincangan bersama Persatuan Peniaga Pasar Malam Daerah Langkawi bersetuju untuk mewajibkan semua peniaga pasar malam melengkapkan dos vaksin sebelum boleh berurusniaga.

Tindakan: Makluman

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PELESENAN, KESIHATAN DAN KEBERSIHAN BIL 04/2021 BERTARIKH 02 OGOS 2021.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Perlesenan, Kesihatan dan Kebersihan Bil. 04/2021 bertarikh 02 Ogos 2021 telah disahkan.

Encik Kamarudzaman bin Mustafa mencadangkan untuk disahkan dan disokong oleh Encik Nordin bin Ali.

Tindakan : Makluman

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Kertas Cadangan Untuk Mengurangkan Sewaan Hutang Semasa Dan Pematuhan Syarat Perjanjian Penyewaan Ruang Niaga/Gerai Milik Majlis

Setelah berbincang, mesyuarat telah bersetuju memberi kelulusan mengenai cadangan penamatan sewaan kepada 28 penyewa yang telah melanggar syarat Perjanjian Penyewaan iaitu memiliki tunggakan hutang semasa melebihi empat (4) bulan keatas dengan tunggakan melebihi RM1,000.00 dan memberi kelonggaran kepada 15 penyewa yang memiliki tunggakan empat (4) bulan dengan tunggakan tidak melebihi RM1,000.00 untuk menandatangani Perjanjian Sewaan.

Status semasa, notis tamat telah dikeluarkan pada 26 Ogos 2021 kepada 28 penyewa, 8 penyewa telah membuat rayuan dan 4 kes telah selesai manakala 15 penyewa telah ditawarkan untuk menandatangani perjanjian dengan syarat tunggakan tidak melebihi 3 bulan.

Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran

4.0 MEMBENTANG TAKLIMAT DAN LAPORAN-LAPORAN

4.1 Laporan Bulanan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran bagi bulan Julai 2021.

Laporan Bulanan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Perbandaran Langkawi bagi bulan Julai 2021 dibentangkan oleh Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan Persekitaran untuk makluman ahli-ahli mesyuarat. Laporan yang dibentangkan merangkumi perkara-perkara berikut:

4.1.1 Kerja-Kerja Kawalan Vektor

4.1.2 Laporan Bulanan Tandas Awam

- i. Jumlah kutipan bayaran masuk tandas bagi bulan Julai 2021 adalah sebanyak RM1,886.50.

- a. Jumlah kutipan dari Januari hingga Julai 2021 adalah sebanyak RM 38,344.10.

- ii. Bahagian Kesihatan Awam mencadangkan peningkatan kadar kutipan bayaran masuk tandas awam dari RM0.50/seorang ke RM1.00 (dewasa) dan RM 0.50 (17 tahun kebawah) bagi 4 buah tandas iaitu Tandas Awam Pantai Chenang, Tandas Awam Tasik Teluk Kedak, Tandas Awam Trimula 1 dan Tandas Awam Trimula 2 memandangkan peningkatan kos penyelenggaraan tandas-tandas tersebut adalah lebih berbanding tandas-tandas yang lain disebabkan kekerapan penggunaan yang tinggi.

4.1.3 Laporan Bulanan Kerja-kerja Pembersihan Gerai

4.1.4 Makluman Bayaran Kumpulan Wang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (KWPSPPA) sehingga Julai 2021.

- i. Jumlah tuntutan SW Corp mulai dari bulan Julai 2012 sehingga 31 Julai 2021 adalah RM 39,813,004.66. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan telah menjelaskan sebanyak RM 29,423,962.73 (74%) manakala baki tunggakan adalah sebanyak RM 10,389,041.93 (26%).

- ii. Jumlah bayaran bulanan yang telah dibayar oleh pihak Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan adalah sebanyak RM 341,586.34.

4.1.5 Perubahan Frekuensi Kutipan Sampah Sepanjang Laluan Jalan Utama

- i. Pertambahan kekerapan kutipan dari enam (6) kali seminggu ke tujuh (7) kali seminggu melibatkan 185 unit tong 1100L dan 30 unit tong 660L dan 1 unit tong 240L dengan pertambahan kos sebanyak RM 537.50 sebulan (RM 6,450.00 setahun).

- ii. Pertambahan kekerapan kutipan dari sekali sehari kepada dua kali sehari melibatkan 181 unit tong 1100L, 7 unit tong 660L dan 1 unit tong 240L melibatkan pertambahan sebanyak RM 2,457.00 sebulan (RM 29,484.00).
- 4.1.6 Cadangan Penambahan Tong dan Kekerapan Kutipan Bagi Tong Sampah Berpusat di Kampung Padang Lunas, Kuah
- i. Cadangan untuk menambah tong sampah berpusat dari dua (2) unit ke empat (4) unit dan penambahan kekerapan kutipan dari enam (6) kali seminggu ke tujuh (7) kali seminggu di tapak tong sampah berpusat Kampung Padang Lunas telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Kawasan (RIC) pada 01 September 2021 yang akan melibatkan kos sebanyak RM40.00 sebulan (RM 480.00 setahun)
- 4.1.7 Status Terkini Loji Insinerator
- i. Kerja-kerja Ujian dan Pentauihan (T&C) telah siap dilaksanakan pada hujung bulan Ogos.
 - ii. Salah satu loji pembakaran telah bersedia untuk beroperasi manakala satu lagi loji dijangka dapat disiapkan sebelum penghujung 2021.
- 4.1.8 Kerja-Kerja Sanitasi Awam Covid-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di LICC, Kuah Langkawi.

Setelah berbincang, Jawatankuasa bersetuju **mengambil maklum** Laporan Bulanan Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Persekitaran Majlis Perbandaran Langkawi bagi bulan Julai 2021.

Tindakan : Makluman

5.0 MENIMBANG PERMOHONAN-PERMOHONAN BARU

5.1 Permohonan-Permohonan Lesen (6 permohonan)

- 5.1.1 Permohonan mendapatkan **Lesen Establisymen Makanan** oleh **Lao Chey Yik (Three Padang Matsirat Dessert Café)** di alamat No. **52, Persiaran Bunga Raya, Langkawi Mall, Mukim Kuah, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman.**

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju **meluluskan** permohonan tersebut dengan tawaran kompaun sekiranya pemohon telah menjalankan perniagaan dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.2** Permohonan mendapatkan Lesen Establisymen Makanan oleh **Ang Sung Nung (Yumi Food Sdn. Bhd)** di alamat **No.13, Pusat Perniagaan Kelibang Indah, Mukim Kuah, 07000 Langkawi Kedah Darul Aman**

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.3** Permohonan Mendapatkan Lesen Tred oleh **Chew Kok Keong (YBC Success Sdn. Bhd)** di alamat **No. 23B, Kedai Kompleks Cayman Pusat Bandar, Jalan Pandak Mayah, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman**

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju untuk menangguhkan permohonan tersebut bagi membuat kajian di peringkat pentadbiran mengenai keperluan operasi premis peminjam wang di kawasan Langkawi. Terdapat 5 premis peminjam wang yang berlesen beroperasi di kawasan Langkawi.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.4** Permohonan mendapatkan Lesen Establisymen Makanan oleh **Cheng Lee Kheng (Focus Success Enterprise)** di alamat **No.11, Jalan Pandak Mayah 7, Pusat Bandar Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman**

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.5** Permohonan Mendapatkan Lesen Establisymen Makanan oleh **Heng Yi Ping (Astra Bestari Enterprise)** di alamat **Lot 60079, Pekan Baru, Mukim Padang Matsirat, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman**

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju menolak permohonan tersebut kerana pemilik bangunan telah membuat pindaan bangunan, walaubagaimanapun pemohon tidak mengemukakan pelan pindaan bangunan yang baru kepada pihak Majlis dan sijil layak menduduki (CCC) belum dikeluarkan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.6** Permohonan Mendapatkan Lesen Establisymen Makanan oleh Liew Neng Poh (Kedai Makan An An) di alamat No. 23, Persiaran Mutiara 2, Pusat Perdagangan Kelana Mas, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.7** Permohonan Mendapatkan Lesen Establisymen Makanan oleh Muhamad Azim Aiman bin Rozaly (Azim Aiman Enterprise) di alamat No. 34, Tingkat Bawah, Jalan Persiaran Putra, Bandar Baru Baron, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju meluluskan permohonan tersebut dan tertakluk kepada kelulusan jenis perniagaan yang diberi dan syarat-syarat Perlesenan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.1.8** Permohonan Mendapatkan Lesen Tred oleh Armando Garcia Kelvin Julius (FC Langkawi) di alamat No. 7, Tingkat Bawah, Jalan Padang Matsirat, Taman Seri Negeri, Mukim Kuah, 07000 Langkawi, Kedah Darul Aman.

Setelah berbincang, mesyuarat bersetuju menolak permohonan tersebut kerana pemohon belum mendapat Lesen Hiburan dari Pejabat Daerah berikutan pembekuan permohonan Lesen Hiburan menurut Cabutan Keputusan Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah (MMK) bertarikh 20 Mac 2019 (kertas No 7(F) 164/2019).

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

- 5.2** Kertas Kerja Permohonan Pertukaran Jenis Perniagaan Kiosk Kontena Chenang Waterfront Jenis B (Cenderahati/Pakaian) Kepada Agensi Pelancongan

Kertas kerja telah dibentang oleh Pegawai Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kesihatan Persekitaran, Majlis Perbandaran Langkawi mengenai Permohonan Pertukaran Jenis Perniagaan Kiosk Kontena Chenang Waterfront Jenis B (Cenderahati/Pakaian) Kepada Agensi Pelancongan.

Setelah berbincang, mesyuarat telah bersetuju menangguhkan permohonan tersebut untuk dibuat semakan mengenai kewajaran pertukaran dari penjualan pakaian dan cenderahati ke agensi pelancongan.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

5.3 Kertas Kerja Permohonan Pengubahsuaian Dinding Dan Pemasangan 'Interlocking Paver' Di Kiosk No. 4, Dayang Business Centre Oleh Wan Shukri bin Wan Ramli.

Kertas kerja telah dibentangkan oleh Setiausaha, Majlis Perbandaran Langkawi mengenai Kertas Kerja Permohonan Pengubahsuaian Dinding Dan Pemasangan 'Interlocking Paver' Di Kiosk No. 4, Dayang Business Centre Oleh Wan Shukri bin Wan Ramli.

Mesyuarat dimaklumkan mengenai permohonan untuk membuat pengubahsuaian dan tambahan di bahagian hadapan dan sisi Kiosk No. 4, Dayang Business Centre oleh pemohon bertarikh 31 Ogos 2021.

Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai pengubahsuaian tersebut untuk memasang kaca (ketebalan 6 mm) setinggi 7 kaki di sisi dan hadapan gerai/ruang niaga tersebut dan segala kos pengubahsuaian kiosk tersebut ditanggung sepenuhnya oleh penyewa.

Mesyuarat turut mengambil maklum mengenai jaminan oleh penyewa untuk tidak mengubah struktur asal gerai/ruang niaga yang ada dan akan mengembalikan kiosk tersebut dalam keadaan asal sekiranya perjanjian sewaan ditamatkan.

Setelah berbincang, mesyuarat telah bersetuju memberi kelulusan mengenai kerja-kerja pengubahsuaian dinding dan pemasangan 'interlocking paver' di Kiosk No. 4, Dayang Business Centre oleh Wan Shukri bin Wan Ramli dibawah pemantauan Jabatan Kejuruteraan MPLBP.

Tindakan: Jabatan Kesihatan Persekitaran

6.0 HAL-HAL LAIN

6.1 Ruangan Terbuka Di Tapak Food Truck, Feeder 3, Pantai Chenang

Ahli Majlis Puan Azlina bt Azinan bertanya mengenai SOP di kawasan Tapak Food Truck memandangkan kawasan tersebut adalah kawasan terbuka dan boleh diakses dari pelbagai arah.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa kawalan keluar masuk di kawasan tersebut akan disesuaikan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh MKN.

Tindakan : Jab. Kesihatan Persekitaran/Jab. Penguatkuasaan

6.2 Isu Penjualan Arak Di Sekitar Kawasan Pantai di Pantai Chenang

Ahli Majlis Encik Zubir bin Ahmad memohon supaya diadakan pemantauan mengenai penjualan minuman keras di kawasan pantai di Pantai Chenang.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pemantauan oleh Jabatan Penguatkuasaan akan dilakukan dari semasa ke semasa.

Tindakan : Jab. Kesihatan Persekitaran/Jab. Penguatkuasaan

6.3 Pembersihan Sepanjang Jalan Pantai Chenang

Ahli Majlis Encik Look Sia Hing memohon untuk diadakan aktiviti pembersihan di sepanjang jalan Pantai Chenang memandangkan Pulau Langkawi akan dibuka kepada pelancong bermula 16 September 2021.

Setiausaha memaklumkan bahawa satu program gotong-royong telah diatur dan pihak Majlis telah merancang untuk turut mengecat *road curb* di sepanjang jalan Pantai Chenang bagi menambah keceriaan di kawasan Pantai Chenang.

Tindakan : Makluman

6.4 Kedudukan Gerai-Gerai Penjaja Di Sepanjang Jalan Ulu Melaka Yang Berdekatan

Ahli Majlis Encik Kamarudzaman bin Mustafa memohon untuk dibuat pemantauan di kawasan gerai-gerai tepi jalan di kawasan Ulu Melaka berikutan jumlah peniaga yang ramai dan dikhuatiri akan menimbulkan masalah lalulintas yang boleh membahayakan keselamatan peniaga dan pembeli. Peniaga-peniaga di kawasan tersebut juga didapati meletakkan khemah secara berdekatan dan tidak mengikut SOP yang telah ditetapkan.

Tuan Pengerusi memaklumkan akan mengarahkan Jabatan Penguatkuasaan untuk membuat pemantauan dan teguran kepada peniaga-peniaga dan pembeli supaya mengikut SOP yang telah ditetapkan.

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran/
Jabatan Penguatkuasaan**

6.5 Pemantauan Premis Tidak Berlesen

Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran memaklumkan terdapat premis-premis yang beroperasi tanpa kelulusan lesen premis perniagaan dan masih meneruskan perniagaan tanpa membuat permohonan lesen.

Tuan Pengerusi mengarahkan Jabatan Penguatkuasaan untuk membuat pemantauan dan mengenakan tawaran kompaun kepada premis-premis yang tidak berlesen.

**Tindakan : Jabatan Kesihatan Persekitaran/
Jabatan Penguatkuasaan**

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli-ahli mesyuarat di atas semua pandangan dan idea yang dikemukakan sepanjang mesyuarat berlangsung.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.

Disediakan oleh,



SHAFINA BINTI OTHMAN
Pencatat Minit,
Jawatankuasa Tetap Pelesenan,
Kesihatan dan Kebersihan

Disemak oleh,



NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD
SALMI, BCK
Setiausaha,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Disahkan oleh,



RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Agenda 4.0

4.3 Minit Mesyuarat Jawatankuasa
Tetap Pentadbiran & Pelancongan

Bil 5/2021

bertarikh 8 September 2021

SULIT

**MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP
PENTADBIRAN DAN PELANCONGAN
BILANGAN 5/2021**

TARIKH : 08 September 2021(Rabu)

MASA : 2.30 Petang

PAUTAN LINK : <https://meet.google.com/ipb-cgev-yss>

KEHADIRAN

- | | |
|--|-------------|
| 1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK.
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi | - Pengerusi |
| 2. Tuan Haji Zulkifli bin Abdullah., BCK
Pejabat Daerah Langkawi | - Wakil |
| 3. ASP Ahmad Syaari bin Ishak
Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi | - Wakil |
| 4. Encik Shajiddeen bin Shaari
Lembaga Pembangunan Langkawi | - Wakil |
| 5. Encik Dhurairaj a/l Ramasamy., PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 6. Encik Mazlan bin Ahmad., PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 7. Encik Elias bin Othman., BKM., PJK., PPN
Ahli Majlis | - Ahli |
| 8. Puan Noor Hashimah binti Abu Hashim
Ahli Majlis | - Ahli |
| 9. Puan Hisham Suhaily binti Othman., KMN., AMK., BKM
Ahli Majlis | -Ahli |
| 10. Puan Azlina binti Azinan
Ahli Majlis | - Ahli |
| 11. Encik Ahmad Nadzri bin Ali
Ahli Majlis | - Ahli |

SULIT

- | | |
|---|--------------|
| 12. Encik Selvakumaran a/l G. Arpaya
Ahli Majlis | - Ahli |
| 13. Encik Amar Pared bin Mahamud
Ahli Majlis | - Ahli |
| 14. Tn. Haji Hasim bin M. Noh., AMK., BKM., PPN., PJK
Ahli Majlis | - Ahli |
| 15. Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK
Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi | - Setiausaha |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi
2. Jabatan Pengairan dan Saliran Langkawi
3. Encik Mohamad Khairul Azmi bin Ghazali
4. Puan Harzanin binti Harun

TURUT HADIR

1. Encik Azli bin Abd Rani, BCK
Pengarah Jabatan Kesihatan Persekitaran
2. Tuan Haji Fauzi bin Ahmad, BCK
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
3. Puan Anis Sallihah binti Zabudin
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Rashila binti Abdullah
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. Cik Siti Aisyah binti Mohamad Taib
Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan & Landskap
6. Encik Muhamad Hisham bin Zainal Aznam
Arkitek
Jabatan Kawalan Bangunan

SULIT

7. Encik Mohd Farid bin Md Ali
Jurutera
Jabatan Kejuruteraan
8. Encik Mohd Zulidzham bin Mohd Ali
Pegawai Perancang Bandar & Desa
Unit OSC
9. Puan Che Asma bin Che Azmi
Juruaudit
10. Puan Manisah binti Hj.Manap
Setiausaha Pejabat
Pejabat Yang Dipertua
11. Tuan Haji Ku Jamaludin bin Ku Ab Razak
Pembantu Tadbir
Jabatan Pembangunan Masyarakat
12. Cik Marina binti Mohamad Dali
Wakil Jabatan Perbendaharaan

URUS SETIA

1. Puan Faezah binti Abdullah
Jabatan Khidmat Pengurusan

- Pencatat Minit

SULIT

1.0 ALUAN Pengerusi

Tuan Pengerusi memberi salam dan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan yang hadir mengikuti mesyuarat secara atas talian bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran Dan Pelancongan Bilangan 4/2021 pada hari ini perlu diteruskan bagi memastikan perkhidmatan majlis berjalan lancar.

Dalam ucapan Pengerusi, beliau turut memaklumkan beberapa perkara berikut :-

- i) Tuan Pengerusi memaklumkan mengenai pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia mengenai pembukaan semula sektor pelancongan Langkawi pada 16 September 2021. Bagi menerima kehadiran pelancong ke ke Langkawi, beberapa tindakan telah, sedang dan akan diambil oleh pihak Majlis Perbandaran Langkawi seperti menjalankan aktiviti gotong-royong, pemasangan streamer-streamer peringatan pematuhan SOP, kerja-kerja pengindahan kawasan sekitar dan menaiktaraf dan membina beberapa infrastruktur seperti tandas awam.
- ii) Selain itu juga, pihak Majlis turut berjumpa dengan operator-operator dan penyewa premis milik Majlis secara *online* bagi memastikan bahawa mereka bersedia dan mengambil tindakan ke atas SOP yang perlu dipatuhi oleh pemilik premis.

Mesyuarat diteruskan seperti agenda.

Tindakan: Makluman

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP PENTADBIRAN DAN PELANCONGAN BILANGAN 4/2021 BERTARIKH 02 OGOS 2021

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran Dan Pelancongan Bilangan 4/2021 bertarih 02 Ogos 2021 dibentangkan dan dipersetujui untuk diterima melalui cadangan Tn. Haji Hasim bin M. Noh., AMK., BKM., PPN., PJK dan disokong oleh Encik Amar Pared bin Mahamud tanpa sebarang pindaan.

Tindakan : Makluman

SULIT

SULIT

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Kertas Kerja Cadangan Pelantikan dan Pewartaan Penguatkuasa sebagai Warden Lalulintas di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Mesyuarat dimaklumkan perkara tersebut telah diambil tindakan oleh Unit Undang-Undang dan dalam tindakan pengwartaan oleh pihak penerbitan.

Mesyuarat bersetuju agar perkara tersebut digugurkan dari minit akan datang.

Tindakan : Makluman

4.0 MEMBINCANGKAN PERKARA-PERKARA BAHARU

4.1 Jabatan Khidmat Pengurusan

4.1.1 Kertas Makluman Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Mengenai Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) Bagi Anggota Perkhidmatan Awam

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan Kertas Makluman Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Mengenai Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) Bagi Anggota Perkhidmatan Awam.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan Kertas Kertas Makluman Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat Mengenai Skim Pembiayaan Komputer dan Telefon Pintar (*Smartphones*) Bagi Anggota Perkhidmatan Awam berkuatkuasa mulai 01 Januari 2022.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

4.1.2 Kertas Kerja Cadangan Kemudahan Bayaran Ujian Saringan Covid-19 Di Klinik Swasta Kepada Pegawai dan Kakitangan di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Kertas kerja ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bagi tujuan Kertas Kerja Cadangan Kemudahan Bayaran Ujian Saringan Covid-19 Di Klinik Swasta Kepada Pegawai dan Kakitangan di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju dengan Kertas Kerja Cadangan Kemudahan Bayaran Ujian Saringan Covid-19 Di Klinik Swasta Kepada Ahli Majlis, Pegawai dan Kakitangan di Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan berkuatkuasa mulai 01 Julai 2021.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

4.2 Unit Korporat Dan Perhubungan Awam

4.2.1 Laporan Aduan Awam Bagi Bulan Ogos 2021

Laporan penerimaan aduan ini dibentangkan oleh Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pentadbiran dan Pelancongan berhubung laporan penerimaan aduan awam bagi bulan **Ogos 2021** :-

BIL	JABATAN	Ogos 2021		
		TERIMA	SELESAI	DALAM TINDAKAN
1.	Penguatkuasan	12	12	-
2.	Kejuruteraan	4	2	2
3.	Lanskap	7	7	-
4.	Kawalan Bangunan	2	0	2
Jumlah		25	21	4

Mesyuarat mengambil maklum laporan Aduan Awam yang dibentangkan.

Tindakan : Makluman

5.0 HAL-HAL LAIN

5.1 Pengoperasian Kedai Besi Buruk

Encik Selvakumaran a/l G.Arpay, Ahli Majlis membangkitkan isu mengenai pembukaan kedai besi buruk pada masa kini.

Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa arahan pembukaan setiap premis perniagaan adalah di bawah kuasa pihak Majlis Keselamatan Negara.

Tindakan : Makluman

5.2 SOP Gelembung Pelancongan

Encik Mazelan bin Ahmad, Ahli Majlis turut membangkitkan isu mengenai pembukaan Pulau Langkawi pada 16 September akan datang mengenai SOP penumpang-penumpang feri yang ingin masuk ke Langkawi.

Tuan Pengerusi turut memaklumkan bahawa semua jabatan dan pihak penguatkuasaan yang terlibat dengan pembukaan aktiviti pelancongan pada 16 September ini telah bersedia dengan SOP di peringkat jabatan masing-masing bagi memastikan SOP tersebut di patuhi dan diikuti oleh orang ramai.

Wakil daripada LADA turut memaklumkan mengenai SOP-SOP yang dibincangkan dengan pihak MKN semasa mesyuarat diadakan pada hari ni. Keputusan terkini mengenai SOP berkaitan pembukaan gelembung pelancongan akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Tindakan : Makluman

SULIT

6.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli mesyuarat. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.10 petang.


Disediakan oleh,


(FAEZAH BINTI ABDULLAH)
Pencatat Minit

Disemak oleh,


(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK)
Setiausaha
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Disahkan oleh,


(RADZUAN BIN OSMAN, AMK., BCK.)
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman

Fail rujukan Jabatan Khidmat Pengurusan: MPLBP.PEN.21/2018(MJKT Pentadbiran Dan Pelancongan)

Agenda 4.0

4.4 Minit Mesyuarat Jawatankuasa
Tetap Bangunan, Infrastruktur dan
Kemudahan Awam Bil 5/2021
bertarikh 8 September 2021

SULIT.

**MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP
BANGUNAN, INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM.
BIL 5/2021**

TARIKH : 8hb. September 2021 (Isnin)
MASA : 3.30 petang.
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3,
Majlis Perbandaran Langkawi

KEHADIRAN

1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
2. Pegawai Daerah -Ahli.
Pejabat Daerah Dan Tanah Langkawi
Negeri Kedah Darul Aman.
(Tn. Haji Saiful Anwar b. Azmi. AMK., BCK.)
3. Ketua Pegawai Eksekutif -Wakil
Lembaga Pembangunan Langkawi
(En. Ibrahim b. Jacob)
4. Ketua Polis Daerah - Wakil.
Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi
(ASP Mohd. Faisal b. Sarip.)
5. Pengarah Plan Malaysia @ Kedah -Ahli
Negeri Kedah Darul Aman.
(Tn. Hj. Mustafa Bakri b. Alias Sani.)
6. Jurutera Daerah -Ahli.
Jabatan Pengairan Dan Saliran
(En Mohd. Noorazidi b. Hj. Yunus.)
7. Jurutera Daerah - Wakil
Jabatan Kerja Raya.
(En. Mohd. Khairul Anwar b. Mohd. Noor)
8. En. Kamarudzaman b. Mustafa -Ahli
Ahli Majlis.
9. En. Mazlan b. Ahmad, PJK - Ahli
Ahli Majlis

**Sulit
2/-**

- | | | |
|-----|---|-------------|
| 10. | En. Ahmad Nadzri b. Ali.
Ahli Majlis | -Ahli |
| 11. | En. Nor Saidi b. Nayan,BCK,BKM,JP.
Ahli Majlis | -Ahli |
| 12. | Noor Hashimah bt. Abu Hashim
Ahli Majlis | -Ahli |
| 13. | Tn Hj. Hashim b. M. Noh, AMK,.BKM,PPN,. PJK.
Ahli Majlis. | -Ahli |
| 14. | En. Fadzil b. Talib, AMK,. BKM,.PJK.
Ahli Majlis. | -Ahli |
| 15. | En. Selvakumaran a/l G. Arpaya
Ahli Majlis | -Ahli |
| 16. | En. Nordin b. Ali
Ahli Majlis | -Ahli |
| 17. | En. Safari b. Shaberi
Ahli Majlis | - Ahli |
| 18. | Puan Noorul Azyyati bt. Ahmad Salmi, BCK.
Setiausaha
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan | -Setiausaha |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF.

- | | | |
|---|--|-------|
| 1 | Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi.
(Dr. Mansor b. Ismail) | -Ahli |
|---|--|-------|

TURUT HADIR.

- | | |
|----|---|
| 1. | Puan Anis Sallihah bt. Zabudin
Pengarah
Jabatan Khidmat Pengurusan. |
| 2. | Fauzi bin Ahmad,BCK
Pengarah
Jabatan Kejuruteraan. |

3. Azli b. Abd. Rani, BCK
Pengarah
Jabatan Kesihatan Persekitaran
4. Mohd. Farid b. Md. Ali
Jurutera.
Jabatan Kejuruteraan.
5. Mohd. Zulidzham b. Mohd. Ali.
Pegawai Perancang Bandar Dan Desa
Jabatan OSC.
6. Siti Aisyah bt. Mohd. Taib.
Pengarah
Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Lanskap.
7. Rashila bt. Abdullah.
Pengarah
Jabatan Penilaian
8. Mohd. Fatkhy b. Mohd. Jamil
Pegawai Undang-undang
Unit Undang-undang
- 9.. Mohd. Hisham . Zainal Aznam.
Arkitek
Jabatan Kawalan bangunan
10. Amira bt. Ishak.
Arkitek Lanskap
Bahagian Lanskap.
11. Che Asma bt. Che Azmi
Juruaudit.
Unit Audit dalam.
12. Marina Mohd. Dali.
Penolong Akauntan.
Jabatan Perbendaharaan.

URUSETIA

1. En. Ismail b. Zakaria
Pembantu Tadbir
Jabatan Kejuruteraan

- Pencatat Minit

SULIT

1.0 ALUAN Pengerusi.

Tuan Pengerusi memberi salam dan seterusnya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis serta Ahli Mesyuarat yang berada ditalian melalui google meet.

Tuan Pengerusi memaklumkan berkaitan gelembung pelancongan Langkawi sebagai satu destinasi pelancongan yang akan dibuka pada tarikh 16 September 2021 nanti. Beliau menekankan berkaitan persediaan semua kemudahan infrastruktur supaya sentiasa dalam keadaan terbaik dan sempurna bagi menyambut ketibaan para pelancong.

Tuan Pengerusi juga menyarankan agar sebarang kerosakan dan kecacatan berkaitan infrastruktur sediaada dapat dibuat penyelenggaraan segera. Beliau juga memaklumkan bahawa beberapa siri program gotong-royong telah dan akan diadakan bagi keceriaan Langkawi sebelum tarikh pembukaan tersebut.

Mesyuarat seterusnya diteruskan mengikut agenda.

Tindakan: Makluman.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TETAP BANGUNAN, INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM BIL 4/2021 BERTARIKH 2HB.OGOS 2021.

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Bangunan, Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Bil 4/2021 bertarikh 2hb. Ogos 2021 dibentangkan oleh Puan Setiausaha dan dipersetujui untuk disahkan dengan pindaan melalui cadangan oleh En. Fadzil b. Talib dan disokong oleh Encik Selvakumaran a/l Arapaya..

Tindakan: Makluman

3.0 PERKARA BERBANGKIT

3.1 Menaiktaraf Persimpangan Ke Taman Nilam.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menyenaraikan cadangan berkenaan di dalam senarai peruntukan 2021 dan telah menghantar permohonan pada 19hb. Ogos 2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya. Walaubagaimanapun pihak JKR masih belum mendapat kelulusan bagi cadangan tersebut.

Mesyuarat juga dimaklumkan hasil lawatan pihak JKR bersama JPS mendapati " *final discharge* " dikawasan berkenaan tidak sempurna dan menjadi punca kepada limpahan air di atas jala raya semasa hujan lebat.

Tindakan: JKR

Sulit

3.2 Masalah Longkang Di Jalan Kampong Chandek Kura.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR masih menunggu kelulusan peruntukan bagi menaiktaraf longkang berkenaan berikutan keadaan longkang sedia ada yang tidak dapat menampung kapasiti air di laluan berkenaan.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : JKR.

3.3 Jalan Susur Dari Simpang Pasar Awam Pdg. Matsirat Ke Kuala Melaka Terbiar.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerosakan jalan yang ketara ialah di hadapan tapak projek Jabatan Bomba Dan Penyelamat yang sedang dilaksanakan.

Tuan Pengerusi menegaskan supaya satu kaedah terbaik diambil bagi menangani sebarang kerosakan akibat dari aktiviti-aktiviti pembangunan yang dilaksanakan.

Seterusnya pihak JKR diminta memberi perhatian terhadap tiang lampu jalan yang berada di dalam "*hoarding*" tapak projek yang hampir tumbang.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan: JKR.

3.4. Pokok Jati Di Sepanjang Jalan Di Pulau Langkawi.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok jati telah tamat tempoh kontrak dan menyerahkan kembali tanggungjawab tersebut kepada pihak Majlis pada 3hb. September 2021 lalu.

Mesyuarat dimaklumkan juga bahawa kerja-kerja penyelenggaraan pokok jati akan dilaksanakan oleh pihak Majlis dan permohonan peruntukan baharu akan dibuat kepada pihak kementerian bagi mendapat peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan tersebut.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : Jab. Perancangan Dan Lanskap.

Sulit

6/

Sulit

3.5 Garisan Kuning Di Persimpangan Kampong Teluk, Mkm. Ulu Melaka.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menghantar permohonan 30/11/2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya. Walaubagaimanapun sehingga kini, pihak JKR masih belum mendapat kelulusan bagi cadangan tersebut.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : JKR

3.6 Pemasangan Lampu Isyarat di Persimpangan Jalan Ulu Melaka.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menghantar permohonan pada 18/11/2020 kepada Ibu Pejabat JKR Kedah untuk tindakan selanjutnya.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa pihak Cawangan Selenggara Fasiliti Jalan (CSFJ) mengambil maklum cadangan tersebut dan akan membuat lawatan di lokasi berkenaan. Walaubagaimanapun lawatan tersebut tertangguh akibat pandemik covid-19 sekarang ini.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan: JKR

3.7. Pemasangan Mesin ATM Di Bangunan MPLBP Di Kg. Ulu Melaka.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Majlis masih menunggu surat permohonan dari komuniti setempat untuk dimajukan kepada pihak bank.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan: Jab. Kejuruteraan.

3.8 Garisan Kuning Di Jambatan Kuala Melaka.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR akan melaksanakan kerja-kerja berkenaan serentak dengan kerja-kerja penurapan semula jalan di hadapan projek pembangunan Balai Bomba Dan Penyelamat di Padang Matsirat nanti.

(JKT:Bil 3/2020, Bertarikh 24hb. Ogos 2020)

Tindakan : JKR

Sulit

Sulit.

3.9 Papan Penunjuk Arah Di Persimpangan Kg. Sungai Itau.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR sedia menerima sumbangan dari jabatan atau agensi-agensi lain bagi penambahan papan tanda di kawasan berkenaan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

(JKT:Bil 4/2020, Bertarikh 3hb. November 2020)

Tindakan: JKR.

3.10 Keperluan Tandas Awam di Kawasan Hujung Lapangan Terbang Langkawi.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pembentangan lukisan rekabentuk cadangan tandas berkenaan telah dibuat Arkitek Jab. Kawalan Bangunan dan mendapat persetujuan dari semua ahli mesyuarat.

Tuan Pengerusi mencadangkan supaya pihak Majlis membuat permohonan tanah tersebut bagi melaksanakan cadangan berkenaan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT5/2020/Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab.Perancangan/Kawalan bangunan.

3.11 Pembinaan Dataran Kejat Di Kawasan Lapang, Pdg. Matsirat.

Mesyuarat dimaklumkan cadangan pembinaan dataran kejut di kawasan tersebut telah dimasukkan ke dalam senarai permohonan ke 2 bagi projek BP1, walaubagaimanapun peruntukan tersebut belum mendapat kelulusan.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa cadangan tapak baharu perlu dikenalpasti kerana cadangan tapak sediaada tidak begitu sesuai kerana akan berlaku kesesakan terutamanya semasa sesi persekolan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT5/2020/

Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab. Kejuruteraan.

Sulit

8/

Sulit.

3.12 Kerosakan Perangkap Sampah di Pasar Awam Pdg. Matsirat dan Kuah.

Mesyuarat dimaklumkan oleh Jurutera Daerah JPS, bahawa proses tawaran sebutharga dan tawaran kerja kepada kontraktor berkenaan telah dibuat, kerja kerja berkenaan akan dapat dilaksanakan segera.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT5/2020/Tkh:3/12/2020

Tindakan: JPS

3.13 Penyediaan Taman Permainan Untuk Komuniti Tmn. Ladang Sungai Raya, Kisap.

Mesyuarat dimemaklumkan bahawa kerja-kerja berkenaan sedang dibuat tetapi terdapat kekangan kerana pihak pembekal tidak dapat membuat penghantaran bekalan disebabkan pandemik covid-19 sekarang ini.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT5/2020/Tkh:3/12/2020

Tindakan: Jab. Perancangan dan Lanskap.

3.14 Pusat Pengumpulan Barang Lusoh di Kawasan Pusat Dagangan Kelana Mas dan Kebersihan di Kawasan Persekitaran .

Mesyuarat dimaklumkan bahawa program gotong-royong akan dianjurkan apabila kes pandemik covid-19 semakin berkurangan manakala pemantau terhadap aktiviti pusat barangan kitar semula akan dipantau dari masa kesemasa.

JKT 1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: Jab. Kesihatan Persekitaran/ Jab. penguatkuasaan.

3.15. Penyelenggaraan Kawasan Bulatan Ke Lapangan Terbang Langkawi.

Mesyuarat memaklumkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan bulatan berkenaan telah dilaksanakan oleh pihak JKR. Manakala permohonan tambahan peruntukan bagi kerja-kerja berkaitan di kawasan berkenaan dimasukkan dalam peruntukan tahun hadapan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT1/2021/Tkh:2/3/2021

Tindakan: JKR.

Sulit

/9

Sulit.

3.16 Longkang dan Tapak Tong Sampah di Laluan Hadapan Masjid Kelibang.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa longkang sediaada hanya separuh jalan dan tertutup. Pihak JKR telah mengarahkan pihak THB untuk menyenaraikan perkarai ini untuk tambahan permohonan konsesi pada tahun hadapan.

Mesyurat juga dicadangkan supaya mengambil maklum dan membuat tinjauan berkaitan laluan air di belakang pusat jualan Nissan yang tidak ada "*final discharge*".

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kejuruteraan.**

3.17 Kerosakan Jalan Di Pantai Chenang.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan dikawasan berkenaan masih dibawah tanggungjawab pihak JKR. Mesyuarat mengharapkan kerja-kerja penyelenggaraan dapat dilaksanakan sebaik mungkin bagi memastikan tahap kebersihan kawasan tersebut sentiasa dalam keadaan terkawal.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **JKR.**

3.18 Pencerhayaan di Pantai Chenang.

Mesyuarat dimaklumkan proses penilaian sebutharga sedang dibuat dan kerja-kerja berkaitan akan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kejuruteraan.**

3.19 Halangan Di Laluan Belakang Di Taman Medan Berjaya.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa notis penguatkuasaan telah dikeluarkan kepada pemilik bengkel motor, PL Bintang Emas Sdn. Bhd dan Aluminium Glass & Construction.

Tuan Pengerusi mengarahkan supaya kerja-kerja pengosongan tambahan tersebut dapat dilaksanakan segera kerana tambahan berkenaan boleh mengancam keselamatan komuniti sekitar.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Jab. Kawalan Bangunan.**

Sulit

Sulit.

3.20 Pusat UTC di Plaza MARA Langkawi.

Mesyuarat bersetuju supaya isu ini diangkat ke Mesyuarat Tindakan Daerah.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **Pegawai Daerah.**

3.21 Kerja-kerja Menaiktaraf Jalan Kg. Seberang Dari Lebuhraya Ke Taman Indah.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak LADA cadangan permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan kerana jalan berkenaan di atas di atas tanah persendirian.

Mesyuarat bersetuju cadangan ini diangkat ke Mesyuarat Tindakan Daerah.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan : **LADA.**

3.22. Penyelenggaraan Kerosakan Dan Kebersihan Papan-Papan Tunjuk Arah.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak JKR telah menghantar permohonan untuk kerja-kerja penyelenggaraan kerosakan papan-papan tanda untuk kelulusan peruntukan ke Ibu Pejabat JKR Kedah pada 19/8/2020 . Manakala kerja-kerja rutin pembersihan mengikut rutin konsesi bulanan.

Ahli Majlis mencadangkan supaya satu lawatan tapak bersama JKR dibuat bagi mengenalpasti keadaan papan-papan tanda berkenaan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan: **JKR**

3.23 " Hoarding" di Kawasan Kilang Kedah Marble.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Tetuan Bina Darul Aman belum lagi mengemukakan permohonan bagi kerja-kerja pembaikan tersebut.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 2/2021, bertarikh 29 April 2021.
Tindakan: **Jab. Kawalan Bangunan.**
Sulit/11

Sulit.

3.24 Perangkap Sampah Di Sungai Kuah.

Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak JPS bahawa permohonan telah dibuat untuk cadangan tersebut. Pihak JPS masih menunggu kelulusan permohonan tersebut.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.

Tindakan: JPS.

3.25 Halangan Kaki Lima Dan Ketidakaturan Barangan Jualan Di Kedai Taman Medan Berjaya.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pengosongan laluan telah dibuat oleh pemilik premis. Walaubagaimanapun kerja-kerja pemantauan akan diteruskan oleh pihak Penguatkuasaan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.

Tindakan: Jab. Penguatkuasaan.

3.26 Banjir Kilat di Kg. Perana Dan Taman Nilam.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu lawatan ke lokasi akan dibuat bagi memastikan punca kepada permasalahan tersebut.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.

Tindakan: Jab. Kejuruteraan.

3.27 Penyelenggaraan Taman Permainan Kuah Dan Masalah Gelandangan.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja penyelenggaraan taman permainan mengikut jadual tetapi produktiviti tidak begitu lancar memandangkan tenaga kerja yang melakukan kerja-kerja penyelenggaraan dikawasan berkenaan telah lanjut usia.

Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa hasil daripada pengawasan dan pemantauan pihak Penguatkuasaan telah mendapati tiada lagi gelandangan di kawasan berkenaan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.

Tindakan: Jab. Lanskap/ Penguatkuasaan..

3.28 Masalah Gelandangan Di Kelana Mas Dan Dataran Mar-Mar.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa tiada lagi masalah gelandangan di kawasan berkenaan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.

Tindakan: Jab. Penguatkuasaan.

Sulit

12/

Sulit.

3.29 Menaiktaraf Lintasan Pejalan Kaki Di hadapan Sek. Ren. Keb. Pdg. Matsirat.

Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak JKR, bahawa cadangan yang terbaik bagi menaiktaraf lintasan pejalan kaki ialah konsep lintasan pejalan kaki searas di laksanakan.. Konsep lintasan berkenaan amat sesuai dilaksanakan dan tidak mendatangkan bahaya kepada para penggunaan jalan raya.

Mesyuarat bersetuju konsep berkenaan dilaksanakan di kawasan tersebut.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.

Tindakan: **Jab. Kejuruteraan..**

3.30 Masalah Longkang Di laluan Jalan Pdg. Matsirat.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak THB tidak membuat penyelenggaraan longkang-longkang yang tertutup. Oleh itu Pihak Jab. Kejuruteraan akan meminta pihak SW. Corp. bagi membuat kerja-kerja penyelenggaraan longkang berkenaan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.

Tindakan: **Jab. Kejuruteraan..**

3.31 Lampu Jalan Di Laluan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi Tidak Berfungsi.

Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak JKR bahawa perkara ini dibawah tanggungjawab JKR elektrik. Dimaklumkan juga bahawa pihak JKR elektrik telah membuat kerja-kerja penyelenggaraan tersebut.

Mesyuarat mencadangkan supaya satu lawatan tapak bersama untuk mengenalpasti tiang lampu yang tidak berfungsi dan di bawah tanggungjawab jabatan yang berkenaan untuk mengambil tindakan penyelenggaraan segera.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.

Tindakan: **JKR.**

3.32 Penyelenggaran Di Tiang-tiang Jeti Di Jeti Kuah.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak Jabatan Laut bahawa telah termaklum dan dalam tindakan pihak mereka.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.

Tindakan: **Jab. Laut.**

Sulit

13/

Sulit.

3.33 Jadual Kutipan Sampah Berjadual.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak SW Corp membuat penambahan jumlah tong sampah di Kg. Padang Lunas bagi menampung kapasiti sampah komuniti sekitar.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

KT 3/2021, bertarikh 24 Jun 2021.
Tindakan: **Jab. Kesihatan Persekitaran.**

3.34 Kerosakan Titi Di Sungai Tanjung Puteri.

Mesyuarat bersetuju untuk memindahkan minit berkaitan isu ini ke Mesyuarat Tindakan Daerah.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 4/2021, bertarikh 2 Ogos 2021.
Tindakan: **JKR**

3.35 Skop Kerja Pemotongan Rumput.

Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak JKR bahawa skop kerja-kerja pemotongan rumput oleh pihak konsesi adalah 3meter dari bahu jalan, 1 meter dari longkang bagi kawasan berlongkang dan ketinggian paras rumput adalah 2 inci.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 4/2021, bertarikh 2 Ogos 2021.
Tindakan: **JKR**

3.36. Penyelenggaraan Pokok-pokok Hiasan Di Sepanjang Jalan Pokok Asam.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa tindakan telah diambil, pokok-pokok yang mati telah dibuang. Walaubagaimanapun penanaman semula tidak akan dilakukan kerana kerana terdapat perancangan projek lanskap di kawasan berkenaan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 4/2021, bertarikh 2 Ogos 2021.
Tindakan: **Jab. Perancangan Dan Lanskap, MPLBP**

Sulit.

3.37. Pemasangan CCTV di Pasar Awam Pdg. Matsirat.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa cadangan pemasangan CCTV meliputi semua tempat strategik telah dimasukkan kedalam permohonan bajet bagi tahun 2022.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 4/2021, bertarikh 2 Ogos 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan, MPLBP**

3.38. Kemalangan Di Jalan Hadapan Kolej Vokasional.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa kerja-kerja penurapan semula telah siap sepenuhnya, walaubagaimanapun bagi kerja-kerja pembinaan " *tranverse bar*" sahaja yang masih belum siap.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 4/2021, bertarikh 2 Ogos 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan, MPLBP**

3.39 Paparan Wajah Menteri Besar Kedah Darul Aman di Papan-papan Tanda Di Seluruh Langkawi.

Mesyuarat dimaklumkan oleh Puan Setiausaha bahawa lokasi papan-iklan bagi perkara tersebut telah dikenalpasti. Walaubagaimanapun perkara tersebut perlu dirujuk ke Pejabat Menteri Besar terlebih dahulu.

JKT 4/2021, bertarikh 2 Ogos 2021.
Tindakan: **Jab. Kejuruteraan, MPLBP**

3.40 Lokasi Tapak Pelupusan Sampah Haram.

Mesyuarat memaklumkan bahawa lokasi tapak pelupusan haram tersebut adalah dilaluan Kg. Seberang diantara persimpangan di lebuh raya melalui Kg. Seberang ke Pasar Awam Kuah.

Mesyuarat bersetuju satu lawatan tapak dibuat bagi mengenal pasti lokasi berkenaan.

Mesyuarat bersetuju agar minit ini digugurkan.

JKT 4/2021, bertarikh 2 Ogos 2021.
Tindakan: **Jab. Kesihatan Persekitaran, MPLBP**

Sulit
15/

4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN

4.1 Laporan Bahagian Kejuruteraan

Laporan Bulanan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Bangunan

Laporan Bulanan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Bangunan bagi bulan Ogos 2021 dibentangkan oleh Pengarah Jabatan Kejuruteraan untuk makluman Ahli-ahli Mesyuarat.

Ringkasan perlaksanaan projek-projek tersebut ialah seperti berikut :-

BIL	PERUNTUKAN	BIL PROJEK		KOS PROJEK		CATATAN
		LULUS	DILAKSANAKAN	LULUS	SEBENAR	
1	PERUNTUKAN MPLBP	5	5	894,500.00	868,904.00	5 Rojek Dalam Pelaksanaan. (4 projek cabutan undi)
2	BP.1. PELANCONGAN	2	2	850,000.00	813,000.00	2 Projek Dalam Pelaksanaan.
3	BP.1 (PEMERKASA)	4	4	1,000,000.00	946,600.00	4 Projek Dalam Pelaksanaan.
4	PERUNTUKAN TAHAP	1	1	100,000.00	100,000.00	1 Projek Dalam Pelaksanaan.
	JUMLAH	12	12	2,844,500.00	2,728,504.00	

4.1.1 Setelah berbincang, mesyuarat **mengambil maklum** Laporan Bulanan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Bangunan bagi bulan Ogos 2021.

Tindakan :JabatanKejuruteraan.

4.2 Laporan Bahagian Lanskap.

TIADA

5.0 MENIMBANG PERKARA-PERKARA BARU.

TIADA.

Sulit.

6.0 HAL-HAL LAIN.

6.1 Tong Sampah Di Kg. Pokok Asam, Kuah.

En. Nor Saidi b. Nayan, Ahli Majlis, membangkitkan berkenaan ketiadaan tong sampah di Kampong Pokok Asam Kuah.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **Jab. KesihatanPersekitaran.**

6.2 Lokasi Memberi Makan Monyet di Lebuhraya Langkawi

En. Nor Saidi b. Nayan, Ahli Majlis, memaklumkan terdapat aktiviti memberi makan monyet-monyet liar di Lebuhraya Langkawi yang menyebabkan sampah bertaburan dan mencacatkan pandangan dan persekitaran.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **Jab. Kesihatan ersekitaran.**

6.3 Dahan Pokok Yang Berjuntaian Ke Jalan Raya.

En. Nor Saidi b. Nayan, Ahli Majlis memaklumkan terdapat dahan-dahan pokok yang berjuntaian ke arah jalan raya di hadapan Taman Rajawali dan boleh mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya berkenaan.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **Jab. Perancangan dan Lanskap.**

6.4 Petak Parking di Kawasan Pekan Kelana Mas, Kuah.

Fadzil Bin Talib
En. ~~Mazlan b. Ahmad~~, Ahli Majlis memaklumkan bahawa kerja-kerja penurapan semula di kawasan berkenaan telah lama siap, walaubagaimanapun kerja-kerja penyediaan petak parking masih belum dilaksanakan.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **Jab. Kejuruteraan.**

6.5 Papan Tanda Di Taman Indah.

Fadzil Bin Talib
En. ~~Mazlan b. Ahmad~~, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan kehilangan papan-papan tanda di kawasan Taman Indah yang menyukarkan urusan penghantaran surat-menyurat dan seumpamanya.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **Jab. Kejuruteraan.**

Sulit/

Sulit.

6.6 Garisan Kuning Ke Taman Dahlia.

Nadzri b. Ali

En. Mazlan b. Ahmad, Ahli Majlis juga membangkitkan berkaitan keperluan mengadakan garisan kuning ke Taman Dahlia untuk keselamatan orang ramai terutamanya dipersimpangan tersebut.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **Jab. Kejuruteraan**

6.7 Papan-Papan Tanda Di Hadapan Bank Di Kawasan Pekan Pandak Mayah.

Pn. Noor Hashimah bt. Abu Hashim, Ahli Majlis membangkitkan berkenaan papan-papan tanda dan kenderaan orang ramai yang di parking tidak mengikut peraturan di kawasan berkenaan.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **Jab. Penguatkuasaan.**

6.8 Memanfaatkan Bangunan Kitar Semula Sediaada.

Pn. Noor Hashimah bt. Abu Hashim, Ahli Majlis mencadangkan supaya bangunan kitar semula sedia ada yang terbiar dan tidak berfungsi dapat di jadikan kiosk peniagaan.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **Jab. Kesihatan Persekitaran.**

6.9 Pembinaan Gerai / Kiosk di Tepi-Tepi Jalan.

Pn. Noor Hashimah bt. Abu Hashim, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan peniaga-peniaga kecil yang mendirikan gerai/kiosk di tepi jalan di celahan papan-papan petunjuk arah/jalan. Binaan itu melindungi papan-papan petunjuk arah dan menyukarkan pengguna jalaraya berkenaan.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **Jab. Kesihatan Persekitaran.**

7.0 Mendapan Di Jambatan Sungai Tok Puteri, Ayer Hangat.

En. Nadzri b. Ali, Ahli Majlis membangkitkan berkaitan mendapan/lubang di Jambatan Sungai Tok Puteri yang belum dilakukan kerja-kerja penyelenggaraan dan amat membahayakan pengguna jalan raya berkenaan.

JKT 5/2021, bertarikh 8 September 2021.

Tindakan: **JKR.**

Sulit

18/

Sulit.

7.0 PENANGGUHAN MESYUARAT

Tuan Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli-ahli mesyuarat di atas kehadiran dan komitmen yang diberikan sepanjang mesyuarat pada hari ini dan diucapkan ribuan terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.15 petang.

Disediakan Oleh,



(ISMAIL B. ZAKARIA)

Pencatat Minit

Disemak Oleh,



(NOORUL AZYYATI BINTI AHMAD SALMI, BCK)

Setiausaha

Disahkan Oleh



(RADZUAN BIN OSMAN, AMK, BCK.)

Yang Di Pertua
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan
Kedah Darul Aman.



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
KALI KE 06/2021**

TARIKH : 25 Ogos 2021
MASA : 10.00 Pagi
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Hibiscus, Aras 3, MPLBP

KEHADIRAN MESYUARAT :

1. Tuan Radzuan bin Osman, AMK., BCK. - Pengerusi -
Yang Dipertua.
2. Pn. Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi, BCK. - Timbalan Pengerusi -
Setiausaha MPLBP.
3. En. Mohd Zulidzham bin Mohd Ali. - Setiausaha -
Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.
4. TPr. Cik Siti Aisyah binti Mohd Taib.
Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap (JPPL) MPLBP.
5. En. Muhamad Hisham bin Zainal Aznam.
Arkitek,
Jabatan Kawalan Bangunan (JKB) MPLBP.
6. Tuan Hj. Fauzi bin Ahmad, BCK.
Jurutera,
Jabatan Kejuruteraan (KEJ) MPLBP.
7. En. Azli bin Abdul Rani, BCK.
Pegawai Kesihatan dan Persekitaran MPLBP
Jabatan Kesihatan dan Perkhidmatan Bandar MPLBP.

HADIR SECARA ATAS TALIAN (ONLINE – GOOGLE MEET)

1. En. Zubir bin Ahmad, BKM.
Ahli Majlis.
2. En. Nor Saidi bin Nanyan, BCK., BKM., JP.
Ahli Majlis MPLBP.
3. Haji Kamarudzaman bin Mustafa.
Ahli Majlis MPLBP.
4. En. Look Sia Hing.
Ahli Majlis MPLBP.



5. Ir. Shaiful Ezan Bin Omar
Pengurus,
Indah Water Konsortium (IWK) Sdn. Bhd.
6. Ir. Mohd Fathi Nadwi bin Mohd Fauzi.
Pengurus Wilayah,
Syarikat Air Darul Aman (SADA) Langkawi.
7. En. Fazley bin Harun.
Pengurus,
Tenaga Nasional Berhad (TNB) Daerah Langkawi.
8. Pengarah,
Pejabat Tanah Dan Galian (PTG) Kedah.
(Diwakili oleh En. Johari bin Salleh)
9. Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah),
Pejabat Tanah Langkawi (PTL) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Khalid bin Puteh)
10. Ketua Pegawai Eksekutif,
Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA).
(Diwakili oleh En. Ibrahim bin Jacob)
11. Pengarah,
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Kedah.
(Diwakili oleh En. Azlan bin Ahmad, PCK.)
12. Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Nawawi bin Idris)
13. Jurutera Daerah,
Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh Pn. Hazirah binti Marzuki)
14. Ketua Cawangan,
Jabatan Alam Sekitar (JAS) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh Pn. Norafiza binti Halim)
15. Tuan Penguasa Bomba,
Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Daerah Langkawi.
(Diwakili oleh En. Mohd Iqwan bin Ehsan)
16. Pengarah,
Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK).
(Diwakili oleh En. Mohamad Ridzuan bin Md Zain)



17. Ketua Pegawai Eksekutif,
Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM).
(Diwakili oleh En. Md Fakhruddin bin Jaffar)
18. Pengarah
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp).
(Diwakili oleh En. Muhammad Azman bin Azizan)
19. Pn. Rashila binti Abdullah.
Pegawai Penilaian & Pengurusan Harta
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta (JPPH) MPLBP.

URUSETIA OSC

1. En. Zahrul Nizam bin Haji Ishak.
Pegawai Perancang Bandar dan Desa,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.
2. En. Mohd Hamdi bin Badruttamam
Penolong Pegawai Senibina,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP. - Pencatat Minit -
3. En. Ariff Fahmi bin Abdullah
Penolong Jurutera,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.
4. Pn. Nur Hidayu binti Moh Zahari
Penolong Jurutera,
Unit Pusat Setempat (OSC) MPLBP.

TIDAK HADIR

1. Pengarah,
Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Negeri Kedah.
2. Pegawai Undang-Undang,
Unit Undang-Undang (UU) MPLBP.



**MINIT MESYUARAT
MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC)
KALI KE 06/2021 PADA 25 OGOS 2021.**

Bil.	Agenda	Tindakan
1.0	ALUAN Pengerusi	
1.1	Tuan Pengerusi memulakan mesyuarat dengan ucapan salam dan aluan selamat datang kepada semua wakil jabatan/agensi yang hadir.	Makluman
2.0	MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT YANG LALU	
	Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa OSC MPLBP Bil. 05/2021 bertarikh 29 Julai 2021 dicadangkan oleh En. Nor Saidi bin Nanyan (Ahli Majlis) dan disokong oleh Haji Kamarudzaman bin Mustafa (Ahli Majlis) dengan pindaan berikut : Mukasurat 4 perkara 1.2 (b); b. Kertas Pertimbangan MNKT 5/77 Prosedur Permohonan bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek. Pinda kepada : b. Kertas Pertimbangan MNKT 5/77 Prosedur Permohonan bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek <u>(2021- 2023)</u>	



Bil.	Agenda	Tindakan
3.0	PERKARA BERBANGKIT	
3.1	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN RESORT YANG MENGANDUNGI FASA 2 : i) 13 UNIT VILLA SESEBUAH 2 ½ TINGKAT , ii) 1 UNIT PEJABAT PENGURUSAN 3 TINGKAT, iii) KOLAM TADAHAN, iv) DAN LAIN - LAIN KEMUDAHAN DI ATAS PT 879, SEKSYEN 3, BANDAR PADANG MATSIRAT & MUKIM KEDAWANG, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN ADAM FAROZE BIN AHMED & AMRAN BIN AHMED. - Rayuan Pengecualian Serahan dan Pengurangan Rizab Jalan 40 kaki - 3.1.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan ini telah dibawa ke Mesyuarat Penyelarasan Teknikal kali ke 05/2021 pada 23 Ogos 2021 dan terdapat 2 hasil daripada perbincangan tersebut iaitu; 1. Pemohon mengemukakan permohonan cantuman lot tanah bagi pembangunan fasa 1 dan fasa 2 ; Atau 2. Pemohon membuat serahan rezab jalan 40 kaki hanya di kawasan pembangunan fasa 1 sementara pembangunan di kawasan fasa 2 tidak diserahkan. Turapan jalan yang disediakan adalah selebar 20 kaki dengan menggunakan jalan sedia ada yang telah siap dibina ditapak cadangan. 3.1.2 Berdasarkan kepada perbincangan dalam Mesyuarat Penyelarasan tersebut, pemohon bersetuju dengan cadangan kedua iaitu untuk membuat serahan rezab jalan 40 kaki hanya di kawasan pembangunan fasa 1 sahaja sementara rezab jalan 40 kaki pembangunan di kawasan fasa 2 tidak diserahkan kepada kerajaan.	Makluman Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
3.1.3	Mesyuarat berbincang dan memutuskan penyerahan jalan perlu disediakan sehingga ke lot belakang bagi mengelakkan sebarang masalah terutamanya pada masa hadapan.	Makluman
3.1.4	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP, memaklumkan agar pemohon perlu mengekalkan serahan rezab jalan selebar 40 kaki dengan menyediakan jalan berturap selebar 24 kaki dan rezab utiliti di kiri dan kanan jalan selebar 8 kaki di setiap sisi (rezab keseluruhan 40 kaki). Walau bagaimanapun pemohon perlu mengemukakan semula pindaan pelan Jalan dan Parit kepada Jabatan Kejuruteraan MPLBP untuk kelulusan semula.	Makluman
3.1.5	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju membuat keputusan seperti berikut ; a) <i>Pemohon perlu membina dan menyerahkan jalan dari pembangunan Fasa 1 sehingga Fasa 2 seperti yang telah disyaratkan terdahulu dengan rezab jalan 40 kaki. Walau bagaimanapun kelebaran turapan boleh dikurangkan mengikut spesifikasi rekabentuk jalan terperinci ditentukan oleh Jabatan Kejuruteraan MPLBP serta pemohon perlu mengemukakan semula pindaan pelan Jalan dan Parit untuk kelulusan;</i> b) <i>Pemohon perlu mengemukakan Laporan EIA dan Laporan Geologi Terrain seperti yang disyaratkan dalam kelulusan kebenaran merancang Fasa 2;</i> c) <i>Lain-lain syarat teknikal yang telah dikenakan adalah dikekalkan dan pemohon perlu mematuhi syarat-syarat tersebut.</i> KEPUTUSAN : <u>RAYUAN DITOLAK</u>	JPPL/PSP/JK



4.0	PEMBENTANGAN KERTAS KERJA	
4.1	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (KM)	
4.1.1	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN RESORT YANG MENGANDUNGI 6 UNIT CHALET 1 TINGKAT, 1 UNIT BANGUNAN PEJABAT DAN KAFETERIA 1 TINGKAT DI ATAS LOT 1931, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN MOHAMMAD NADJION BIN NASIR Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/25/21/KM - Permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang -	
4.1.1.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak berhampiran Hotel Ritz Carlton di Jalan Batu Ara dan didapati kerja binaan belum dimulakan.	Makluman
4.1.1.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa selain JKR setiap jabatan teknikal yang telah dirujuk telah memberikan ulasan bertulis dan menyatakan bahawa pihak mereka tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	Makluman
4.1.1.3	Wakil JKR memaklumkan bahawa pihaknya tiada halangan terhadap permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat teknikal.	JKR
4.1.1.4	Wakil Jabatan Alam Sekitar memaklumkan bahawa permohonan ini tertakluk kepada syarat penyediaan Laporan EIA memandangkan pembangunan yang dicadangkan terletak kawasan cerun dengan keluasan 14000m/p atau 3.5 ekar dibawah aktiviti 13 (Pembangunan di kawasan Cerun).	PSP/JAS
4.1.1.5	Wakil JPS turut meminta supaya pemohon meminda cadangan rizab longkang 2 meter ke titik buangan akhir agar tidak memasuki ke lot bersebelahan atau perlu mendapat persetujuan pemilik lot tersebut.	PSP/JPS
4.1.1.6	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa pihak JMG memerlukan Laporan Pemetaan Geologi untuk penyediaan ulasan teknikal.	PSP/JMG



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.1.7	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa pemohon ini perlu mendapatkan persetujuan daripada pihak SSK melalui Pejabat Tanah Langkawi berhubung cadangan jalan keluar masuk yang telah dicadangkan.	Makluman
4.1.1.8	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kebenaran merancang ini dengan dan pemohon perlu mematuhi perkara berikut :- a) Pemohon perlu mematuhi arahan tunai syarat kebenaran merancang yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perancang MPLBP kelak; b) Pemohon perlu menyediakan Laporan EIA dibawah aktiviti 13 (Pembangunan Di Kawasan Cerun) Perintah Kualiti Alam Sekeliling dan untuk dikemukakan kepada JAS bagi tujuan kelulusan; c) Pemohon perlu memastikan cadangan jalan keluar masuk ke tapak dari jalan masuk utama adalah sah dan sempurna dan perlu mendapatkan persetujuan daripada pihak PTL dan SSK; d) Pemohon perlu mematuhi serta mendapatkan sokongan daripada JKR, JPS dan JMG; e) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u> (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.2	CADANGAN MENAIKTARAF KOLEJ KOMUNITI LANGKAWI UNTUK KERJA-KERJA YANG TELAH DIJALANKAN BAGI MEMBINA :- I. 1 BLOK ASRAMA 2 TINGKAT BESERTA PEJABAT & RUMAH WARDEN, II. 1 UNIT KAFETERIA 1 TINGKAT, III. 1 UNIT SURAU 1 TINGKAT, IV. GELANGGANG SERBAGUNA, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 396 (PT 8), BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/16/21/KM+PB - Rayuan Pengecualian Syarat -	
4.1.2.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC kali ke 3/2021 pada 3 Mei 2021.	Makluman
4.1.2.2	Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak pemohon telah mengemukakan rayuan pengecualian syarat iaitu; 1. Anjakan Bangunan: Pemohon merayu agar dibenarkan 10 kaki anjakan bangunan di bahagian sisi dan belakang dari sempadan tapak memandangkan bangunan asrama hanya dua (2) tingkat dan lain-lain bangunan adalah satu (1) tingkat sahaja. Keadaan tapak yang kecil serta ruang yang tidak mencukupi menjadi kekangan untuk syarat ini dipenuhi. 2. Bayaran Caj Pemajuan : Pemohon merayu agar bayaran Caj Pemajuan dapat diberikan pengecualian kerana peruntukan projek yang ditetapkan adalah amat terhad. 3. Interlocking Pavers / Grasspave : Pemohon merayu agar pengecualian dapat diberikan dari menggunakan <i>interlocking pavers</i> - <i>grasspave</i> pada kawasan tempat letak kereta atas faktor kos projek yang amat terhad. 4. Landskap Perimeter : Pemohon merayu agar keperluan penanaman landskap iaitu perimeter planting disekeliling lot dapat diberikan pengecualian kerana kawasan anjakan bangunan adalah besar dan ini akan meningkatkan kos projek yang sedia ada terhad.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.2.3	5. Longkang Bertutup : Pemohon merayu agar keperluan untuk menyediakan parit/longkang bertutup di dalam keseluruhan kawasan cadangan dapat diberikan pengecualian atas faktor kos projek yang amat terhad. Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju membuat keputusan seperti berikut ; a) Menerima rayuan agar anjakan bangunan dikurangkan daripada 20 kaki kepada 10 kaki diluluskan; b) Menerima rayuan pengecualian bayaran caj pemajuan diluluskan; c) Menerima rayuan pengecualian menggunakan <i>interlocking pavers - grasspave</i> pada kawasan tempat letak kereta diluluskan; d) Menerima rayuan pengecualian keperluan penanaman landskap iaitu <i>perimeter planting</i> disekeliling lot diluluskan; e) Menolak rayuan agar mengecualikan keperluan untuk menyediakan parit / longkang bertutup di dalam keseluruhan kawasan cadangan atas faktor keselamatan.	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.3	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG UNTUK CADANGAN MENDIRIKAN - FASA 1: 4 UNIT KEDAI/ PEJABAT 3 TINGKAT - FASA 2: 4 UNIT KEDAI/ PEJABAT 3 TINGKAT DI ATAS LOT 248, KELIBANG, SEKSYEN 6, BANDAR KUAH, LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK: TETUAN DATACASH ENTERPRISE SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/07/21/KM - Rayuan 'Cantilever' Bagi Cadangan Pelan Lantai Aras 2 dan Aras 3 Dari Lot Sempadan- <i>Ahli Majlis (En Look Sia Hing) telah mengistiharkan dirinya mempunyai kepentingan pada permohonan ini dan telah keluar dari mesyuarat.</i>	
4.1.3.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa permohonan ini merupakan permohonan rayuan kali ke 2 bagi cadangan untuk mengekalkan keluasan lantai tingkat 2 dan 3 iaitu dibina rapat sehingga ke sempadan lot dan dijadikan sebagai verandah sementara aras bawah disediakan laluan dengan kelebaran 5 kaki.	Makluman
4.1.3.2	Mesyuarat berbincang dan dimaklumkan bahawa tambahan verandah di tingkat 2 dan 3 tersebut berada di atas kawasan serahan yang berfungsi sebagai laluan dan sempadan pemisah.	Makluman
4.1.3.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa memutuskan untuk mengekalkan syarat kelulusan asal (rayuan pertama) iaitu pemohon perlu menyediakan sempadan pemisah iaitu gili-gili selebar 5 kaki sahaja dari sempadan lot dan pembinaan verandah @ cantilever di tingkat 2 dan 3 tidak dibenarkan selaras dengan Garis Panduan Penyediaan Kawasan Lapang. KEPUTUSAN : <u>RAYUAN DITOLAK</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.4	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA SEMULA : FASA 1 : 3 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS ; FASA 2 : 1 UNIT KEDAI TINGKAT BAWAH DAN PEJABAT TINGKAT ATAS (HAKMILIK STRATA); DI ATAS PT 598, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN PUAN LOW POO IENG Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/22/20/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Pertama -	
4.1.4.1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 04 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang yang telah tamat tempoh pada 10 Ogos 2021.	Makluman
4.1.4.2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mengemukakan permohonan Ubah Jenis Kegunaan Tanah (UJKT) kepada pihak Majlis.	Makluman
4.1.4.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali pertama ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 11 Ogos 2021 dan tamat pada 10 Ogos 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 24 Mac 2021, Rujukan : Bil(33)MPLBP/05/P/KM/27/2020. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.5	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS - BUILT PLAN' KEPADA SEBUAH BANGUNAN PERNIAGAAN 1 TINGKAT DI ATAS LOT 2864 SEKSYEN 6 (LOT LAMA PT 682), BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN MD RAFFI BIN LONG Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/29/20/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Pertama -	
4.1.5.1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 16 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang yang akan tamat tempoh pada 19 Oktober 2021.	Makluman
4.1.5.2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mengemukakan permohonan Ubah Jenis Kegunaan Tanah (UJKT) kepada pihak Majlis.	Makluman
4.1.5.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali pertama ini dengan SYARAT :- a) <i>Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 20 Oktober 2021 dan tamat pada 19 Oktober 2022;</i> b) <i>Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 12 April 2021, Rujukan : Bil(29)MPLBP/04/P/KM/33/2020.</i> KEPUTUSAN : <u>LULUS</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.6	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA 21 UNIT BANGUNAN SERTA PEJABAT 3 TINGKAT (63 HAKMILIK STRATA) DAN 4 UNIT BANGUNAN PERNIAGAAN SERTA PENGINAPAN (24 BILIK) 3 TINGKAT (12 HAKMILIK STRATA) DI ATAS LOT 2334, BANDAR PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN WANGSA GEMILANG SDN BHD Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/47/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh KM Kali Kedua -	
4.1.6.1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 01 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 18 Ogos 2021.	Makluman
4.1.6.2	Pemohon mengemukakan permohonan ini kerana pihaknya masih dalam proses untuk mengemukakan permohonan Ubah Jenis Kegunaan Tanah (UJKT) kepada pihak Majlis.	Makluman
4.1.6.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang kali kedua ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 19 Ogos 2021 dan tamat pada 18 Ogos 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 12 Mei 2020, Rujukan : Bil(25)MPLBP/03/P/KM/38/2029. KEPUTUSAN : <u>LULUS</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.7	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS BUILT PLAN' BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH STRUKTUR TELEKOMUNIKASI SETINGGI 60 METER ATAS SEBAHAGIAN LOT 3739, MUKIM BANDAR KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN YIKED BINA SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/12/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh Kebenaran Merancang Terhad (KMT) Kali Kedua.-	
4.1.7.1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 09 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 09 April 2021.	Makluman
4.1.7.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan.	Makluman
4.1.7.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 10 April 2021 dan tamat pada 09 April 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 16 Januari 2020, Rujukan: Bil(18)MPLBP/04/P/KM/11/2019. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.8	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS-BUILT PLAN' BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH STRUKTUR TELEKOMUNIKASI SETINGGI 30 METER, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT PT 1341, MUKIM KEDAWANG, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN YIKED BINA SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KDG/56/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh Kebenaran Merancang Terhad (KMT) Kali Kedua.-	
4.1.8.1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 08 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang akan tamat tempoh pada 28 Oktober 2021.	Makluman
4.1.8.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan.	Makluman
4.1.8.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 29 Oktober 2021 dan tamat pada 28 Oktober 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 19 Mei 2020, Rujukan: Bil(22)MPLBP/03/P/KM/44/2019. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.9	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (AS BUILT PLAN) BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH MENARA STRUKTUR TELEKOMUNIKASI SETINGGI 45 METER DI ATAS SEBAHAGIAN PT 2293, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN YIKED BINA SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/04/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh Kebenaran Merancang Terhad (KMT) Kali Kedua.-	
4.1.9.1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 08 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 09 April 2021.	Makluman
4.1.9.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan.	Makluman
4.1.9.3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 10 April 2021 dan tamat pada 09 April 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 23 Disember 2019, Rujukan: Bil(20)MPLBP/06/P/KM/05/2019. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.10	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS-BUILT PLAN' BAGI CADANGAN PEMBINAAN STRUKTUR TELEKOMUNIKASI SETINGGI 30M, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 1303, MUKIM PADANG MATSIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN YIKED BINA SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/29/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh Kebenaran Merancang Terhad (KMT) Kali Kedua.-	
4.1.10 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 08 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 27 Mei 2021.	Makluman
4.1.10 .2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan.	Makluman
4.1.10 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 28 Mei 2021 dan tamat pada 27 Mei 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 09 Januari 2020, Rujukan: Bil(19)MPLBP/03/P/KM/22/2019. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.11	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS-BUILT PLAN' BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH STRUKTUR TEKEKOMUNIKASI SETINGGI 45 METER, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 60018, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN YIKED BINA SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/09/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh Kebenaran Merancang Terhad (KMT) Kali Kedua.-	
4.1.11 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 08 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 09 April 2021.	Makluman
4.1.11 .2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan.	Makluman
4.1.11 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 10 April 2021 dan tamat pada 09 April 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 23 Disember 2019, Rujukan: Bil(19)MPLBP/06/P/KM/08/2019. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.12	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS BUILT PLAN' BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH STRUKTUR TELEKOMUNIKASI SETINGGI 45 METER, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 1896, MUKIM KEDAWANG, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN YIKED BINA SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KDG/10/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh Kebenaran Merancang Terhad (KMT) Kali Kedua.-	
4.1.12 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 08 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 09 April 2021.	Makluman
4.1.12 .2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan.	Makluman
4.1.12 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 10 April 2021 dan tamat pada 09 April 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 23 Disember 2019, Rujukan: Bil(18)MPLBP/03/P/KM/09/2019. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.13	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS-BUILT PLAN' BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH STRUKTUR TELEKOMUNIKASI SETINGGI 30 METER, DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 2337, DI KAMPUNG LUBOK BUAYA, MUKIM PADANG MAT SIRAT, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN YIKED BINA SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/PMT/11/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh Kebenaran Merancang Terhad (KMT) Kali Kedua.-	
4.1.13 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 08 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 09 April 2021.	Makluman
4.1.13 .2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan.	Makluman
4.1.13 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan SYARAT :- a) <i>Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 10 April 2021 dan tamat pada 09 April 2022;</i> b) <i>Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 23 Disember 2020, Rujukan: Bil(18)MPLBP/03/P/KM/10/2019.</i> <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.1.14	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG 'AS BUILT PLAN' BAGI CADANGAN PEMBINAAN SEBUAH STRUKTUR TELEKOMUNIKASI SETINGGI 30 METER (JENIS POLE) DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 2207, MUKIM ULU MELAKA, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN YIKED BINA SDN BHD. Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/ULM/24/19/KM - Permohonan Perlanjutan Tempoh Kebenaran Merancang Terhad (KMT) Kali Kedua.-	
4.1.14 .1	Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini diterima pada 08 Ogos 2021 untuk melanjutkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang (lanjutan pertama) yang telah tamat tempoh pada 27 Mei 2021.	Makluman
4.1.14 .2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini diproses di bawah "Kebenaran Merancang Terhad" untuk tempoh 5 tahun sahaja dan perlu memperbaharui Kebenaran Merancang ini bagi setiap 1 tahun sebanyak 5 kali dalam tempoh 5 tahun bermula dari tarikh kelulusan diberikan dan penilaian akan dilakukan untuk setiap 1 tahun bagi memastikan tiada sebarang perubahan terhadap pembangunan yang telah diluluskan.	Makluman
4.1.14 .3	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan perlanjutan tempoh Kelulusan Kebenaran Merancang Terhad kali kedua ini dengan SYARAT :- a) Permohonan perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang ini diberikan selama 12 bulan lagi mulai 28 Mei 2021 dan tamat pada 27 Mei 2022; b) Mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh MPLBP seperti mana surat kelulusan Kebenaran Merancang bertarikh 09 Januari 2020, Rujukan: Bil(20)MPLBP/06/P/KM/26/2019. <u>KEPUTUSAN : LULUS.</u>	JPPL/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2	PERMOHONAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN	
4.2.1	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN : i. 16 UNIT RUMAH BERKEMBAR 1 TINGKAT ii. 01 UNIT RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 241, MUKIM BOHOR, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN OPTIMA MEKAR SDN. BHD. (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI RETNI DSR SDN. BHD.) Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/BHR/26/21/PB - Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan -	
4.2.1.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di Jalan Ulu Melaka (berhampiran simpang ke Nyior Chabang) dan didapati sebahagian kerja-kerja tanah telah dimulakan.	Makluman
4.2.1.2	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP memaklumkan bahawa permohonan ini dapat disokong memandangkan kelulusan Kebenaran Merancang dan sokongan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diperolehi.	Makluman
4.2.1.3	Mesyuarat turut mengambill maklum permohonan kebenaran merancang bagi projek ini telah dikemukakan oleh Tetuan Retni DSR Sdn Bhd yang kini telah menukar nama syarikat kepada nama Tetuan Optima Mekar Sdn Bhd.	Makluman
4.2.1.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN permohonan kelulusan pelan bangunan ini dengan SYARAT :- a) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat Kelulusan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan oleh Jabatan Perancangan Pembangunan Dan Landskap MPLBP; b) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM); c) Pemohon perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal dan MPLBP. KEPUTUSAN : LULUS (Perlu mematuhi syarat-syarat teknikal)	JKB/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.2	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH RUMAH SESEBUAH 3 TINGKAT DI ATAS LOT 2922 (NO. HAKMILIK : PM 64), BUKIT MAT JALI, MUKIM KEDAWANG, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN TENGKU ALIFF SULAIMEN BIN TENGKU JAMIL Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KDG/28/21/PB - Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan	
4.2.2.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di Jalan Ulu Melaka (berhampiran simpang ke Nyior Chabang) dan didapati sebahagian kerja-kerja tanah telah dimulakan.	Makluman
4.2.2.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini telah mendapat pengecualian pengemukaan kebenaran merancang (ExPA) daripada JPPL MPLBP melalui surat bertarikh 25 April 2021, Rujukan: Bil(9)MPLBP/P/EXPA/16/2019.	Makluman
4.2.2.3	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP membentangkan pelan yang dikemukakan pihak pemohon namun berdasarkan pelan yang ditunjukkan terdapat keraguan terhadap kegunaan bangunan tersebut kerana penggunaan ruang bilik yang dicadangkan lebih menjurus kepada aktiviti penginapan komersial.	Makluman
4.2.2.4	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP memaklumkan bahawa pihaknya tidak menyokong permohonan ini dan disarankan supaya pemohon mengemukakan permohonan kebenaran merancang memandangkan lokasi projek ini terletak di kawasan bercerun serta melibatkan kerja kerja tanah di kawasan tanah tinggi.	PSP/JK
4.2.2.5	Mesyuarat juga dimaklumkan jalan keluar masuk dari jalan utama adalah bercerun dan curam serta perlu disemak semula sama ada mematuhi kecerunan yang dibenarkan mengikut spesifikasi JKR dan Jabatan Kejuruteraan MPLBP.	Makluman



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.2.6	Wakil Jabatan Alam Sekitar juga berpandangan bahawa pembangunan dikawasan cerun ini perlu memperolehi kelulusan EIA dibawah aktiviti 13 Pembangunan Di Kawasan Cerun, Perintah Kualiti Alam Sekeliling.	PSP/JAS
4.2.2.7	Mesyuarat juga berpendapat permohonan ini tidak sesuai dipertimbangkan melalui ExPA, sebaliknya pemohon perlu mengemukakan permohonan kebenaran merancang untuk semakan dan penilaian daripada setiap jabatan teknikal yang telah ditetapkan.	Makluman
4.2.2.8	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN DENGAN SYARAT permohonan kelulusan pelan bangunan ini dan pemohon diminta untuk mematuhi syarat-syarat berikut untuk dipertimbangkan semula dalam mesyuarat akan datang:- a) Membuktikan bahawa bangunan yang dipohon adalah untuk tujuan bangunan kediaman persendirian sahaja; b) Mengemukakan senarai isi rumah bagi setiap bilik; c) Membuktikan bahawa pemajuan ini tidak melibatkan pemotongan cerun ('cut and fill'); d) Membuktikan bahawa jalan keluar masuk dari jalan utama mematuhi kecerunan yang mengikut spesifikasi JKR dan Jabatan Kejuruteraan; e) Mendapatkan pengesahan daripada pihak Jabatan Alam Sekitar berhubung keperluan penyediaan Laporan EIA; f) Mengadakan rundingan dengan Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kedah berhubung keperluan penyediaan Laporan Geologi Terrain. KEPUTUSAN : LULUS DENGAN SYARAT (Perlu mematuhi syarat-syarat Jawatankuasa OSC untuk dipertimbangkan semula dalam mesyuarat akan datang)	JKB/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.3	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH RUMAH SESEBUAH 1 TINGKAT DI ATAS LOT 2926 (NO. HAKMILIK : PM 73), BUKIT MAT JALI, MUKIM KEDAWANG, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK : TETUAN TENGGU ALIFF SULAIMEN BIN TENGGU JAMIL Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KDG/27/21/PB - Permohonan Kelulusan Pelan Bangunan	
4.2.3.1	Mesyuarat dimaklumkan bahawa tapak cadangan terletak di Jalan Ulu Melaka (berhampiran simpang ke Nyior Chabang) dan didapati sebahagian kerja-kerja tanah telah dimulakan.	Makluman
4.2.3.2	Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa permohonan ini telah mendapat pengecualian pengemukaan kebenaran merancang (ExPA) daripada JPPL MPLBP melalui surat bertarikh 25 April 2021, Rujukan: Bil(8)MPLBP/P/EXPA/16/2019.	Makluman
4.2.3.3	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP membentangkan pelan yang dikemukakan pihak pemohon namun berdasarkan pelan yang ditunjukkan terdapat keraguan terhadap kegunaan bangunan tersebut kerana penggunaan ruang bilik yang dicadangkan lebih menjurus kepada aktiviti penginapan komersial.	Makluman
4.2.3.4	Pengarah Jabatan Kejuruteraan MPLBP memaklumkan bahawa pihaknya tidak menyokong permohonan ini dan disarankan supaya pemohon mengemukakan permohonan kebenaran merancang memandangkan lokasi projek ini terletak di kawasan bercerun serta melibatkan kerja kerja tanah di kawasan tanah tinggi.	PSP/JK
4.2.3.5	Mesyuarat juga dimaklumkan jalan keluar masuk dari jalan utama adalah bercerun dan curam serta perlu disemak semula sama ada mematuhi kecerunan yang dibenarkan mengikut spesifikasi JKR dan Jabatan Kejuruteraan MPLBP.	Makluman PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.2.3.6	Wakil Jabatan Alam Sekitar juga berpandangan bahawa pembangunan dikawasan cerun ini perlu memperolehi kelulusan EIA dibawah aktiviti 13 Pembangunan Di Kawasan Cerun, Perintah Kualiti Alam Sekeliling.	PSP/JAS
4.2.3.7	Mesyuarat juga berpendapat permohonan ini tidak sesuai dipertimbangkan melalui ExPA, sebaliknya pemohon perlu mengemukakan permohonan kebenaran merancang untuk semakan dan penilaian daripada setiap jabatan teknikal yang telah ditetapkan.	Makluman
4.2.3.8	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju MELULUSKAN DENGAN SYARAT permohonan kelulusan pelan bangunan ini dan pemohon diminta untuk mematuhi syarat-syarat berikut untuk dipertimbangkan semula dalam mesyuarat akan datang:- a) Membuktikan bahawa bangunan yang dipohon adalah untuk tujuan bangunan kediaman persendirian sahaja; b) Mengemukakan senarai isi rumah bagi setiap bilik; c) Membuktikan bahawa pemajuan ini tidak melibatkan pemotongan cerun ('cut and fill'); d) Membuktikan bahawa jalan keluar masuk dari jalan utama mematuhi kecerunan yang mengikut spesifikasi JKR dan Jabatan Kejuruteraan; e) Mendapatkan pengesahan daripada pihak Jabatan Alam Sekitar berhubung keperluan penyediaan Laporan EIA; f) Mengadakan rundingan dengan Jabatan Mineral dan Geosains Negeri Kedah berhubung keperluan penyediaan Laporan Geologi Terrain. KEPUTUSAN : LULUS DENGAN SYARAT (Perlu mematuhi syarat-syarat Jawatankuasa OSC untuk dipertimbangkan semula dalam mesyuarat akan datang)	JKB/PSP



Bil.	Agenda	Tindakan
4.3	PERAKUAN SIAP & PEMATUHAN (CCC)	
4.2.1	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN 2 UNIT INDUSTRI SESEBUAH 1 TINGKAT DAN 2 UNIT INDUSTRI BERKEMBAR 1 TINGKAT (FASA 2) DI ATAS LOT 4790, 4791, 4795, 4796 (LOT ASAL 1350, 1351, 1355, 1356) DAN KEMUDAHAN – KEMUDAHAN YANG BERKAITAN, TAMAN IKS WANG TOK RENDONG, MUKIM KUAH, DAERAH LANGKAWI, KEDAH DARUL AMAN. UNTUK: TETUAN LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA). Fail rujukan OSC : MPLBP/OSC/KUH/09/20/CCC - Perakuan Siap & Pematuhan (CCC) -	
4.2.1.1	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP memaklumkan permohonan ini telah siap dibina dan telah mendapat sokongan daripada jabatan teknikal berkaitan.	Makluman
4.2.1.2	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan MPLBP turut memaklumkan bahawa lawatan tapak bagi pemeriksaan akhir telah diadakan pada 19 Ogos 2021 dan mendapati kerja kerja binaan telah dijalankan mengikut pelan yang telah diluluskan.	Makluman
4.2.1.3	Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan seterusnya mengesyorkan permohonan ini disokong memandangkan semua syarat teknikal bagi penyiapan dan pematuhan telah dipatuhi oleh pihak pemohon borang G1 hingga G21 beserta surat sokongan jabatan-jabatan teknikal telah diperolehi.	Makluman
4.2.1.4	Setelah meneliti dan menimbang permohonan ini, Jawatankuasa bersetuju dan mengambil maklum dengan permohonan perakuan siap dan pematuhan (CCC) ini.	JKB/PSP
	KEPUTUSAN : <u>MENGAMBIL MAKLUM PENDEPOSITAN PERMOHONAN CCC.</u>	




Bil.	Agenda	Tindakan
5.0	PEMBENTANGAN DAN ULASAN TERHADAP PERMOHONAN YANG DILULUSKAN DI PERINGKAT JABATAN/PBT. - Tiada -	
6.0	PEMBENTANGAN STATUS PERMOHONAN YANG DIKEMUKAKAN UNTUK REKOD DI JABATAN/PBT. - Tiada -	
7.0	PEMBENTANGAN STATUS PERMOHONAN YANG DITURUNKAN KUASA KEPADA PENGARAH BAHAGIAN / JABATAN PBT UNTUK DILULUSKAN UNTUK DISAHKAN OLEH JAWATANKUASA OSC. - Tiada -	
8.0	STATUS PERLAKSANAAN CCC DIBENTANG OLEH PENGARAH JABATAN/ BAHAGIAN TEKNIKAL PBT. - Tiada -	
9.0	HAL-HAL LAIN	
9.1	PELAPORAN SENARAI PROJEK-PROJEK YANG TIADA KELULUSAN	
9.1.1	En. Nor Saidi bin Nanyan (Ahli Majlis) memohon supaya pihak Majlis dapat membentangkan senarai projek-projek yang tiada kelulusan dalam Mesyuarat Penuh kelak secara berkala untuk tindakan bersama.	JPPL/JKB
9.2	PERMOHONAN PENGECEUALIAN KEBENARAN MERANCANG/ EXAMPTION OF PLANNING APPROVAL (EXPA) Haji Kamarudzaman bin Mustafa (Ahli Majlis) memohon supaya pihak Majlis membuat siasatan yang lebih terperinci sebelum dapat memberikan kelulusan ExPA kepada setiap pemohon agar kemudahan tersebut tidak disalah gunakan kelak.	JPPL/JKB



Bil.	Agenda	Tindakan
10.0	PENUTUP Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.	

Disediakan Oleh :


(MOHD HAMDI BIN BADRUTAMAM)


Pencatat Minit
 Mesyuarat Jawatankuasa
 Pusat Setempat (OSC)
 Majlis Perbandaran Langkawi
 Bandaraya Pelancongan.

Disemak Oleh :


(MOHD ZULIDZHAM BIN MOHD ALI)

Setiausaha
 Mesyuarat Jawatankuasa
 Pusat Setempat (OSC)
 Majlis Perbandaran Langkawi
 Bandaraya Pelancongan.

Disahkan Oleh :


(RADZUAN BIN OSMAN., AMK., BCK.)

Pengerusi
 Mesyuarat Jawatankuasa
 Pusat Setempat (OSC)
 Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan.

Tarikh : 26 Ogos 2021

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PREMIS TRED (MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN) 2021

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Undang-undang Kecil

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PELESENAN

3. Lesen
4. Permohononan untuk mendapatkan lesen
5. Pemberian atau keengganan memberikan lesen
6. Lesen tidak boleh dipindah milik
7. Tempoh lesen
8. Syarat lesen
9. Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan
10. Pematuhan syarat lesen
11. Fi lesen gantian
12. Penggantungan atau pembatalan lesen
13. Tarikh berkuat kuasa pembatalan lesen
14. Penyerahan balik lesen
15. Pembaharuan lesen
16. Kesan pembatalan, penyerahan balik dan tidak membaharui lesen
17. Lesen sementara

BAHAGIAN III
KEHENDAK KEBERSIHAN

Undang-undang Kecil

18. Tong sampah
19. Sisa pepejal basah
20. Pembuangan sisa pepejal
21. Bekalan air dan sistem pembetungan
22. Tandas mestilah dilengkapi dengan kertas tisu, bahan pencuci, dll
23. Pili air hendaklah disediakan untuk bersuci
24. Kegunaan tandas
25. Kebersihan

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

26. Pencahayaan mencukupi
27. Ganti udara
28. Peruntukan bilik mes, bilik rehat dsbnya
29. Pencegahan
30. Bahan-bahan mudah terbakar
31. Penyimpanan
32. Pembakaran
33. Penyebaran habuk
34. Kacau ganggu
35. Waktu perniagaan
36. Kuasa untuk memasuki bagi tujuan pemeriksaan

BAHAGIAN V

AM

37. Penyitaan
38. Penalti
39. Pengkompaunan kesalahan
40. Pemansuhan dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN PREMIS TRED (MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI BANDARAYA PELANCONGAN) 2021

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Seksyen 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan membuat, dan menurut Seksyen 103 Akta 171, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan Undang-undang Kecil yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Premis Tred (Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan) 2021**.

(2) Undang-undang Kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

(3) Undang-undang Kecil ini hendaklah terpakai hanya bagi kawasan Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Tafsiran

2. Dalam Undang-undang Kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"industri" ertinya apa-apa perusahaan, pengilangan atau pekerjaan majikan dan termasuk apa-apa pekerjaan, perkhidmatan, pengajian, pertukangan tangan atau pekerjaan industri atau vokasion pekerja dan termasuk perusahaan di rumah dan kilang-kilang;

"kacau ganggu" ertinya sesuatu perbuatan, ketinggalan atau benda yang menyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan, kegusaran, kesalahan, kerosakan, bahaya atau kecacatan kepada deria penglihatan, bau atau pendengaran atau yang mungkin membencanakan atau berbahaya kepada kesihatan atau harta atau yang menjejaskan keselamatan atau hak-hak penduduk umumnya;

"lesen" ertinya apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini mengenai apa-apa tred, perniagaan dan perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacauganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam seperti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;

"Majlis" ertinya Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan;

"Pegawai Yang Diberi Kuasa" ertinya mana-mana pegawai yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua;

“pemegang lesen” ertinya orang yang kepadanya dikeluarkan lesen di bawah Undang-undang Kecil ini;

“perniagaan” termasuklah apa-apa bentuk pekerjaan tangan, kepandaian, profesion atau aktiviti-aktiviti lain yang dijadualkan bagi maksud keuntungan;

“premis” termasuklah mesuaj, rumah, bangunan, tanah, tenemen dan hereditamen dari apa-apa pemegangan, sama ada terbuka atau terkepung, samada dibina atasnya atau tidak, samada awam atau persendirian dan samada disenggara atau tidak oleh Majlis;

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Majlis;

“tred” ertinya apa-apa aktiviti jual beli barangan atau perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; dan

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

BAHAGIAN II

PELESENAN

Lesen

3. (1) Tiada seseorang pun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan Majlis bagi apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis.

(2) Majlis boleh, dengan budi bicara yang mutlak, mengurangkan bayaran lesen mana-mana premis tersebut dengan tidak lebih dari setengah kadar yang telah ditetapkan untuk tred, perniagaan atau perindustrian yang berkenaan jika difikirkannya patut.

Permohonan untuk mendapatkan lesen

4. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah Undang-undang Kecil 3 hendaklah dibuat kepada Majlis mengikut apa-apa bentuk dan cara yang ditentukan oleh Majlis, tertakluk kepada bayaran Borang dan lain-lain yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Majlis boleh menghendaki mana-mana pemohon untuk pengeluaran atau pembaharuan lesen supaya hadir sendiri atau bagi sesuatu perbadanan atau firma melalui seorang wakil semasa lesen dikeluarkan atau diperbaharui.

(3) Mana-mana pemohon hendaklah membuat pembayaran fi pemprosesan seperti yang ditetapkan di dalam Jadual Pertama semasa permohonan dikemukakan dan fi pemprosesan tidak akan dikembalikan sama ada permohonan diluluskan atau tidak oleh Majlis.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, Majlis hendaklah mengeluarkan lesen tertakluk kepada-

- (a) bayaran fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua;
- (b) apa-apa syarat dan sekatan yang dinyatakan di dalamnya; dan
- (c) apa-apa bayaran yang akan ditentukan oleh Majlis.

(5) Lesen tersebut hendaklah dalam bentuk yang ditetapkan oleh Majlis.

(6) Majlis boleh mengeluarkan lesen bagi apa-apa tempoh tidak melebihi tiga tahun dan boleh diperbaharui, tertakluk kepada bayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

Pemberian atau keengganan memberikan lesen

5. (1) Majlis boleh, selepas menimbangkan permohonan untuk suatu lesen di bawah Undang-undang Kecil 4, memberikan lesen atau tidak memberikan lesen.

(2) Majlis hendaklah, dengan secepat yang praktik, memaklumkan permohonan secara bertulis tentang keputusan Majlis untuk memberikan lesen atau tidak memberikan lesen.

(3) Notis bertulis oleh Majlis di bawah perenggan (2) hendaklah menyatakan –

- (a) jika lesen diberikan, hakikat mengenai pemberian itu, syarat lesen dan fi yang kena dibayar oleh pemegang lesen; dan
- (b) jika pemberian suatu lesen ditolak, hakikat mengenai penolakan itu dan alasan bagi penolakan itu.

Lesen tidak boleh dipindah milik

6. (1) Pemegang lesen tidak boleh memindah milik lesennya kepada mana-mana orang lain kecuali dengan kelulusan bertulis daripada Majlis dan setelah membayar fi pemprosesan lesen seperti dalam Jadual Pertama.

(2) Pemegang lesen yang melanggar perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagiannya kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Tempoh Lesen

7. Suatu lesen jika tidak digantung atau dibatalkan terlebih dahulu hendaklah terus berkuat kuasa untuk suatu tempoh yang tidak kurang daripada dua belas bulan daripada tarikh kuat kuasa dan hendaklah diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.

Syarat Lesen

8. Majlis boleh mengenakan apa-apa syarat yang bersesuaian untuk dipatuhi oleh pemegang lesen.

Lesen hendaklah dipamerkan dan dikemukakan

9. (1) Seseorang pemegang lesen hendaklah mempamerkan lesennya pada sepanjang masa di suatu tempat yang mudah dilihat di dalam premis yang dilesenkan dan hendaklah mengemukakannya sekiranya dikehendaki berbuat demikian oleh Majlis atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(2) Seseorang pemegang lesen yang gagal untuk mempamer atau mengemukakan lesennya di bawah perenggan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan bolehlah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi lima ratus ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(3) Bagi maksud peruntukkan ini, suatu rujukan kepada "lesen" hendaklah termasuk suatu salinan yang disahkan oleh Majlis sebagai suatu salinan sah lesen tertakluk kepada bayaran fi dalam Jadual Pertama.

Pematuhan syarat lesen

10. (1) Pemegang lesen hendaklah mematuhi syarat-syarat lesen yang dikenakan oleh Majlis.

(2) Pemegang lesen yang tidak mematuhi mana-mana syarat lesen melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan dalam hal suatu kesalahan berterusan, didenda selanjutnya tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagiannya kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Lesen Gantian

11. Jika suatu lesen hilang, cacat atau rosak, Majlis boleh memberi suatu lesen gantian setelah pemegang lesen membuat pembayaran fi seperti ditetapkan dalam Jadual Pertama

Penggantungan dan pembatalan lesen

12. (1) Majlis boleh menggantung atau membatalkan sesuatu lesen jika:
- (a) pemegang lesen telah melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini;
 - (b) pemegang lesen telah melanggar mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan ke atas lesen itu;
 - (c) pemegang lesen telah memberikan dokumen yang palsu, mengelirukan atau tidak tepat atau deklarasi palsu kepada Majlis;
 - (d) suatu perintah penggulangan telah dibuat terhadap pemegang lesen atau suatu penggulangan sukarela telah diluluskan;

- (e) pemegang lesen telah disabitkan atas suatu kesalahan rasuah, fraud atau pecah amanah berhubung dengan tred yang dijalankannya;
- (f) pemegang lesen telah mendapatkan lesen itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
- (g) pemegang lesen telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini; dan
- (h) telah melakukan apa-apa perbuatan atau keingkaran pada pihak pemegang lesen atau telah terdapat perubahan hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberi lesen di bawah Undang-undang Kecil ini.

(2) Sebelum Majlis membuat keputusan di bawah perenggan (1), Majlis hendaklah memberi pemegang lesen itu –

- (a) suatu notis bertulis mengenai niatnya untuk menggantung atau membatalkan lesen itu; dan
- (b) suatu peluang untuk membuat suatu representasi dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu yang hendaklah tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu, Majlis hendaklah, selepas menimbang representasi yang dibuat oleh pemegang lesen itu di bawah perenggan (2), jika ada, memutuskan sama ada untuk menggantung lesen itu bagi suatu tempoh tidak melebihi satu bulan atau untuk membatalkan lesen itu.

(4) Majlis hendaklah memberi pemegang lesen itu suatu notis bertulis mengenai keputusannya di bawah perenggan (3) dengan secepat yang praktik

(5) Jika suatu lesen digantung di bawah perenggan (3), Majlis boleh menghendaki pemegang lesen untuk meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu sebagaimana yang didapatinya perlu untuk berbuat demikian.

(6) Jika Majlis berpuas hati bahawa pemegang lesen tidak meremedikan kemungkiran atau pelanggaran itu sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan (5), atau kemungkiran atau pelanggaran itu berterusan selepas lesen itu digantung di bawah perenggan (3), Majlis hendaklah membatalkan lesen itu.

(7) Pemegang lesen yang lesennya –

- (a) digantung atau dibatalkan tidak berhak kepada apa-apa pampasan bagi kerugian yang dialaminya kerana penggantungan atau pembatalan lesen itu; dan
- (b) dibatalkan tidak berhak kepada apa-apa bayaran balik fi lesen yang telah dibayarnya.

Tarikh berkuat kuasa pembatalan lesen

13. Pembatalan suatu lesen di bawah Undang-undang Kecil 12 berkuat kuasa –
- (a) pada tarikh yang dinyatakan oleh Majlis dalam notis bertulis yang diberikan di bawah perenggan 12(4); atau
 - (b) jika tiada tarikh yang dinyatakan dalam notis bertulis yang diberikan di bawah perenggan 12(4), apabila habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis itu disampaikan kepada pemegang lesen.

Penyerahan balik lesen

14. (1) Pemegang lesen boleh, melalui notis secara bertulis, menyerahkan balik lesennya dengan menghantar lesen itu kepada Majlis.
- (2) Penyerahan balik lesen itu hendaklah berkuat kuasa tiga puluh hari dari tarikh Majlis menerima lesen dan notis bertulis itu di bawah perenggan (1).
- (3) Penyerahan balik lesen itu di bawah perenggan (1) tidak boleh ditarik balik melainkan jika Majlis melalui notis secara bertulis kepada pemegang lesen itu membenarkan penyerahan balik itu ditarik balik sebelum tarikh penyerahan balik lesen itu berkuat kuasa.

Pembaharuan lesen

15. (1) Pemegang lesen boleh memohon untuk pembaharuan lesennya tidak lewat daripada tiga bulan sebelum tarikh tamat tempoh lesen itu.
- (2) Walau apa pun perenggan (1), Majlis boleh, tertakluk kepada pembayaran suatu penalti yang tidak melebihi dua ribu ringgit, membenarkan permohonan untuk pembaharuan lesen dibuat selepas tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (1), tetapi tiada permohonan untuk pembaharuan boleh dibenarkan jika permohonan itu dibuat selepas tarikh tamat tempoh lesen itu.
- (3) Majlis hendaklah, apabila dibayar fi untuk pembaharuan lesen yang ditetapkan dalam Jadual Kedua, membaharui lesen itu kecuali dalam hal keadaan yang berikut:-
- (a) pemegang lesen telah melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini;
 - (b) pemegang lesen telah melanggar syarat dari sekatan lesen itu;
 - (c) pemegang lesen telah mendapatkan lesen itu secara tidak wajar atau dengan menyalahi undang-undang;
 - (d) pemegang lesen telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Undang-undang Kecil ini;
 - (e) seorang penerima, penerima dan pengurus, penyelesai sementara atau pegawai yang seumpamanya telah dilantik bagi keseluruhan atau sebahagian besar daripada aset pemegang lesen itu dan pelantikan itu tidak dibatalkan atau diungkapkan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh pelantikan; atau

- (f) telah berlaku apa-apa perbuatan atau keingkaran pada pihak pemegang lesen atau terdapat suatu perubahan hal keadaan sehingga menyebabkan pemegang lesen itu tidak lagi berhak untuk diberi lesen di bawah Undang-undang Kecil ini.

(4) Majlis boleh meminta pemegang lesen itu untuk memberikan apa-apa dokumen atau maklumat yang didapatinya perlu bagi pembaharuan lesen itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(5) Jika pemegang lesen tidak memberikan dokumen atau maklumat yang diminta di bawah perenggan (4) dalam tempoh yang dinyatakan dalam permintaan itu atau apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Majlis, Majlis boleh enggan membaharui lesen itu.

(6) Jika Majlis enggan membaharui sesuatu lesen, Majlis hendaklah memaklumkan pemegang lesen melalui notis bertulis dengan secepat yang praktik.

Kesan pembatalan, penyerahan balik dan tidak membaharui lesen

16. Jika pembatalan lesen di bawah Undang-undang Kecil 12 atau penyerahan balik lesen di bawah Undang-undang Kecil 14 telah berkuat kuasa atau jika sesuatu lesen tidak dibaharui di bawah Undang-undang Kecil 15, pemegang lesen itu hendaklah dengan serta merta berhenti menggunakan tempat atau premis itu.

Lesen sementara

17. (1) Suatu lesen sementara boleh dikeluarkan kepada mana-mana pemohon sementara Majlis membuat pertimbangan ke atas permohonan bagi suatu lesen.

(2) Lesen sementara yang dikeluarkan di bawah perenggan (1) hendaklah sah bagi tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada perenggan (5), suatu lesen sementara boleh dilanjutkan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan selanjutnya atas permohonan secara bertulis oleh pemohon pada atau sebelum tarikh akhir tempoh enam bulan yang pertama.

(4) Tempoh sah suatu lesen sementara tidak boleh melebihi tempoh dua belas bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(5) Jika permohonan bagi suatu lesen telah ditolak oleh Majlis, lesen sementara yang dikeluarkan hendaklah menjadi tidak sah dengan serta-merta.

(6) Fi pemprosesan bagi lesen sementara atau pelanjutan hendaklah berdasarkan Jadual Pertama dan fi lesen sementara atau pelanjutan lesen sementara hendaklah tidak melebihi fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua.

(7) Pemegang suatu lesen sementara hendaklah mempunyai hak, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sama sebagaimana pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian yang dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil ini.

BAHAGIAN III

KEHENDAK KEBERSIHAN

Tong sampah

18. Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah mengadakan tong sampah atau bekas sampah yang mencukupi dan diselenggara supaya sisa pepejal dan bahan buangan sentiasa berada di dalam tong sampah atau bekas sampah tersebut.

Sisa pepejal basah

19. Semua sisa pepejal jenis basah hendaklah dimasukkan dalam karung plastik atau bekas-bekas lain yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah atau bekas sampah.

Pembuangan sisa pepejal

20. Semua sisa pepejal dalam tong sampah atau bekas sampah hendaklah dibuang dengan cara sebagaimana di arahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Bekalan air dan sistem pembetungan

21. Premis yang dilesenkan itu hendaklah disambungkan ke sistem bekalan air awam dan sistem pembentungan awam atau sistem bekalan air persendirian atau sistem pembentungan persendirian.

Tandas mestilah dilengkapi dengan kertas tisu, bahan pencuci dll

22. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiap-tiap tandas pada setiap masa dilengkapi dengan kertas tandas, bahan pencuci, bahan pewangi atau pewangi udara, bekas sampah dan alat pengering tangan elektrik, tuala bergulung atau tuala bersih dan kertas tisu.

Pili air hendaklah disediakan untuk bersuci

23. Tiap-tiap tandas hendaklah disediakan dengan pili air atau baldi atau getah penyalur untuk bersuci.

Kegunaan tandas

24. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tandas dibuka untuk kegunaan mana-mana orang semasa waktu perniagaan.

Kebersihan

25. (1) Pemegang lesen mana-mana premis tred hendaklah menyenggara atau menyebabkan disenggarakan tiap-tiap bahagian premis tred, perniagaan atau perindustrian termasuk tandas, pasangan dan lekapan, supaya berada dalam keadaan bersih dan baik pada setiap masa.

(2) Pemegang lesen mana-mana premis tred tidak boleh –

(a) meletak atau membuang atau menyebabkan atau membenarkan ditempatkan atau membuang apa-apa habuk,

debu, kertas, abu, bangkai, sisa pepejal, kotak, tong karung atau benda atau lain-lain barang dibuang ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau disebelah premisnya;

- (b) menyimpan atau meninggalkan apa-apa jua benda atau barang di sesuatu tempat di mana ianya atau zarah daripadanya telah masuk atau mungkin masuk ke dalam sesuatu longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau disebelah premisnya;
- (c) menjemur apa-apa benda makanan atau benda-benda lain atau barang di mana-mana longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan yang di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (d) membuang, meletak, menumpah atau menabur apa-apa darah, air masin, buangan cecair, cecair kotor dari apa-apa jenis dialirkan atau masuk ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (e) menjatuhkan, menumpahkan atau menabur apa-apa debu, pasir, tanah, kelikir, batu, rumput, rumput kering, abu, sisa pepejal, tred, sampah atau apa-apa barang lain atau benda ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya;
- (f) mengayak, mengirai, mencuci, memukul atau dengan cara lain mengacau apa-apa kapur, abu, pasir, arang batu, rambut, kertas buangan, bulu atau lain-lain benda dengan sesuatu cara supaya ia diterbangkan atau mungkin diterbangkan oleh angin ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau jalan di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya; dan
- (g) membuang atau meninggalkan apa-apa botol, gelas, tin, bekas makanan, pembungkus makanan, zarah makanan atau apa-apa benda atau barang lain ke dalam longkang, kawasan pejalan kaki atau di hadapan, di belakang atau di sebelah premisnya.

BAHAGIAN IV

PELBAGAI

Pencahayaan mencukupi

26. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan bahawa pencahayaan mencukupi disediakan sehingga memuaskan Majlis.

Ganti udara

27. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah untuk memastikan terdapatnya ganti udara yang mencukupi di tempat dan premis berlesen itu hingga memuaskan Majlis dan hendaklah menyebabkan tiap-tiap cara ganti udara itu dijaga dalam keadaan baik dan keadaan boleh digunakan.

Peruntukan bilik mes, bilik rehat dsbnya

28. Majlis boleh dengan notis bertulis, menghendaki mana-mana pemegang lesen supaya menyediakan bagi pekerja-pekerjanya kemudahan-kemudahan yang sesuai dan yang mencukupi seperti bilik mes, bilik rehat, kantin, bilik salin pakaian dan gerebok dan memperbaikinya jika Majlis berpendapat kemudahan-kemudahan yang ada itu tidak mencukupi.

Pencegahan

29. Pemegang lesen hendaklah memastikan –

- (a) bahawa kelengkapan menentang kebakaran yang mencukupi dan tangga serta jalan keluar yang mencukupi disediakan dan disenggarakan hingga memuaskan pihak berkuasa berkaitan dan Majlis;
- (b) bahawa semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas dari segala halangan; dan
- (c) bahawa setiap pintu di dalamnya terbina dan dipasang sedemikian cara supaya dapat dibuka dengan senang.

Bahan-bahan mudah terbakar

30. (1) Bahan-bahan atau larutan yang mudah terbakar hendaklah disimpan dalam bekas bertudung tutup sendiri yang reka bentuknya telah mendapat kelulusan.

(2) Jika pelarut, larutan atau simen yang mempunyai takat kilat di bawah 23 darjah *Celsius* disimpan dalam kuantiti yang melebihi 45 liter, stor yang mudah terbakar hendaklah dibina mengikut kehendak Majlis.

Penyimpanan

31. Semua bahan hendaklah disimpan mengikut cara dan keadaan yang dapat mencegah keluaran bahan-bahan berbahaya dan mengganggu daripadanya.

Pembakaran

32. Pemegang lesen tidak boleh membakar atau menyebabkan dibakar bahan-bahan pembakar atau sampah atau buangan dalam kawasan Majlis.

Penyebaran habuk

33. Pemegang lesen tidak boleh menyebabkan, membenarkan atau mengizinkan penyebaran apa-apa kuantiti habuk, wap asap, wap, haba gas, pancaran, bau hiduan, getaran, asap atau jelaga daripada premis berlesennya yang pada pendapat Majlis adalah suatu kacau-ganggu atau yang mencemarkan udara.

Kacau ganggu

34. Pemegang lesen semasa menjalankan tred, perniagaan atau perindustriannya tidak boleh membuat atau menyebabkan apa-apa kacau-ganggu.

Waktu perniagaan

35. Majlis boleh mengarahkan bahawa sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian tertentu tidak dibenarkan dijalankan di suatu tempat atau premis berlesen melainkan pada masa dan jam yang ditetapkan atau dikenakan oleh Majlis dan pemegang lesen hendaklah mematuhi mana-mana arahan itu.

Kuasa untuk memasuki bagi tujuan pemeriksaan

36. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh –

- (a) memasuki dan memeriksa mana-mana tempat atau premis yang digunakan atau yang Majlis percaya dengan munasabahnya digunakan bagi maksud apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian yang mana lesen adalah dikehendaki di bawah Undang-undang Kecil ini; dan
- (b) meminta daripada pemegang lesen tred, perniagaan atau perindustrian itu apa-apa maklumat berkenaan dengan pengurusan tred, perniagaan dan perindustrian itu dan pemegang lesen atau pekerjanya hendaklah memberi apa-apa maklumat yang dikehendaki daripadanya.

BAHAGIAN V

AM

Penyitaan

37. (1) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menjalankan kuasa di bawah Undang-Undang Kecil ini, boleh menyita apa-apa benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan atau dapat memberi keterangan tentang pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai diberi kuasa yang menyita apa-apa benda di mana-mana premis berlesen di bawah perenggan (7) hendaklah menyediakan suatu senarai benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada pemegang lesen, penghuni atau tuan punya premis berlesen itu atau pengkhidmat atau ejennya yang berada di presmi berlesen itu.

(4) Jika premis berlesen itu tidak berpenghuni, Pihak Berkuasa Melesen itu atau pegawai diberi kuasa yang menyita itu hendaklah bilamana mungkin menampalkan senarai benda yang disita itu ditempat yang mudah yang dilihat di premis itu.

(5) Apa-apa benda yang disita itu di bawah Undang-Undang Kecil ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(6) Jika, oleh sebab jenis, saiz atau amnya tidaklah praktik untuk memindahkan apa-apa benda yang disita di bawah Undang-Undang Kecil ini, Pihak Berkuasa Melesen atau pegawai yang diberi kuasa yang menyita itu hendaklah dengan apa-apa cara menyelak benda itu dalam premis yang di dalamnya ia dijumpai.

Penalti

38. Melainkan dinyatakan secara khusus dalam Undang-undang Kecil ini, mana-mana orang yang melanggar mana-mana daripada peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 (Ringgit Malaysia: dua ribu ringgit) atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda tidak melebihi dua ratus ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Pengkompaunan kesalahan

39. Yang Dipertua, Setiausaha atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Undang-undang Kecil ini dan ditetapkan sebagai kesalahan boleh dikompoun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Majlis sejumlah wang yang tidak melebihi RM300.00 (Ringgit Malaysia: tiga ratus ringgit) bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

Pemansuhan dan peralihan

40. (1) Undang-undang Kecil di bawah dimansuhkan:

(a) Undang-undang Kecil Pelesenan Perdagangan, Perniagaan dan Perusahaan (Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) [K.P.U 1/1985];

(2) Apa-apa notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen yang telah dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil yang telah dimansuhkan ini atau yang dibuat dahulu hendaklah terus terpakai dan berkuat kuasa seolah-oleh telah dikeluarkan atau dibuat di bawah Undang-undang Kecil ini sehingga notis, perintah, kompaun, lesen atau dokumen itu dibatalkan.

JADUAL PERTAMA

[perenggan 4(3)]

FI PEMROSESAN LESEN

(a)	Borang	:	RM10.00
(b)	Fi pemprosesan Perindustrian	:	RM100.00
(c)	Fi pemprosesan Perniagaan	:	RM50.00
(d)	Fi pemprosesan Pertanian/Penternakan	:	RM50.00

FI SALINAN LESEN DIPERAKUI

- (a) Salinan lesen yang diperakui : RM50.00

[perenggan 6(1)]

FI PEMROSESAN PINDAH MILIK LESEN

- (a) Fi pemprosesan : RM50.00

[perenggan 11]

FI LESEN GANTIAN

- (a) Fi Lesen Gantian : RM100.00

JADUAL KEDUA

[perenggan 4(4)(a)]

FI LESEN TAHUNAN

		MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
		RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
1	PERINDUSTRIAN			
	A. BAHAN KIMIA			
1.	Asid, pelarut, alkali	-	-	-
	Keluasan:			
a)	Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b)	Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2	150.00	100.00	50.00
2.	Kalsium karbida dan kimia sejenis			
	Keluasan:			
a)	Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	-

b) Bagi setiap penambahan keluasa 50m2	1,500.00	750.00	-
	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
3. Cecair yang berbahaya yang melebihi 25 liter atau bahan berbahaya yang melebihi 23kg berat Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	-
b) Melebihi 301m2	1,500.00	750.00	-
4. Petrol/Diesel/LPG/LNG dan gas lain Keluasan:			
a) Hingga 10,000 liter	-	1,000.00	-
b) Dari 10,001 liter tetapi kurang daripada 250,000 liter bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	-	2,500.00	-
c) 250,000 liter dan ke atas	-	3,500.00	-
d) Apabila melebihi 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	-	4,500.00	-
5. Minyak tanah dan bahan api yang lain Isipadu:			
a) Hingga 10,000 liter	-	1,000.00	-
b) Dari 10,0001 liter tetapi kurang daripada 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	-	2,500.00	-
c) 250,000 liter ke atas	-	3,500.00	-
d) Apabila melebihi 250,000 liter bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	-	4,500.00	-
6. Minyak pelincir dan minyak yang sejenis dengannya Keluasan:			500.00
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	-

b) Bagi setiap pertambahan keluasa 50m2		1,500.00	750.00	-
		MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
		RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
3. Baja				
Keluasan:				
a) Tidak melebihi 300m2		1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2		150.00	100.00	50.00
4. Racun				
Keluasan:				
a) Tidak melebihi 300m2		1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasa 50m2		150.00	100.00	50.00
5. Bahan letupan termasuk mercun dan bunga api				
Keluasan:				
a) Tidak melebihi 300m2		1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasa 50m2		150.00	100.00	50.00
6. Mancis				
Keluasan:				
a) Tidak melebihi 300m2		1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasa 50m2		150.00	100.00	50.00
7. Cat, selulos dan kimia yang sejenis dengannya				
Keluasan:				
a) Tidak melebihi 300m2		1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2		150.00	100.00	50.00
8. Ubat farmasi dan produk lain yang berkaitan				
Keluasan:				
a) Tidak melebihi 300m2		1,000.00	750.00	500.00

b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2	150.00	100.00	50.00
9. Ubat nyamuk, penyembur serangga dan produk lain yang berkaitan Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	400.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2	150.00	100.00	50.00
	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
10. Bahan petroleum dan campuran petroleum Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2	150.00	100.00	50.00
11. Aktiviti lain yang menggunakan atau menghasilkan apa-apa bahan kimia Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Melebihi 501m2	150.00	100.00	50.00
B. BAHAN LOGAM			
1. Suatu dan amalgam termasuk bahan logam lain Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2	150.00	100.00	50.00
2. Aluminium, tembaga, emas, perak, piuter, besi, timah putih, keluli atau logam lain Keluasan:			
c) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
d) Bagi setiap pertambahan	150.00	100.00	50.00

keluasan 50m2

3. Melebur bijih timah,
besi dan bahan logam
Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2	150.00	100.00	50.00

4. Logam bernilai dan
batu permata
Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2	150.00	100.00	50.00

5. Logam sekerap
Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500
b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2	150.00	100.00	50.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM	RM	RM
	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi
6. Automobil, alat gentian dan aksesori mesin/motosikal / kenderaan bermotor / traktor/ forklift/ mesin berat Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
7. Basikal dan mesin ringan Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
8. Pam dan penapis Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00

b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
9. Perusahaan logam atau penghasilan logam lain Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

C. BAHAN GETAH, PLASTIK, KAYU, KACA, KULIT DAN KERTAS

1. Tayar dan tiub Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
2. Mencilup tayar dan kerja pemvulkanan Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	-
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	-

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
3. Bahan daripada getah arau getah hitam Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
4. Barang daripaa plastik dan barangan daripada PVC Keluasan:			

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
5. Barang daripada kayu (termasuk papan lapis) rotan, buluh dan sejenis dengannya Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
6. Kulit atau barangan daripada kulit Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
7. Bahan pelekat Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
8. Bahan kaca atau gentian kaca Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
9. Bekas daripada kaca, plastik dan logam Keluasan:			
a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Melebihi 501m2	150.00	100.00	50.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
10. Kasut, selipar dan kasut lain Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	400.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
11. Membuat atau menyimpan hasil kertas Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
12. Arang batu atau kayu arang Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
13. Bahan lain daripada getah, plastik, kayu, kaca, kulit dan kertas Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
D. BAHAN PEMBINAAN DAN BANGUNAN			
1. Asbestos atau zink Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	2,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
2. Simen atau barang daripada simen atau batu Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	2,000.00	1,500.00	1,000.00
b) Bagi setiap	150.00	100.00	50.00

pertambahan
50m2

3. Formika dan bahan
daripada kayu
Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

**MEMBUAT /
MEMPROSES**

**MEMBORONG /
MENYIMPAN**

**MENJUAL /
MEMBERI
PERKHIDMATAN
RM
Tidak Melebihi**

**RM
Tidak Melebihi**

**RM
Tidak Melebihi**

4. Bata, genting,
bumbung, dinding,
lantai, batu marmar,
batu dan bahan lain
yang berkaitan
Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

5. Kuari

Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

6. Loji *crusher* dan
jentera

Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

7. *Batching Plant*

Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,500.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	3,000.00	2,000.00	1,000.00

8. Kawat duri, kawat
jaring dan pagar
berangkai
Keluasan:

c) Tidak melebihi	1,000.00	750.00	500.00
-------------------	----------	--------	--------

	300m2			
d)	Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
9.	Bahan bangunan dan binaan lain Keluasan:			
e)	Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
f)	Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
10.	Menara Telekomunikasi			
	a) tidak melebihi 300m2			500.00
	b) Bagi setiap pertambahan keluasan 50m2			50.00

E. KAIN DAN JERAMI

1. Permaidani, benang,
tekstil dan bahan yang
sejenis
Keluasan:

a)	Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b)	Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

		MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
		RM	RM	RM
		Tidak Melebihi	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi
2.	Tali benang, tali plastik, tali guni dan jerami asli lain Keluasan:			
a)	Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b)	Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
3.	Kilang mengait atau menenun, membuat fabrik, tekstil dan kilang pakaian Keluasan:			

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
4. Batik dan songket Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
5. Sarung kusyen Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
6. Bahan lain dari kain dan jerami Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

F. PERALATAN KEPERLUAN RUMAH

1. Membuat gam atau lilin atau mencairkan lemak binatang Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
2. Detergen, bahan pencuci dan bahan yang berkaitan Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
3. Ubat gigi, sabun pembersih, alat solek, bedak muka, krim rambut, minyak rambut atau syampu Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
4. Pinggan mangkuk dan periuk Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	400.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
5. Peralatan keperluan rumah lain Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	400.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
G. PERUSAHAAN, PEMASANGAN DAN KEJURUTERAAN			
1. Badan kereta motor atau kenderaan berjentera Keluasan:			
a) Tidak melebihi 3500m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
2. Loji pemasangan kereta motor atau jentera Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
3. Enjin kenderaan atau jentera Keluasan:			
a) Tidak melebihi	1,000.00	500.00	500.00

300m2			
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
4. Alat gentian dan alat tambahan kenderaan bermotor atau jentera Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
5. Penyaman udara Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
6. Membaiki, mengecat dan service kenderaan bermotor, jentera atau mesin berat, Bot/Jet Ski Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
7. Alat elektronik, elektrik atau mekanikal Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
8. Kerja Kejuruteraan dan elektrik Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

9. Kerja *electro-planting*
dan *gulfanising*

Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

10. Kerja kimpalan

Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM	RM	RM
	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi
H. PERINDUSTRIAN LAIN			

1. Bateri

Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

2. Kontena

Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

3. Tembakau dan rokok

Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

4. Makanan haiwan

Keluasan:

a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

5. Penapis			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m ²	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m ²	150.00	100.00	50.00
6. Anti karat / pelindung / kalis			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m ²	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m ²	150.00	100.00	50.00
7. Bahan bangunan / kotak / guni / tong / botol / bulu burung / surat khabar dan besi buruk			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m ²	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m ²	150.00	100.00	50.00
	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM	RM	RM
	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi
8. Pembuatan mainan kanak-kanak			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m ²	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m ²	150.00	100.00	50.00
9. Memproses bahan-bahan berbulu			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m ²	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m ²	150.00	100.00	50.00
10. Rekod, pita, cakera padat dan seumpamanya			

Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
11. Kabel dan wayar			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
12. Bahan pengilap			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
13. Gabus puncak dan lain-lain penutup botol			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
14. Dakwat			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
15. Alat tulis			
Keluasan:			
c) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	360.00
d) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
16. Aktiviti perindustrian yang mengganggu atau berbau busuk atau mengakibatkan bunyi bising atau kawalan kualiti efluen			
	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM	RM	RM
	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi

dikehendaki			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	750.00	600.00
b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	-
17. Aktiviti perindustrian yang tidak termasuk di dalam Jadual ini			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	750.00	600.00
b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	-
18. Aktiviti perindustrian yang tidak termasuk di dalam Jadual ini			
Keluasan:			
a) Hingga 10,000 liter	-	1,000.00	600.00
b) Dari 10,001 liter tetapi kurang daripada 250,000 liter,	-	640.00	-
c) 250,000 liter dan ke atas	-	3,200.00	-
d) Apabila melebihi 250,000 liter bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	-	200.00	-
19. Gudang			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	750.00	600.00
b) Melebihi 501m2	1500.00	1000.00	-
20. Pencetakan			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 500m2	1,000.00	750.00	500.00
b) Melebihi 501m2	1,500.00	1,000.00	-
	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM	RM	RM
	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi
21. Makmal memproses gambar			
Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	750.00	500.00

b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
22. Telekomunikasi Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	400.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
23. Makmal kaji selidik dan industri penyelidikan Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	400.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00
24. Perkhidmatan Kiriman Cepat Keluasan:			
a) Tidak melebihi 300m2	1,000.00	500.00	200.00
b) Bagi setiap pertambahan 50m2	150.00	100.00	50.00

I. PERKHIDMATAN

1. Memotong atau mencanai kaca atau membuat bingkai	1,000.00	500.00	360.00
2. Bengkel perabot, pertukangan atau kusyen	1,000.00	500.00	360.00
3. Menjual peralatan pengiklanan dan pembuatan papan tanda dan bahan- bahan lain yang berkaitan	1,000.00	500.0	360.00
4. Mengisar simen	1,000.00	750.00	500.00
5. Kawalan serangga	1,000.00	500.00	360.00
6. Tukang paip	1,000.00	500.00	360.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
7. Stesyen mengisi minyak petrol, diesel, LPG, LNG dan gas lain			
Isipadu:			
a) Hingga 500 liter	1,000.00	750.00	500.00
b) Daripada 501 liter hingga 2,500 liter	1,200.00	900.00	650.00
c) Daripada 2,501 liter hingga 10,000 liter	1,500.00	1,000.00	750.00
d) Daripada 10,001 liter tetapi kurang 250,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	2,000.00	1,100.00	850.00
e) 250,000 liter dan ke atas	4,000.00	3,500.00	3,200.00
f) Daripada 250,000 liter tetapi kurang 500,000 liter, bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya	-	-	250.00
g) Bagi tiap-tiap 50,000 liter atau sebahagiannya, apabila melebihi 500,001 liter	-	-	360.00
8. Perniagaan percetakan atau menjilid buku	1,000.00	750.00	500.00
9. Pertukangan batu termasuk batu nisan	-	-	360.00
10. Perkhidmatan valet	-	-	500.00
11. Perkhidmatan kawalan keselamatan	-	750.00	1,000.00
12. Perkhidmatan Kiriman cepat	-	-	500.00
J. INSTITUSI			
1. Institusi elektronik	-	-	500.00
2. Institusi Latihan	-	-	500.00
3. Institusi perdagangan	-	-	500.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
4. Institusi peragaan	-	-	500.00
5. Institusi Penyelidikan dan pembangunan	-	-	1,000.00
6. Institusi Seni	-	-	500.00
7. Institusi teknologi maklumat	-	-	1,000.00
8. Sekolah memandu kenderaan	-	-	500.00
9. Hospital persendirian	-	-	1,000.00
10. Institusi akademik:-			
a) Tadika / Taska / Taman Asukan kanak-kanak	-	-	250.00
b) Sekolah Persendirian	-	-	1,000.00
c) Institusi Pengajian Tinggi Swasta / Kolej Swasta	-	-	1,000.00
d) Institusi pendidikan swasta			
i. Berorientasikan keuntungan	-	-	250.00
ii. Tidak berorientasikan keuntungan	-	-	-
e) Akademi lain	-	-	500.00
f) Pusat tuisyen	-	-	300.00
11. Studio latihan musik / tarian / nyanyian	-	-	500.00
12. Pusat atau studio rakaman	1,000.00	500.00	500.00
13. Pusat penjagaan persendirian			
a) Orang tua	-	-	300.00
b) Kanak-kanak cacat	-	-	300.00
14. Pusat kebajikan persendirian	-	-	250.00
15. Pusat kebajikan bukan persendirian	-	-	50.00
16. Pusat rekreasi persendirian	-	-	1,000.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
17. Pusat latihan golf	1,000.00	750.00	500.00
K. AGensi / FIRMA PERDAGANGAN			
1. Agensi hartanah	-	500.00	400.00
2. Agensi import / eksport	-	500.00	400.00
3. Agensi Insuran	-	500.00	400.00
4. Agensi jualan kenderaan berat / jentera	2,000.00	1,500.00	1,000.00
5. Agensi jualan kenderaan baru	1,500.00	1,000.00	500.00
6. Agensi jualan kenderaan terpakai atau lelong	1,500.00	1,000.00	500.00
7. Agensi jualan motosikal / skutter	1,000.00	750.00	500.00
8. Agensi pekerjaan	1,000.00	500.00	400.00
9. Agensi pelancongan	1,000.00	500.00	400.00
10. Agensi pemborong binaan	1,000.00	500.00	400.00
11. Agensi pengangkutan	1,000.00	500.00	400.00
12. Agensi pengiklanan / papan tanda	1,000.00	500.00	400.00
13. Agensi perumahan / komersial	1,000.00	500.00	400.00
14. Agensi reka bentuk dalaman dan perkakasan rumah	1,000.00	750.00	400.00
15. Agensi salun kecantikan dan perawatan	1,000.00	500.00	400.00
16. Agensi pasaran saham	1,000.00	500.00	400.00
17. Agensi pengurup wang	1,000.00	500.00	400.00
18. Agensi peminjan wang	1,000.00	500.00	400.00

	MEMBUAT / MEMPROSES RM Tidak Melebihi	MEMBORONG / MENYIMPAN RM Tidak Melebihi	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN RM Tidak Melebihi
L. MEMBAIKI KENDERAAN DAN SERVIS			
1. Pusat servis tayar termasuk mengimbang tayar dan pengajaran tayar (menjual, menyetor dan menservis)	1,000.00	750.00	500.00
2. Membaiki, mengecat atau servis kenderaan	1,000.00	750.00	500.00
3. Mengetuk, pematerian atau mengecat	1,000.00	750.00	500.00
4. Pemasangan penyaman udara kenderaan	1,000.00	750.00	500.00
5. Mencuci dan / atau mengilatkan kenderaan	1,000.00	750.00	500.00
6. Peralatan kenderaan bermotor, aksesori dan alat ganti	1,000.00	750.00	500.00
7. Bengkel kereta, metosikal dan jentera	1,000.00	750.00	500.00
M. PERNIAGAAN			
1. (i) Akuarium	1,000.00	750.00	300.00
(ii) Binatan belaan	1,000.00	750.00	300.00
(iii) Makanan haiwan	-	300.00	300.00
(iv) Apa-apa perniagaan dari hasil haiwan tidak termasuk Burung Layang-Layang	-	300.00	300.00
2. Bateri	1,000.00	750.00	500.00
3. Colok, kertas sembahyang dan bahan lain yang berkaitan	1,000.00	500.00	400.00
4. Membaiki, membuat semula dan menjual barangan elektrik	1,000.00	750.00	500.00
5. Kedai membuat kunci	750.00	500.00	300.00
6. Kedai barang binaan	1,000.00	500.00	500.00

7. Kedai memproses gambar	1,000.00	500.00	300.00
	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
8. Kedai barang terpakai	1,000.00	500.00	300.00
9. Kios (dalam bangunan atau pusat membeli belah):- Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 6m2	-	500.00	200.00
(b) 6m2 dan ke atas	-	-	250.00
10. Kedai alat pejabat	1,000.00	500.00	300.00
11. Kedai alat solek	1,000.00	500.00	300.00
12. Kedai emas / Tukang Emas	1,000.00	750.00	500.00
13. Pajak Gadaai	1,000.00	750.00	500.00
14. Kedai barangan kemas	1,000.00	750.00	500.00
15. Kedai cermin mata / peralatan penglihatan	1,000.00	500.00	300.00
16. Pasar raya, emporium, pasar mini, kedai runcit atau serbaneka Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 300m2			400.00
(b) Melebihi 301m2		2,000.00	
(c) 1,001m2 hingga 2,000m2		3,000.00	
(d) Melebihi 2,001m2		5,000.00	
17. Pasar besar Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 500m2			500.00
(b) Melebihi 501m2		3,000.00	
(c) 1,001m2 hingga 2,000m2		5,000.00	
(d) Melebihi 2,001m2		7,000.00	
18. Kaset, pita, rekos, cakera padat atau cakera digital video (penjualan dan penyewaan)			300.00
19. Kedai jam		500.00	300.00
20. Kedai alat tulis		500.00	
21. Kedai buku		500.00	

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
22. Kedai elektrik	1,000.00	500.00	300.00
23. Kedai perabot	1,000.00	500.00	400.00
24. Kedai keranda	1,000.00	500.00	300.00
25. Kedai alat atau kelengkapan muzik	1,000.00	500.00	300.00
26. Kedai perjudian atau ramalan nombor	-	-	500.00
27. Kedai telekomunikasi atau wartel	-	500.00	300.00
28. Kedai bunga dan pasu	1,000.00	500.00	300.00
29. Kedai kasut	1,000.00	500.00	400.00
30. Farmasi	-	500.00	300.00
31. Kedai ubat tradisional dan herba	1,000.00	500.00	300.00
32. Kedai besi / barangan logam	1,000.00	500.00	300.00
33. Kedai barangan aluminium	1,000.00	500.00	300.00
34. Kedai barang pewter	1,000.00	500.00	300.00
35. Kedai pasu, pinggan mangkuk dan barangan tembikar lain	1,000.00	500.00	400.00
36. Kedai kulit atau barangan dari kulit binatang	1,000.00	500.00	300.00
37. Kedai barangan getah	1,000.00	500.00	300.00
38. Kedai barang plastik	1,000.00	500.00	300.00
39. Kedai peralatan menjahit / sulam / bunga plastik	1,000.00	500.00	300.00
40. Kedai dobi dan cuci kering	1,000.00	500.00	400.00
41. Kedai basikal (menjual dan membaiki)	1,000.00	500.00	300.00
42. Kedai cat	1,000.00	500.00	300.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM	RM	RM
	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi
43. Kedai cenderamata	1,000.00	500.00	400.00
44. Butik baju / butik pengantin	-	500.00	300.00
45. Kedai hiasan rumah	1,000.00	500.00	300.00
46. Kedai tekstil	1,000.00	500.00	400.00
47. Kedai pembuatan tekstil / batik kraf	1,000.00	500.00	400.00
48. Kedai barangan mainan kanak-kanak	1,000.00	500.00	300.00
49. Kedai tukang jahit	1,000.00	500.00	300.00
50. Kedai pemborong	1,000.00	500.00	300.00
51. Kedai komputer / peralatan komputer	1,000.00	500.00	300.00
52. Kedai peralatan saintifik	1,000.00	500.00	300.00
53. Kedai peralatan sukan	1,000.00	500.00	300.00
54. Kedai peralatan memancing	1,000.00	500.00	300.00
55. Kedai racun dan bahan kimia	1,000.00	750.00	400.00
56. Kedai permaidani	1,000.00	500.00	300.00
57. Kedai barangan antik	1,000.00	500.00	300.00
58. Kedai peralatan seni	1,000.00	500.00	300.00
59. Kedai rokok dan tembakau	1,000.00	1000.00	500.00
60. Kedai barangan getah	1,000.00	500.00	300.00
61. Kedai barang plastik	1,000.00	500.00	300.00
62. Kedai peralatan menjahit / sulam / bunga plastik	1,000.00	500.00	300.00
63. Kedai dobi dan cuci kering	1,000.00	500.00	400.00
64. Kedai basikal	1,000.00	500.00	300.00
65. Kedai cat	1,000.00	500.00	300.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi
66. Kedai menjual alatan keselamatan	1,000.00	500.00	300.00
67. Kedai membaiki kasut	-	500.00	200.00
68. Kedai alat ganti kapal	1,000.00	750.00	400.00
69. Kedai peralatan kapal	1,000.00	750.00	400.00
70. Kedai beras	1,000.00	750.00	500.00

N. HIBURAN AWAM

1. Pusat hiburan keluarga

Keluasan:

(a) Tidak melebihi 37m2 persegi	-	-	200.00
(b) 93m2 hingga 186m2	-	-	1,500.00
(c) Melebihi 187m2	-	-	2,000.00
2. Perniagaan Pusat Siber	-	-	360.00
3. Perniagaan Kafe Siber	-	-	500.00
4. Dewan dansa	-	-	1,000.00
5. Disko	-	-	2,000.00
6. Gelanggang bowling			500.00
(a) Tambahan setiap lorong	-	-	50.00
7. Gelanggang "ice skating"	-	-	500.00
8. Gelanggang kasut roda	-	-	500.00
9. Gimnasium	-	-	500.00
10. Kelab malam	-	-	2,000.00
11. Pawagam, Cineplex / Teater			
(a) 500 buah kerusi pertama	-	-	1,000.00
(b) Tambahan setiap kerusi	-	-	10.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM	RM	RM
	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi	Tidak Melebihi
12. Pertunjukan:			
(a) Perdagangan dan Perindustrian	-	-	500.00 (sebulan)
(b) Pentas / Konsert	-	-	500.00 (sebulan)
(c) Sarkas	-	-	500.00 (sebulan)
(d) Pertunjukan api/permainan api			300.00 (setahun)
(e) Kerusi Payung Rehat			200.00 (6 bulan)
10 kerusi pertama			200.00 (6 bulan)
tambahan setiap kerusi			20.00
13. Pusat snuker / billiard (bagi setiap meja)	-	-	500.00
14. Tayangan cakera laser	-	-	1,000.00
15. Kelab persendirian	-	-	2,000.00
16. Gelanggang Go-Kart			500.00
O. PEJABAT			
1. Pejabat	-	-	500.00
P. GUDANG DAN SETOR			
1. Stor menyimpan sisa toksik / bahan kimia / bahan merbahaya	-	-	2,000.00
Keluasan:			
(a) Tidak melebihi 92m2	-	-	1,000.00
(b) Dari 93m2 hingga 186m2	-	-	2,000.00
(c) Melebihi 187m2	-	-	3,000.00
2. Asitilin, oksigen dan L.P.G melebihi 230kg	-	-	500.00
3. Aloi dan amalgam termasuk olehan logan lain	-	-	600.00
4. Kabel dan wayar	-	-	500.00
5. Arang batu, kayu arang dan bahan-bahan lain	-	-	500.00

yang berkaitan

6. Kaca gentian	-	-	500.00
7. Gas mudah terbakar	-	-	1,000.00
8. Barangan besi dan binaan	-	-	1,000.00
9. Papan lapis	-	-	1,000.00

	MEMBUAT / MEMPROSES	MEMBORONG / MENYIMPAN	MENJUAL / MEMBERI PERKHIDMATAN
	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi	RM Tidak Melebihi

**Q. PERTANIAN DAN
PENTERNAKAN**

1. Tapak semaian tumbuhan dan pasu	1,000.00	500.00	300.00
2. Ladang ternakan	1,000.00	500.00	360.00
3. Tempat pembiakan	1,000.00	500.00	360.00
4. Kolam memancing / kolam menternak ikan	-	-	360.00
5. Perusahaan sarang Burung Walit	-	-	500.00

Keluasan:

(a) Bagi keluasan ruang lantai 92m2 ke bawah	500.00	-	-
(b) Bagi keluasan ruang lantai 93m2 hingga 186m2	750.00	-	-
(c) Bagi keluasan ruang lantai 187m2 hingga 279m2	1,000.00	-	-
(d) Bagi setiap pertambahan keluasan ruang lantai 46m2	100.00	-	-

**R. PRODUK
PELANCONGAN/REKREASI**

1. <i>Island Hopping/Round Island Tour</i>	500.00
2. <i>Mangrove tour</i>	500.00
3. Pusat Akuarium/ Hidupan	

Laut	
(e) Tidak melebihi 500m2	1,000.00
(f) Melebihi 501m2	2,000.00
(g) 1,001m2 hingga 2,000m2	3,000.00
(h) Melebihi 2,001m2	5,000.00

4. Taman Hidupan Liar

Keluasan:

(i) Tidak melebihi 500m2	1,000.00
(j) Melebihi 501m2	2,000.00
(k) 1,001m2 hingga 2,000m2	3,000.00
(l) Melebihi 2,001m2	5,500.00

5. Taman Tema Air

Keluasan:

(m) Tidak melebihi 500m2	1,000.00
(n) Melebihi 501m2	2,000.00
(o) 1,001m2 hingga 2,000m2	3,000.00
(p) Melebihi 2,001m2	5,500.00

6. Kereta Kabel

Keluasan:

(q) 1 unit lif gondola@kereta kabel	200.00
-------------------------------------	--------

R. LAIN-LAIN

1. Apa-apa perniagaan yang tidak termasuk di dalam Jadual ini boleh dikenakan bayaran lesen dengan kadar maksimum RM2,000.00	2000.00	1500.00	1000.00
--	---------	---------	---------

Disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman pada

.....

[PSU(K)98/1396Jld.23()]

.....
HAJI IQBAL BIN AHMAD
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Kedah Darul Aman

Agenda 6.0

6.3 Kertas Kerja Mengenai Kajian
Penempatan Kuota Premis
Peminjam Wang Berlesen di
Sekitar Langkawi



KERTAS KERJA MENGENAI KAJIAN PENEMPATAN KUOTA PREMIS PEMINJAM WANG BERLESEN DI SEKITAR LANGKAWI

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas ini dibentangkan bertujuan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Ahli-Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 berhubung Kajian Penempatan Kuota Premis Peminjam Wang Berlesen Di Sekitar Langkawi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada tahun 2003, kerajaan telah mewujudkan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku kementerian yang mengawal selia syarikat pemberi pinjam wang berlesen.
- 2.2 Pada tahun 2019, nama pemberi pinjam wang telah dijenamakan semula kepada Kredit Komuniti (KK).
- 2.3 Antara faktor orang ramai membuat pinjaman di syarikat kredit komuniti adalah kerana proses dan prosedur pinjamannya lebih mudah berbanding dengan bank atau institusi pinjaman lain yang berdaftar
- 2.4 Di daerah Langkawi, terdapat lima (5) premis peminjam wang yang telah dilesenkan oleh pihak Majlis di sekitar kawasan Kuah manakala terdapat satu (1) premis yang tidak berlesen di kawasan Padang Matsirat.

3.0 ISU SEMASA

- 3.1 Sehingga setakat ini, Bahagian Pelesenan telah menerima sebanyak tujuh (7) permohonan lesen Premis Peminjam Wang.
- 3.2 Terdapat tiga (3) premis yang telah mendapat lesen Premis Peminjam Wang di kawasan Langkawi Mall, dan satu (1) premis di kawasan Pandak Mayah.

- 3.3 Satu permohonan lesen Premis Peminjam Wang di kawasan Padang Matsirat telah ditolak di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelesenan, Kesihatan dan Kebersihan kali 02/2021 kerana bangunan tersebut tidak mempunyai kelulusan pelan bangunan.
- 3.4 Pada mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pelesenan, Kesihatan dan Kebersihan kali 05/2021 pada 08 September 2021, terdapat satu (1) lagi permohonan lesen Premis Peminjam Wang di kawasan Pandak Mayah namun ditangguh untuk dibuat semakan kuota operasi peminjam wang di Langkawi.
- 3.5 Isu berkaitan premis peminjam wang ini menjadi perhatian beberapa pihak berikutan tawaran untuk menyelesaikan masalah kewangan orang ramai dalam jangka masa pendek sahaja dan dikhuatiri akan menimbulkan kesan negatif di kemudian hari.

4.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 4.1 Berikut merupakan hasil kutipan semasa bagi lesen Premis Peminjam Wang di Langkawi :-

BIL	NAMA	NO. AKAUN	AMAUN
1	Peh Chun Theng (CARPATHIA ENTERPRISE)	1156	RM 400.00
2	Hooi Ban Eng (EMAS MAJU ENTERPRISE)	1325	RM 400.00
3	Keng Bee Fee (DRILLCON ENTERPRISE)	7002605	RM 400.00
4	Tang Cheng Yam (SRI GUAN TEIK CREDIT SDN BHD (PINJAM GADAI))	7003610	RM 400.00
5	Sim Tong Kien (LEGA EMAS ENTERPRISE)	7001477	RM 400.00
JUMLAH			RM 2,000.00

5.0 ULASAN BAHAGIAN PELESENAN

5.1 Bahagian Pelesenan telah membuat semakan dan mendapati :-

- 5.1.1 Satu (1) premis peminjam wang iaitu Syarikat Drillcon Enterprise (Langkawi Mall) didapati telah menutup perniagaan semasa lawatan dilakukan pada 22 September 2021.
- 5.1.2 Bahagian Pelesenan mencadangkan untuk mengehadkan kuota premis peminjam wang kepada ENAM (6) premis sahaja dengan pecahan kawasan iaitu dua (2) di kawasan Pandak Mayah, tiga (3) di kawasan Langkawi Mall dan satu (1) di lokasi baharu iaitu di kawasan Dayang Bay.
- 5.1.3 Situasi semasa, terdapat EMPAT (4) premis peminjam wang yang berlesen dengan Majlis yang masih aktif iaitu satu (1) di kawasan Pandak Mayah dan tiga (3) di kawasan Langkawi Mall. Manakala terdapat satu (1) premis masih di dalam proses permohonan (Pandak Mayah).

6.0 SYOR

6.1 Ahli-Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 dipohon untuk memberi pertimbangan dan keputusan seperti berikut:-

- a) Bersetuju mengehadkan kuota premis peminjam wang berlesen dengan Majlis kepada ENAM (6) premis sahaja di Langkawi;

atau

- b) Tidak Bersetuju mengehadkan kuota premis peminjam wang berlesen dengan Majlis kepada ENAM (6) premis sahaja di Langkawi;

atau

- c) Lain-lain pertimbangan dan keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah.

7.0 PENUTUP

Sekian untuk pertimbangan Ahli–Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021.

Disediakan Oleh,
Bahagian Pelesenan,
Jabatan Kesihatan Persekutaran
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

Agenda 6.0

6.4 Pembentangan Draf Garis
Panduan Lesen Perniagaan
Sementara di atas Rezab
Simpanan Pantai



PEMBENTANGAN DRAF GARIS PANDUAN PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN SEMENTARA DI ATAS RIZAB SIMPANAN PANTAI

1.0 TUJUAN

Kertas ini dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Ahli-Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 berkenaan Cadangan Pembentangan Draf Garis Paduan Pengeluaran Lesen Perniagaan Sementara Di Atas Rizab Simpanan Pantai.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pulau Langkawi merupakan salah satu destinasi tarikan pelancongan yang terbaik di negara ini, khususnya di sekitar kawasan pantai terutama di Pantai Chenang.
- 2.1 Selain menjadi destinasi tumpuan tarikan pelancong, kawasan sekitar pantai juga menjadi kawasan tumpuan kepada para pengusaha/ peniaga kecil untuk menjalankan aktiviti perniagaan serta menambah pendapatan di sekitar kawasan tersebut.
- 2.2 Pada masa kini, Bahagian Pelesenan MPLBP telah pun mengeluarkan Lesen Perniagaan Ski Jet/ Skuter Air kepada tiga puluh tiga (33) operator yang menjalankan aktiviti di kawasan sekitar pantai, iaitu dua puluh enam (26) operator di Pantai Chenang, dua (2) operator di Pantai Teluk Baru, satu (1) operator di Pantai Tanjung Rhu, empat (4) operator hotel yang berada dikawasan sekitar pantai.
- 2.3 Bahagian Pelesenan MPLBP juga telah mengeluarkan Lesen Perniagaan kepada sembilan (9) operator yang menjalankan aktiviti perniagaan kerusi / payung rehat di kawasan sekitar pantai iaitu tujuh (7) di kawasan Pantai Chenang, satu (1) operator di Pantai Teluk Baru, satu (1) di Pantai Tanjung Rhu.

3.0 ISU SEMASA

- 3.1 Hasil pemeriksaan serta pemantauan bersama Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Jabatan Penguatkuasa telah mendapati bahawa terdapat pengusaha/ peniaga yang menjalankan perniagaan serta aktiviti di kawasan pantai yang tidak memiliki sebarang Lesen/ Permit Perniagaan yang sah dikeluarkan oleh pihak Majlis, antaranya ialah aktiviti permainan api, penjualan alat permainan kanak – kanak, dan juga aktiviti '*candle light dinner*' oleh pengusaha hotel yang berada di kawasan sekitar pantai tersebut.

- 3.2 Aktiviti perniagaan tanpa lesen yang sah dikeluarkan oleh pihak Majlis akan menyukarkan kerja-kerja pemantaun oleh pihak berkuasa disamping kehilangan hasil kepada pihak Majlis.

4.0 SITUASI SEMASA

- 4.1 Bahagian Pelesenan, Jabatan Kesihatan persekitaran MPLBP telah mengadakan beberapa perbincangan bersama Jabatan Teknikal yang melibatkan Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Langkawi, Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi, Pejabat Daerah Langkawi, dan Jabatan Teknikal MPLBP yang dipengerusikan oleh Puan Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) bagi membincangkan mengenai draf Garis Panduan Pengeluaran Lesen Perniagaan Sementara di atas rizab simpanan pantai.
- 4.2 Perbincangan bersama jabatan teknikal tersebut telah membincangkan mengenai syarat – syarat jabatan teknikal berkenaan aktiviti perniagaan yang terdapat di kawasan pantai di Pulau Langkawi, antaranya ialah aktiviti permainan api, aktiviti penjualan permainan kanak kanak, '*candle light dinner*', yang masih belum memiliki Lesen/ Permit Perniagaan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak majlis.
- 4.3 Selain itu juga, perbincangan bersama jabatan teknikal tersebut telah membincangkan secara terperinci berkaitan syarat – syarat yang akan ditetapkan serta aspek keselamatan berkaitan aktiviti perniagaan yang akan dijalankan di kawasan sekitar pantai tersebut.

5.0 ISI KANDUNGAN GARIS PANDUAN PENGELUARAN LESEN PERNIAGAAN SEMENTARA DALAM REZAB SIMPANAN PANTAI.

- 5.1 Pengenalan.
- 5.2 Punca Kuasa
- 5.3 Jenis – jenis perniagaan
- 5.4 Syarat dan peraturan
- 5.5 Kawasan yang dibenarkan
- 5.6 Kadar sewa tapak dan kadar lesen perniagaan sementara
- 5.7 Permohonan lesen
- 5.8 Borang permohonan
- 5.9 Senarai semak

6.0 IMPLIKASI KEWANGAN

Pengeluaran Lesen Perniagaan Sementara dan sewaan tapak perniagaan aktiviti di atas pantai telah memberi implikasi kewangan kepada pihak Majlis seperti berikut:-

6.1 Ski Jet/ Skuter air:

6.1.1 Sewaan

- 29 Unit Kiosk x RM 500.00 (Sebulan) = RM 14,500.00
- 14,500.00 X 12 Bulan = RM 174,000.00 (Setahun)

6.1.2 Lesen Perniagaan

- 145 Unit Ski Jet x RM 100.00 (Seunit) = RM 14,500.00
- 14,500.00 X 12 Bulan = RM 174,000.00 (Setahun)

6.3.3 Anggaran jumlah kutipan hasil bagi aktiviti Ski Jet/ Skuter Air adalah sebanyak **RM 348,000.00 Setahun**

6.2 Kerusi / payung rehat:

6.2.1 Sewaan

- 9 Tapak x RM 200.00 (Sebulan) = RM 1,800.00
- 1,800.00 X 12 Bulan = RM 21,600.00 (Setahun)

6.2.2 Lesen Perniagaan

- 9 Operator x RM 200.00 (Seunit) = RM 1,800.00
- 1,800.00 X 12 Bulan = RM 21,600.00 (Setahun)

6.2.3 Anggaran jumlah kutipan hasil bagi aktiviti kerusi / paying rehat adalah sebanyak **RM 43,200.00 Setahun**

6.3 Pertunjukan Api/ Permaian Api:

6.3.1 Sewaan

- 3 Tapak x RM 250.00 (Sebulan) = RM 750.00
- RM 750.00 X 12 Bulan = RM 9,000.00 (Setahun)

6.3.2 Lesen Perniagaan

- 3 Operator x RM 200.00 (6 bulan) = RM 600.00
- RM 600.00 X 2 (Setahun) = RM 1,200.00

6.3.3 Anggaran jumlah kutipan hasil bagi aktiviti pertunjukan api/ permainan api adalah sebanyak **RM 10,200.00 Setahun**

6.4 ***'Candle Light Dinner':***

6.4.1 Sewaan:

- 5 Tapak x RM 240.00 (Sebulan) = RM 1,200.00
- RM 1,200.00 X 12 Bulan = RM 14,400.00 (Setahun)

6.4.2 Lesen Perniagaan:

- 5 Operator x RM 200.00 (6 bulan) = RM 1,000.00
- RM 1,000.00 X 2 (Setahun) = RM 2,000.00

6.3.3 Anggaran jumlah kutipan hasil bagi aktiviti *'Candle Light Dinner'* adalah sebanyak **RM 16,400.00 Setahun**

6.5 **Penjualan alat permainan kanak – kanak:**

6.5.1 Sewa Tapak Perniagaan:

- Kadar sewa tapak: RM 90.00 (Sebulan)
- 5 Operator X RM 90.00 (Sebulan) = RM 450.00
- RM 450.00 X 12 (Setahun) = RM 5,400.00

6.5.2 Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik):

- Kadar Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik):
RM 150.00 (6 Bulan)
- 5 Operator X RM 150.00 (Sebulan) = RM 750.00
- RM 750.00 X 2 (Pembaharuan Lesen Perniagaan 2 kali sathun) =
RM 1,500.00

6.5.3 Anggaran jumlah kutipan hasil bagi aktiviti perniagaan alat permainan kanak - kanak adalah sebanyak **RM 6,900.00 Setahun**

6.6 Anggaran jumlah keseluruhan kutipan hasil bagi aktiviti di atas pantai adalah sebanyak **RM 417,900.00 Setahun,**

SULIT

Agenda: 6.4

7.0 CADANGAN

- 7.1 Bahagian Pelesenan MPLBP, mencadangkan supaya dikeluarkan Lesen Perniagaan Sementara kepada peniaga – peniaga yang menjalankan aktiviti di atas pantai bagi aktiviti pertunjukan api, penjualan alat permainan kanak-kanak dan juga aktiviti 'Candle Light Dinner'.
- 7.2 Bahagian Pelesenan MPLBP, juga mencadangkan untuk melesenkan aktiviti perniagaan tersebut berkuatkuasa 01 November 2021, dengan kadar seperti di dalam garis panduan yang telah di tetapkan.

8.0 SYOR

8.1 Ahli-ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 dipohon memberi pertimbangan seperti berikut:-

- a) **Bersetuju**, menerima cadangan Bahagian Pelesenan MPLBP mengeluarkan lesen perniagaan sementara kepada peniaga – peniaga yang menjalankan aktiviti di atas pantai berkuatkuasa 01 November 2021, dengan kadar seperti di dalam garis panduan yang telah di tetapkan.

Atau,

- b) **Tidak bersetuju**, memberi kelulusan Lesen Perniagaan Sementara kepada peniaga – peniaga yang menjalankan aktiviti di atas pantai seperti di para 8.1 (a)

Atau,

- c) Lain-lain keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah.

9.0 PENUTUP

Sekian untuk pertimbangan Ahli-Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021.

Disediakan Oleh,
Jabatan Kesihatan Persekutaran
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

Jabatan Kesihatan Persekutaran
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan

Agenda 6.0

6.5 Kertas Kerja Memohon
Kelulusan Lesen Perniagaan
Sementara Aktiviti Pertunjukan Api
di Pantai Chenang



KERTAS KERJA MEMOHON KELULUSAN LESEN PERNIAGAAN SEMENTARA AKTIVITI PERTUNJUKAN API DI PANTAI CHENANG

1.0 TUJUAN

Kertas ini di sediakan adalah untuk kelulusan Ahli–Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 untuk pertimbangan Lesen Perniagaan Sementara aktiviti pertunjukan api di Pantai Chenang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pulau Langkawi adalah salah satu destinasi percutian yang terdapat di negara ini. Banyak usaha telah dirancang oleh pihak Majlis bagi menarik kehadiran pelancong ke Pulau Langkawi. Antaranya adalah usaha melesenkan dan juga mengawal aktiviti – aktiviti perniagaan di kawasan sekitar Pantai Chenang.
- 2.2 Terdapat beberapa aktiviti perniagaan yang di jalankan di kawasan sekitar Pantai Chenang antaranya adalah aktiviti Ski Jet/ Skuter Air, kerusi/ payung rehat, '*Candle Light Dinner*' dan aktiviti penjualan alat permainan kanak – kanak
- 2.3 Walaubagaimanapun, aktiviti – aktiviti perniagaan yang dijalankan di kawasan atas pantai perlulah mendapat kelulusan yang sah daripada pihak Majlis.

3.0 ISU SEMASA

- 3.1 Pada 03 Januari 2021, pemeriksaan serta pemantauan oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran bersama Jabatan Penguatkuasaan mendapati terdapat empat (4) peniaga yang menjalankan perniagaan aktiviti pantai iaitu pertunjukkan api yang tidak memiliki sebarang Lesen Perniagaan Sementara yang sah yang di keluarkan oleh pihak Majlis.
- 3.2 Berikut merupakan senarai pengusaha kecil yang menjalankan perniagaan aktiviti pantai pertunjukan api tanpa mendapat kelulusan yang sah oleh pihak Majlis :-

Bil.	Nama Perniagaan	No. K/P & No. Pen. Syarikat	No Tel.
1.	Chong Chuan Sze	820717-03-5125 KV 0015198-H	011-24271390 012-8171870
2.	Muhamad Banimuda B. Iskandar Muda	910820-01-5892 AS0405575-X	017-7613253
3.	Mohammad Munir Bin Zulkifli	010720-02-0683 MA0251964-W	013-6334140
4.	Norfarayana Natasha Bin Mohd Nazri Bridge	960408-02-5884 002931474-U	011-14369646 017-6495482

Jadual 1: Senarai pengusaha kecil yang menjalankan perniagaan aktiviti pantai pertunjukan api tanpa mendapat kelulusan yang sah oleh pihak Majlis.

4.0 SITUASI SEMASA

- 4.1 Pada masa kini, Bahagian Pelesenan telah pun mengeluarkan Lesen Perniagaan Jetski/ Skuter air kepada 26 operator yang menjalankan aktiviti di kawasan Pantai Cenang dan 8 Lesen Perniagaan kepada aktiviti perniagaan kerusi rehat.
- 4.2 Terdapat beberapa aktiviti perniagaan yang dijalankan dan tidak mendapat kelulusan yang sah oleh pihak Majlis iaitu aktiviti petunjukkan api di sekitar Pantai Chenang.
- 4.3 Status aktiviti petunjukkan api tersebut mendapat perhatian pihak Majlis kerana aktiviti tersebut adalah salah satu daya tarikan kepada pelancong.
- 4.4 Jabatan Kesihatan Persekitaran telah mengadakan perbincangan bersama jabatan teknikal yang melibatkan Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi, Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi, Pejabat Daerah Langkawi, dan jabatan teknikal MPLBP yang dipengerusikan oleh Puan Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) dan telah membuat keputusan untuk Bahagian Pelesenan membuat kertas cadangan untuk memberi pertimbangan melesenkan aktiviti perniagaan di atas pantai.

5.0 PUNCA KUASA

- 5.1 Seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kuasa am untuk membuat undang-undang Kecil.
- 5.2 Mengikut UUK 2 (1), Undang-undang Kecil Pelesenan Perdagangan, Perniagaan dan Perusahaan. (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 1985;

Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi apa-apa perdagangan, perniagaan dan perusahaan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

6.0 IMPLIKASI KEWANGAN

6.1 Tapak Lesen Perniagaan Sementara:

- Kadar Tapak sewaan: RM 250.00 / Sebulan
- RM 250.00 (Sebulan) X 4 (Operator) = RM 1,000.00 (Sebulan)
- RM 1,000.00 X 12 = RM 12,000.00 (Setahun)

6.2 Lesen Perniagaan Sementara :

- Kadar Lesen Perniagaan Sementara: RM 200.00 / 6 bulan
- RM 200.00 X 4 (Operator) = RM 800.00
- RM 800.00 X 2 (pembaharuan dua (2) kali Setahun) = RM 1,600.00
- Anggaran jumlah hasil kutipan Tapak Perniagaan Sementara dan Lesen Perniagaan Sementara adalah sebanyak **RM 13,600.00 / Setahun.**

7.0 ULASAN BAHAGIAN PERLESENAN

- 7.1 Bahagian Pelesenan MPLBP mendapati terdapat keperluan untuk menghadkan kepada empat (4) operator sahaja untuk diberi lesen perniagaan sementara setelah diambil kira dari segi lokasi tapak dan persaingan diantara operator.
- 7.2 Bahagian Pelesenan MPLBP mencadangkan diberi pertimbangan Lesen Peniagaan Sementara seperti nama berikut:-

Bil.	Nama Perniagaan	No. K/P & No. Pen. Syarikat	No Tel.
1.	Chong Chuan Sze	820717-03-5125 KV 0015198	011-24271390 012-8171870
2.	Muhamad Banimuda B. Iskandar Muda	910820-01-5892 AS0405575-X	017-7613253
3.	Mohammad Munir Bin Zulkifli	010720-02-0683 MA0251964-W	013-6334140
4.	Norfarayana Natasha Bin Mohd Nazri Bridge	960408-02-5884 002931474-U	011-14369646 017-6495482

- 7.3 Walaubagaimanapun, hasil pemeriksaan oleh Bahagian Pelesenan MPLBP mendapati, Chong Chuan Sze (820717-03-5125) menjalankan aktiviti perniagaan minuman keras (alkohol) yang dibekalkan oleh perniagaan Kalut Bar yang berada dihadapan tapak tersebut.

8.0 SYOR

8.1 Ahli – Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 dipohon memberi kelulusan dan pertimbangan seperti berikut:-

- a) **Bersetuju**, menerima cadangan Bahagian Pelesenan untuk mengehadkan empat (4) operator sahaja untuk diberi lesen perniagaan sementara dan meluluskan Lesen Perniagaan Sementara aktiviti pertunjukan api seperti senarai nama berikut:-

Bil.	Nama Perniagaan	No. K/P & No. Pen. Syarikat	No Tel.
1.	Chong Chuan Sze	820717-03-5125 KV 0015198	011-24271390 012-8171870
2.	Muhamad Banimuda B. Iskandar Muda	910820-01-5892 AS0405575-X	017-7613253
3.	Mohammad Munir Bin Zulkifli	010720-02-0683 MA0251964-W	013-6334140
4.	Norfarayana Natasha Bin Mohd Nazri Bridge	960408-02-5884 002931474-U	011-14369646 017-6495482

Atau,

- b) **Tidak bersetuju**, memberi kelulusan Lesen Perniagaan Sementara seperti perkara 8.1 (a)

Atau,

- c) Lain-lain keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah.

9.0 PENUTUP

Sekian untuk pertimbangan ahli – ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021.

Disediakan Oleh,
Jabatan Kesihatan Persekutaran
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

Agenda 6.0

6.6 Kertas Kerja Memohon
Kelulusan Lesen Perniagaan
Sementara (Penjaja Statik) Aktiviti
Perniagaan Alat Permainan Kanak-
kanak di Kawasan Pantai Chenang



KERTAS KERJA MEMOHON KELULUSAN LESEN PERNIAGAAN SEMENTARA (PENJAJA STATIK) AKTIVITI PERNIAGAAN ALAT PERMAINAN KANAK - KANAK DI KAWASAN PANTAI CHENANG

1.0 TUJUAN

Kertas ini dibentangkan adalah untuk kelulusan Ahli–Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 untuk pertimbangan Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik) Aktiviti Perniagaan Alat Permainan Kanak – Kanak Di Kawasan Pantai Chenang.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pulau Langkawi adalah salah satu destinasi percutian yang terdapat di negara ini. Banyak usaha telah dirancang oleh pihak Majlis bagi menarik kehadiran pelancong ke Pulau Langkawi. Antaranya adalah usaha melesenkan dan juga mengawal aktiviti – aktiviti perniagaan di kawasan sekitar Pantai Chenang.
- 2.2 Terdapat beberapa aktiviti perniagaan yang dijalankan di kawasan sekitar Pantai Chenang antaranya adalah aktiviti Ski Jet/ Skuter Air, kerusi/ payung rehat, '*Candle Light Dinner*' dan aktiviti penjualan alat permainan kanak – kanak
- 2.3 Walaubagaimanapun, aktiviti – aktiviti perniagaan yang dijalankan di kawasan atas pantai perlulah mendapat kelulusan yang sah daripada pihak Majlis.

3.0 ISU SEMASA

- 3.1 Hasil pemeriksaan serta pemantauan oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran bersama Jabatan Penguatkuasaan mendapati terdapat lima (5) peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan alat permainan kanak – kanak yang tidak memiliki sebarang Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik) yang sah yang di keluarkan oleh pihak Majlis.
- 3.2 Berikut merupakan senarai pengusaha kecil yang menjalankan perniagaan aktiviti perniagaan alat permainan kanak - kanak tanpa mendapat kelulusan yang sah oleh pihak Majlis :-

Bil.	Nama Perniagaan	No. Kad Pengenalan	No Tel.
1.	Muhammad Nazri Bin Bakhari	920916-02-6043	013-2202498
2.	Muhamad Hafiz Bin Yaacob	891115-02-5825	016-2054500
3.	Muhammad Faizul Bin Nofiah	920921-02-5547	019-5985006
4.	Norazrol Bin Mat Radzi	880729-04-5181	011-59093467
5.	Ibrahim Bin Rahani	970506-02-5123	011-14417279

Jadual 1: Senarai pengusaha kecil yang menjalankan perniagaan aktiviti perniagaan alat permainan kanak – kanak tanpa mendapat kelulusan yang sah oleh pihak Majlis.

4.0 SITUASI SEMASA

- 4.1 Pada masa kini, Bahagian Pelesenan telah pun mengeluarkan Lesen Perniagaan Jetski/ Skuter air kepada 26 operator yang menjalankan aktiviti di kawasan Pantai Cenang dan 8 Lesen Perniagaan kepada aktiviti perniagaan kerusi rehat.
- 4.2 Terdapat beberapa aktiviti perniagaan yang dijalankan dan tidak mendapat kelulusan yang sah oleh pihak Majlis iaitu aktiviti perniagaan alat permainan kanak - kanak di sekitar kawasan Pantai Chenang.
- 4.3 Jabatan Kesihatan Persekitaran telah mengadakan perbincangan bersama jabatan teknikal yang melibatkan Ibu Pejabat Polis Daerah Langkawi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Daerah Langkawi, Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi, Pejabat Daerah Langkawi, dan jabatan teknikal MPLBP yang telah dipengerusikan oleh Puan Setiausaha Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) dan telah membuat keputusan untuk Bahagian Pelesenan membuat kertas cadangan untuk memberi pertimbangan melesenkan aktiviti perniagaan di atas pantai.

5.0 PUNCA KUASA

- 5.1 Seksyen 102, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kuasa am untuk membuat undang-undang Kecil.
- 5.2 Mengikut UUK 2 (1), Undang-undang Kecil Pelesenan Perdagangan, Perniagaan dan Perusahaan. (Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah) 1985;

Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu tempat atau premis dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi apa-apa perdagangan, perniagaan dan perusahaan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua.

6.0 IMPLIKASI KEWANGAN

Pengeluaran Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik) aktiviti perniagaan alat permainan kanak - kanak dan sewaan tapak perniagaan aktiviti di atas pantai telah memberi implikasi kewangan kepada pihak Majlis seperti berikut:-

6.1 Sewa Tapak Perniagaan:

- Kadar sewa tapak: RM 90.00 (Sebulan)
- 5 Operator X RM 90.00 (Sebulan) = RM 450.00
- RM 450.00 X 12 (Setahun) = RM 5,400.00

6.2 Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik):

- Kadar Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik): RM 150.00 (6 Bulan)
- 5 Operator X RM 150.00 (Sebulan) = RM 750.00
- RM 750.00 X 2 (Pembaharuan Lesen Perniagaan 2 kali setahun) = RM 1,500.00

- 6.3 Anggaran jumlah kutipan hasil bagi aktiviti perniagaan alat permainan kanak - kanak adalah sebanyak **RM 6,900.00 Setahun**

7.0 CADANGAN

- 7.1 Bahagian Pelesenan MPLBP mencadangkan diberi pertimbangan lesen perniagaan sementara (Penjaja Statik) seperti nama berikut:-

Bil.	Nama Perniagaan	No. Kad Pengenalan	No Tel.
1.	Muhammad Nazri Bin Bakhari	920916-02-6043	013-2202498
2.	Muhamad Hafiz Bin Yaacob	891115-02-5825	016-2054500
3.	Muhammad Faizul Bin Nofiah	920921-02-5547	019-5985006
4.	Norazrol Bin Mat Radzi	880729-04-5181	011-59093467
5.	Ibrahim Bin Rahani	970506-02-5123	011-14417279

8.0 SYOR

8.1 Ahli–Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 dipohon memberi kelulusan dan pertimbangan seperti berikut:-

- a) **Bersetuju**, menerima cadangan Bahagian Pelesenan memberi Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik) aktiviti perniagaan alat permainan kanak - kanak seperti nama berikut:-

Bil.	Nama Perniagaan	No. Kad Pengenalan	No Tel.
1.	Muhammad Nazri Bin Bakhari	920916-02-6043	013-2202498
2.	Muhamad Hafiz Bin Yaacob	891115-02-5825	016-2054500
3.	Muhammad Faizul Bin Nofiah	920921-02-5547	019-5985006
4.	Norazrol Bin Mat Radzi	880729-04-5181	011-59093467
5.	Ibrahim Bin Rahani	970506-02-5123	011-14417279

Atau,

- b) **Tidak bersetuju**, memberi kelulusan Lesen Perniagaan Sementara (Penjaja Statik) aktiviti perniagaan alat permainan kanak - kanak seperti perkara 8.0 (a)

Atau,

- c) Lain-lain keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah.

9.0 PENUTUP

Sekian untuk pertimbangan ahli – ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021.

Disediakan Oleh,
Jabatan Kesihatan Persekutaran
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

Agenda 6.0

6.7 Kertas Kerja Permohonan
Mengadakan Karnival Jualan
Tahun 2021 di Dataran Pekan Rabu,
Kuah, Langkawi,
Kedah Darul Aman



KERTAS KERJA PERMOHONAN MENGADAKAN KARNIVAL JUALAN TAHUN 2021 DI DATARAN PEKAN RABU, KUAH, LANGKAWI

1.0 TUJUAN

Tujuan kertas ini dibentangkan bertujuan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Ahli-Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 untuk membuat pertimbangan permohonan mengadakan kanival jualan 2021 di Dataran Pekan Rabu Kuah Langkawi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Dataran Pekan Rabu merupakan kawasan dataran dan tapak parkir yang berada di bawah seliaan MPLBP.
- 2.2 Dataran ini merupakan tempat penganjuran kanival jualan pada setiap tahun semasa cuti sekolah dan musim perayaan.
- 2.3 Kawasan dataran ini merupakan lokasi yang strategik dan bersesuaian bagi kegunaan acara-acara besar serta kedudukannya yang berada di kawasan pekan dan mempunyai kemudahan asas di kawasan berdekatan.

3.0 STATUS TAPAK

- 3.1 Status hak milik tanah bagi Dataran Pekan Rabu adalah hak milik kerajaan.
- 3.2 Pada tahun ini hanya satu acara yang berlangsung di dataran ini iaitu Bazar Syawal yang bermula pada 13 April 2021 hingga 12 Mei 2021.

4.0 PERMOHONAN

Terdapat tiga permohonan yang telah diterima oleh pihak Majlis Perbandaran Langkawi iaitu:

- 4.1 Permohonan mengadakan Karnival Pasca Bubble Tahun 2021 di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi oleh **Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Negeri Kedah** diterima pada **23 September 2021**.

- 4.2 Permohonan Permit Perniagaan Sementara Bagi Downtown 2021 di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi oleh **syarikat S.E.M Success Event Management diterima pada 25 Ogos 2021.**
- 4.3 Permohonan menganjurkan Karnival Usahawan Langkawi di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi oleh **Persatuan Pelancongan Langkawi diterima pada 26 September 2021.**
- 4.4 Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Negeri Kedah:
 - 4.4.1 Pengerusi persatuan Puan Fatimah binti Abd. Hamid.
 - 4.4.2 Penganjur tersebut akan menganjurkan karnival ini bermula pada 10 Oktober 2021 hingga 10 November 2021 iaitu selama 30 hari.
 - 4.4.3 Seterusnya, waktu perniagaan akan bermula pada jam 4.00 petang dan berakhir pada 12.00 tengah malam.
 - 4.4.4 Penganjur akan memasang khemah bersaiz 20ft x 20ft sebanyak 50 unit.
 - 4.4.5 Penganjur akan menyediakan sebanyak 40 unit khemah untuk jualan pelbagai dan 10 unit khemah untuk khemah jualan makanan dan minuman.
 - 4.4.6 **Kadar sewaan Khemah kepada peniaga adalah sebanyak RM 1,000 Hingga RM 2,000.**
- 4.5 S.E.M Success Event Management:
 - 4.5.1 Pengarah bagi syarikat ini ialah Hafizan bin Mazri.
 - 4.5.2 Penganjur akan menganjurkan *downtown* ini bermula pada 20 September 2021 hingga hujung tahun.
 - 4.5.3 Perniagaan Downtown 2021 ini akan bermula pada 2.00 petang sehingga 12.00 malam iaitu selama 8 jam sehari.
 - 4.5.4 Penganjur akan memasang khemah bersaiz 20ft x 20ft sebanyak 10 unit.
 - 4.5.5 **Kadar Sewaan khemah kepada peniaga adalah sebanyak RM 1,200.00**

- 4.6 Persatuan Pelancongan Langkawi:
- 4.6.1 Encik Zainuddin Kadir dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif untuk persatuan ini.
- 4.6.2 Penganjur akan menganjurkan Karnival Usahawan Langkawi sempena pembukaan Bubble Tourism Langkawi.
- 4.6.3 Operasi perniagaan ini akan bermula pada 2.00 petang sehingga 12.00 malam iaitu selama 8 jam sehari.
- 4.6.4 Penganjur akan memasang khemah bersaiz 20ft x 20ft sebanyak 40 unit.
- 4.6.5 Penganjur akan menyediakan sebanyak 32 unit khemah untuk jualan barangan kering dan 8 unit khemah untuk khemah jualan barangan basah.
- 4.6.6 **Kadar Sewaan khemah kepada peniaga adalah sebanyak RM 2,500.00**
- 4.7 Perbandingan diantara ketiga kertas cadangan yang diterima adalah seperti berikut,

Pemohon	Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Negeri Kedah	S.E.M Success Event Management	Persatuan Pelancongan Langkawi
Status Pemohon	Persatuan	Syarikat Persendirian	Persatuan
Jumlah Khemah	50 unit saiz 20x20	10 unit saiz 20x20	32 unit saiz 20x20
Tarikh Permohonan	10 Oktober 2021 hingga 10 November 2021 (30 hari)	20 September 2021 hingga hujung tahun	8 hb Oktober 2021 hingga 8 November 2021
Bayaran Permit	RM51,000.00	RM10,200.00	RM40,800.00

5.0 IMPLIKASI KEWANGAN

- 5.1 Permohonan Mengadakan Karnival Pasca Bubble Tahun 2021 di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi oleh **Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Negeri Kedah.**

- a) Bayaran Permit Perniagaan Sementara
(Khemah Kanopi saiz 20' x 20')

Permit	RM8.00 x 50 lot x 30 hari	RM12,000.00
Tapak	30000kp x 0.03 x 30 hari	RM27,000.00
Elektrik	RM8.00 x 50 lot x 30 hari	RM12,000.00
JUMLAH		RM51,000.00

- 5.2 Permohonan Permit Perniagaan Sementara Bagi Downtown 2021 Di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi oleh **syarikat S.E.M Success Event Management.**

- b) Bayaran Permit Perniagaan Sementara
(Khemah Kanopi saiz 20' x 20')

Permit	RM8.00 x 10 lot x 30 hari	RM2,400.00
Tapak	6000kp x 0.03 x 30 hari	RM5,400.00
Elektrik	RM8.00 x 10 lot x 30 hari	RM2,400.00
JUMLAH		RM10,200.00

- 5.3 Permohonan menganjurkan Karnival Usahawan Langkawi di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi oleh **Persatuan Pelancongan Langkawi**

- c) Bayaran Permit Perniagaan Sementara
(Khemah Kanopi saiz 20' x 20')

Permit	RM8.00 x 40 lot x 30 hari	RM9,600.00
Tapak	24000ft x 0.03 x 30 hari	RM21,600.00
Elektrik	RM8.00 x 40 lot x 30 hari	RM9,600.00
JUMLAH		RM40,800.00

7.0 ULASAN BAHAGIAN INSPEKTORAT

7.1 Bahagian Inspektorat telah melakukan pemeriksaan tapak, menilai berkenaan 3 permohonan yang telah diterima dan memberi pandangan seperti perkara berikut:-

- 7.1.1 Permohonan dari Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Negeri Kedah dengan kadar kutipan sebanyak RM51,000.00 adalah lebih menguntungkan kepada pihak Majlis.
- 7.1.2 Persatuan ini berjaya menganjurkan Bazar Syawal pada tahun ini di Dataran Pekan Rabu.
- 7.1.3 Persatuan Penjaja-penjaja Kecil adalah mewakili peniaga-peniaga kecil di Langkawi dan pendapatan daripada aktiviti ini dapat memberi sumbangan dan pendapatan kepada ahli persatuan penjaja.

8.0 SYOR

8.1 Ahli-Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021 dipohon untuk memberi pertimbangan dan keputusan seperti berikut:-

- a) Bersetuju / Tidak Bersetuju memberi kelulusan bagi Permohonan Mengadakan Karnival Pasca Bubble Tahun 2021 di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi oleh **Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Negeri Kedah.**

atau

- b) Bersetuju / Tidak Bersetuju memberi kelulusan Permohonan Permit Perniagaan Sementara Bagi Downtown 2021 Di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi oleh **syarikat S.E.M Success Event Management.**

atau

- c) Bersetuju / Tidak Bersetuju memberi kelulusan Permohonan menganjurkan Karnival Usahawan Langkawi di Dataran Pekan Rabu, Kuah, Langkawi oleh **Persatuan Pelancongan Langkawi** diterima pada 26 September 2021.

atau

- d) Lain-lain pertimbangan dan keputusan yang difikirkan wajar dan munasabah.

9.0 PENUTUP

- 9.1 Sekian untuk pertimbangan Ahli-Ahli Mesyuarat Penuh Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) kali ke 05/2021

Disediakan Oleh,
Bahagian Inspektorat,
Jabatan Kesihatan Persekutaran
Majlis Perbandaran Langkawi
Bandaraya Pelancongan

Agenda 7.0

Pembentangan usul

Agenda 8.0

Penanggulangan Mesyuarat